



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 13)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004	(Halaman 14)
Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004	(Halaman 50)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob (Sipitang) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Mulia Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharom (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

10. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan P. Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof. Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) – GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) – UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Abdul Rahman (Silam) – UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Vigneswaran a/l M. Sanasee (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. (B) Datuk Seri Abd. Hamid Ngah @ Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Abdul Fatah bin Harun (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Abdul Halim bin Abdul Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shaberry Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titivangsa) - UMNO

13. Yang Berhormat Dato' Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. " Tuan Bernard S. Maraat (Pensiangan) - PBRS
16. " Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang) - PBDS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. " Tuan Che Azmi bin Abdul Rahman (Kuala Nerus) - UMNO
19. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
20. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
21. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
22. " Tuan Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
23. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) - MCA
26. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) - UPKO
27. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
28. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
29. " Dato' Firdaus Muhammad Rom bin Harun (Rembau) - UMNO
30. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
31. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
32. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
33. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
34. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
35. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
36. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
37. " Ir. Hasni bin Mohamad (Pontian) - UMNO
38. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
39. " Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
40. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
41. " Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
42. " Tuan Ismail bin Abd. Mutalib (Maran) - UMNO
43. " Tuan Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
44. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
45. " Tuan Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
46. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
47. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
48. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
49. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
50. " Tuan Jimmy Donald Lim (Sri Aman) - PBDS
51. " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
52. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
53. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO

54. Yang Berhormat Tuan K. Devamany (Cameron Highlands) - MIC
55. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
56. “ Puan Kalthom binti Othman (Pasir Puteh) - PAS
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan Karpal Singh a/l Ram Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Datuk Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K, B.K.M, P.J.K, J.P (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Tuan Ling Ban San (Tebrau) - MCA
65. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
66. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
67. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
68. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat) - DAP
69. “ Datuk Dr. Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
70. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
71. “ Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
72. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
73. “ Datuk Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
74. “ Tuan Muhamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
75. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat (Kuala Krai) - UMNO
76. “ Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
77. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
78. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
79. “ Tuan Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
80. “ Dato’ Mohd. Sarit Yusoh (Temerloh) - UMNO
81. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
82. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
83. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
84. “ Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
85. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
86. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
87. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
88. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
90. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
91. “ Tuan Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
92. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO

93. Yang Berhormat Puan Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
94. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
95. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
96. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
97. “ Tuan Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
98. “ Datuk Shahrir bin Abd. Samad (Johor Bahru) – UMNO
99. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
100. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
101. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
102. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
103. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
104. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
105. “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
106. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
107. “ Puan Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Datuk Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Wai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah
Lavinia a/p Vyveganathan
Bazlinda binti Bahrin

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mat Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Hairan bin Mohtar
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Mohd. Izhar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS**UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd.
Darus
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 7 Jun 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan pada masa kini didapati ada begitu banyak pertubuhan sosial telah berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan. Pertubuhan yang didaftarkan itu mempunyai matlamat dan aktiviti yang sama di satu kawasan. Adakah Pejabat Pendaftaran Pertubuhan menyasiat latar belakang permohonan sesuatu pertubuhan sebelum ia diluluskan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, jika sesuatu pertubuhan mempunyai matlamat dan aktiviti yang seakan-akan sama di sesuatu kawasan tetapi pertubuhan itu mempunyai nama yang berbeza. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia akan mendaftarkan pertubuhan sedemikian itu jika ia memenuhi kehendak-kehendak Akta Pertubuhan 1966, Akta 335 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Akta Pertubuhan 1966 mewajibkan pendaftar pertubuhan menolak sesuatu permohonan pendaftaran pertubuhan jika nama yang hendak didaftarkan itu sama dengan nama mana-mana pertubuhan lain yang telah pun didaftarkan. Akta yang sama tidak mewajibkan Pendaftar Pertubuhan untuk menyasiat latar belakang permohonan sesuatu pertubuhan tetapi hanya membenarkan Pendaftar Pertubuhan meminta maklumat lanjut atau membuat pernyataan-pernyataan jika difikirkan perlu.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab dua pertubuhan itu namanya lebih kurang sama, ada matlamat dan aktiviti yang sama di suatu tempat, sudah jadi dua kumpulan yang tidak bermesra, tidak berharmoni dan juga jadi satu penyakit masyarakat di situ. Saya ingin bertanya apakah tindakan boleh diuruskan oleh pihak kementerian.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Pendaftar Pertubuhan tidak menggunakan kuasa untuk tidak mendaftarkan, cuma yang ditolak ialah kalau namanya sama, kalau namanya berbeza walaupun sedikit ini tidak menjadi masalah, cuma yang dikatakan menjadi masalah masyarakat kemungkinan ia berasaskan perkara-perkara yang subjektif, kemungkinan ia ada aktiviti yang ada kaitan dengan politik ada aktiviti yang ada kaitan dengan sesuatu dalam masyarakat berkenaan. Tetapi dari segi akta, ia tidak mengatakan pendaftar boleh menolak atau pun akan menolak.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bilakah kerajaan melalui Pejabat Pendaftaran Pertubuhan ini untuk mengambil tindakan dan menguatkuasakan nama-nama pertubuhan dalam negara kita yang mempunyai nama-nama berbentuk universal ataupun global ataupun nama bangsa ataupun nama agama yang boleh menjadi permasalahan dalam gerakan pertubuhan masing-masing termasuk pertubuhan-pertubuhan belia, parti-parti politik dan sebagainya, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, tertakluk kepada matlamat tetapi dari segi soalan berkenaan, saya menganggap soalan ini menjuruskan kepada pertubuhan berbentuk politik. Sememangnya hasil dari apa yang kita lalui dari segi persatuan yang berbentuk politik dan menggunakan agama, kerajaan tidak cenderung meluluskan bahkan kalau ada lagi persatuan politik yang hendak digunakan atas nama agama, pertubuhan itu tidak akan dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Huan Cheng Guan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 99, minta kata putus Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Sejauh yang saya maklum Mesyuarat Raja-raja.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah apa itu Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: 99. Minta Tuan Yang di-Pertua memutuskan perkara ini. Mesyuarat Raja-raja tahun 2001, kalau tidak silap saya....

Tuan Yang di-Pertua: Yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, pada masa hadapan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya, ya. Jadi Majlis Raja-raja telah memutuskan bahawa nama Islam boleh digunakan, tidak ada masalah, saya harap tidak ada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata masa-masa hadapan Yang Berhormat. Baiklah. Yang Berhormat bagi Batu Kawan.

2. **Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk melebarkan jalan persekutuan iaitu dari bulatan Bukit Tengah hingga ke Bukit Minyak di daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan memang mempunyai rancangan untuk melebarkan jalan dari Bulatan Bukit Tengah hingga ke Bukit Minyak di daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Laluan tersebut akan di naik taraf di bawah projek menaik taraf laluan persekutuan satu dari persimpangan laluan P124 ke Bulatan Bukit Tengah, yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-8. Kos projek ini adalah dianggarkan RM80 juta. Walau bagaimanapun, memandangkan siling yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 hanya RM6 juta sahaja, bukan RM80 juta. Maka peruntukan ini hanya mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja reka bentuk dan pengambilan balik tanah sahaja. Oleh yang demikian pelaksanaan sebenar projek akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Kena tunggulah. Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga cadangan projek tersebut melibatkan juga kerja-kerja menaik taraf jalan sedia ada iaitu jalan persekutuan satu kepada empat lorong dua hala dengan izin, *dual carriage way* sepanjang 10 kilometer dan membina satu persimpangan bertingkat untuk menuju ke lebuhraya utara selatan.

[Soalan No. 3 – Y.B Tuan Liow Tiong Lai [Bentong] tidak hadir]

[Soalan No. 4 – Y.B Dr. James Dawos Mamit [Mambong] tidak hadir]

5. **Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah pecahan peratusan rakyat Malaysia dari Sabah yang diberi tajaan biasiswa Petronas serta Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan apakah pecahan peratusan jurusan yang diceburi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 1990 hingga 2003, bilangan penuntut dari Sabah, yang diberi tajaan biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seramai 844 orang. Peratusan jurusan yang diceburi adalah 30% dalam bidang kejuruteraan, 20% dalam bidang perubatan, 17% dalam bidang Sains dan Teknologi serta Teknologi Maklumat dan selebihnya adalah bidang-bidang yang lain. Manakala Petronas pula, bagi tempoh yang sama telah menaja seramai 422 orang pelajar atau 5% daripada keseluruhan penajaan iaitu 9,175 bagi tempoh tersebut.

Peratusan program yang diceburi adalah 61% dalam bidang ekonomi, 28% dalam bidang kejuruteraan, 1% dalam bidang perubatan, 9% dalam bidang Sains dan Teknologi Komputer dan 1% lagi dalam bidang yang lain.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mempunyai data pecahan suku-suku kaum bumiputera

yang mendapat biasiswa tersebut? Jika tidak ada, adakah kerajaan akan berbuat demikian pada masa hadapan, untuk menentukan agar kita melihat gambaran sebenar mengenai dengan kedudukan suku-suku bumiputera yang mendapat biasiswa tersebut.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, penajaan biasiswa kerajaan ini adalah tertakluk kepada keputusan di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan sebagainya. Kita telah menghadiahkan biasiswa kepada mereka yang mempunyai keputusan yang terbaik. Kalau mereka itu ingin menjadi doktor, memang rakyat mengharapkan kita dapat menyediakan doktor yang terbaik sekali. Jadi, mereka mesti mempunyai keputusan yang terbaik di dalam SPM, STPM dan sebagainya.

Walaupun demikian, kerajaan sedar bahawa ada dari *Malays* mereka yang mungkin duduk di luar bandar dan yang tidak dapat keperluan-keperluan ataupun kemudahan-kemudahan asas yang serupa, yang dinikmati oleh mereka di luar bandar dan ini akan diambil kira oleh kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Petronas adalah syarikat utama dengan wang rakyat, bukan sahaja di negara ini tetapi di dunia. Adakah Petronas sanggup mengadakan satu dasar ketelusan, *transparency*, supaya semua urusan bukan sahaja mengenai pemberian biasiswa tetapi semua 'kelakuan' kira-kira wang Petronas dan lain-lain aspek diberi laporan kepada Parlimen dari masa ke semasa, bukan sahaja selaras dengan prinsip *good corporate governance* tetapi *accountability*, oleh kerana itu wang rakyat yang akhirnya.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, bagi persoalan ini saya mengehendak perbincangan ke atas hal biasiswa sahaja oleh Petronas. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Petronas ini adalah satu syarikat yang sudah mempunyai perniagaan di lebih daripada 100 buah negara dan keperluan-keperluan Petronas ini adalah merangkumi semua bidang. Apa yang telah dipecahkan oleh Petronas selama ini adalah semata-mata untuk memenuhi keperluan tenaga Petronas. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa, Petronas mempunyai ketelusan dalam bidang ini dan sesiapa sahaja yang tidak berpuasa hati bolehlah menyampaikan nama-nama mereka yang telah memohon kepada kerajaan untuk diteliti.

Saya ingat, Petronas sudah mempunyai satu nama yang baik di antara negara-negara yang mengeluarkan minyak. Saya ingat, tidak perlulah bagi Petronas untuk tidak cekap dan tidak telus dalam perkara ini. Terima kasih.

6. **Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah punca sebenar pelajar-pelajar sekolah di akhir-akhir ini mempunyai akhlak luar biasa sehingga berlaku pergaduhan sesama mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar melakukan kesalahan disiplin termasuk kes-kes pergaduhan. Faktor-faktor tersebut ialah:

- (i) faktor diri pelajar seperti bersikap negatif, tidak mempunyai dorongan dan motivasi, kurang minat terhadap iklim sekolah, sikap pelajar yang lebih berorientasikan keseronokan dan suka bertindak liar;
- (ii) faktor keluarga seperti krisis keluarga, kemiskinan, sikap negatif ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak, desakan dan tekanan daripada ibu bapa yang mempunyai aspirasi di luar keupayaan anak-anak; dan
- (iii) faktor rakan sebaya atau persekitaran seperti pengaruh rakan sebaya, sama ada di sekolah atau di luar, paksaan atau ancaman untuk mendapat pengiktirafan rakan sebaya.

Untuk mengatasi masalah tersebut, kementerian telah dan sedang memantapkan program-program yang sedia ada. Antaranya ialah:

- (i) meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan hal-ehwal murid dalam semua aspek di sekolah seperti memberi pendedahan kepada guru dan warden tentang pengurusan asrama dan pelbagai kemahiran *interpersonal*

- dengan izin, memastikan warden tinggal di asrama agar dapat mendekati dan mengawasi murid sepenuh masa dan memantapkan lagi kemahiran guru kaunseling;
- (ii) meningkatkan budaya positif dan sihat di kalangan murid dengan memastikan peluang penyertaan yang sama rata kepada pelajar dalam memperkukuhkan aktiviti ko-kurikulum, memantapkan sistem *mentor-mentee* dan pembimbing rakan sebaya;
 - (iii) melaksanakan sepenuhnya Program Sekolah Selamat;
 - (iv) memperkukuhkan hubungan di antara pihak sekolah, keluarga komuniti seperti memantapkan kerjasama dengan pihak polis, NGO seperti Yayasan Pencegah Jenayah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru atau PIBG; dan
 - (v) memantapkan penguatkuasaan peraturan disiplin seperti meminta semua Pengetua dan Guru Besar mengambil tindakan tegas termasuk mengenakan hukuman yang maksimum terhadap pelajar mengikut prosedur yang ditetapkan.

Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sepanjang jawapan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua sebentar tadi, nampaknya tidak ada satu pun dikaitkan dengan masalah agama. Adakah kerajaan bersetuju, masalah keruntuhan akhlak ini kerana selama ini kerajaan masih lagi degil dan tidak mahu mengambil pendekatan agama sebagai asas untuk membentuk akhlak dan peribadi pelajar-pelajar ini...

Beberapa Ahli: Degil Apa?

Tuan Haji Abdul Fatah Haji Haron sebagaimana yang telah disebutkan lima cara mengatasinya, tidak termasuk juga masalah pendekatan agama. Apakah kerajaan sedar bahawa pendekatan agama itu lebih baik daripada segala-galanya untuk membentuk akhlak dan peribadi pelajar-pelajar itu? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat bila kita sebut dia tidak ada agama, saya rasa berkali-kali saya sebutkan dari segi apa yang kita hendak lakukan. Yang Berhormat salah faham saya. Sebenarnya, pihak kita, saya tegaskan di sini, dalam soal agama, kita tetap mengambil kaedah agama. Ada! Kita kaedah agama, kita kaedah pendidikan moral, kita telah tegaskan dan dimasukkan dalam kurikulum.

Malah baru-baru ini, kita telah pun menegaskan mengenai dengan J-QAF, iaitu Jawi, Fardu Ain dan juga Arab. Jadi, yang mana satu? Saya tidak faham, Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat hendak bertanya dengan saya, Yang Berhormat periksa dahulu, Yang Berhormat tidak memeriksa dan tidak lebih mengetahui tentang sekolah. Jadi, soalan tambahan Yang Berhormat kepada saya, memanglah dapat saya patahkan begitu sahaja. Jadi, saya tegaskan kepada Yang Berhormat sekali lagi, malah arahan Yang Amat Berhormat sendiri mengenai dengan disiplin ini memang tegas. Sekian, terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa di kalangan pelajar yang bermasalah disiplin ini adalah pelajar yang tidak mempunyai kemahiran membaca, terutama sekali selepas tahap satu dan mereka ini tidak mempunyai keseronokan belajar di sekolah sebab mereka tidak menghayati ilmu selepas tahap satu, sampai tahap dua pun. Jadi, apakah kementerian mahu memfokuskan dalam soal kemahiran membaca para pelajar ini, dan jika belum mendapat kemahiran membaca, apakah langkah-langkah kerajaan bercadang untuk memberi pendidikan khas, pemulihan kepada pelajar-pelajar yang belum mempunyai kemahiran membaca ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tuaran, sekurang-kurangnya Yang Berhormat bagi Tuaran membuat kajian sedikit mengenai

dengan ini, tidak seperti Yang Berhormat tadi. Terus terang saya katakan, kita tidak dapat pastikan, adakah murid-murid yang tidak tahu membaca dan menulis itu yang menjadikan masalah. Memang kita akui ada masalah-masalah yang ditimbulkan oleh murid-murid yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, terus terang saya katakan di sini, kami telah pun mengambil beberapa langkah tertentu untuk memastikan anak-anak yang belajar daripada sekolah rendah sehingga menengah dapat membaca dan menulis. Malah kita baru-baru ini dari segi pendidikan khas, telah pun mengeluarkan satu instrumen untuk menyukat anak-anak kita yang bermasalah dari segi mengenali huruf dan sebagainya, atau dipanggil '*dislecture*', ini pun telah dilakukan.

Malah arahan baru-baru ini oleh pihak Menteri sendiri, yang mana untuk memastikan penuntut-penuntut di sekolah rendah, misalnya dari tahap satu sampai tahap tiga, kita mesti pastikan mereka boleh membaca dan menulis. Begitu juga seterusnya sehingga mereka sampai ke peringkat menengah, ini ditetapkan oleh pihak Menteri sendiri.

Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat di sini, untuk kita pertingkatkan lagi kelas-kelas pemulihan ataupun, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *Removal Classes* untuk anak-anak kita yang kita akan saringkan mereka, kalau tidak boleh baca dan menulis, yang ini kita akan sediakan kelas pemulihan atau *Removal Classes*. Terima kasih.

7. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberi untuk subsidi harga padi seluruh Malaysia sejak 1995. Terangkan jumlah petani yang menanam padi yang telah menerima bayaran subsidi mengikut negeri dan adakah kerajaan berhasrat menambah kadar bayaran itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1995 sehingga 2003, subsidi harga padi berjumlah RM3.72 bilion telah dibayar kepada kira-kira 140,000-150,000 pesawah di seluruh negara setiap tahun. Butir-butir terperinci penerima subsidi harga padi setiap tahun mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Penerima Subsidi
Perlis	14,555
Kedah	56,335
Pulau Pinang	6,883
Perak	15,633
Selangor	10,028
Negeri Sembilan	164
Melaka	583
Johor	544
Kelantan	16,547
Terengganu	4,901
Pahang	1,830
Sabah	8,060
Sarawak	7,246

Pada masa ini, kerajaan membayar subsidi harga padi sebanyak RM248.10 setan metrik dan tidak berhasrat untuk menambah kadar bayaran tersebut.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya, di negeri Sarawak

saya nampak begitu ramai penanam padi dan apakah pendekatan yang digunakan untuk mengumpul maklumat-maklumat tentang penanam-penanam ini dan juga apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan semua orang ini menerima bantuan dari kerajaan dan kementerian. Sekian.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini Kementerian Pertanian telah menubuhkan tiga cawangan penyelia padi dan beras di Sarawak, iaitu di Kuching, Sibuan dan Miri. Satu daripada tujuan mereka ini ialah untuk mengumpulkan segala maklumat-maklumat mengenai pesawah-pesawah yang ada di Sarawak dan jenis-jenis bantuan yang akan disalurkan kepada mereka.

Jadi, selain daripada mengawal harga, Cawangan Padi dan Beras yang diwujudkan di Sarawak ini adalah juga untuk kita mengadakan aktiviti pembangunan ataupun memberi maklumat kepada pesawah-pesawah tentang kaedah-kaedah yang terkini untuk meningkatkan produktiviti padi.

Untuk makluman, sekarang ini kita mengenal pasti supaya Sarawak – kita hendak wujudkan sebagai pengeluar beras tempatan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memberi subsidi bukanlah satu perkara yang sukar jika kita ada wang, tetapi peningkatan produktiviti untuk petani menjadi satu cabaran. Saya selalu membaca laporan khususnya di Kelantan dan hasrat kerajaan meningkatkan pendapatan petani, misalnya di kawasan KADA, matlamat RM10 ribu setahun, misalnya, tetapi ini telah kita dengar beberapa tahun kebelakangan ini dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah cadangan konkrit sebenar untuk petani-petani di Kelantan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Pendekatan yang kita gunakan untuk khasnya industri padi, adalah pertama kita memastikan bahawa memang kita tidak akan dapat mengeluarkan padi 100%, jadi sekarang ini kita setakat mencecah 69%, *self-sufficient level*. Jadi, untuk yang demikian, memang kita sentiasa mencari jalan untuk kita meningkatkan produktiviti. Jadi, strategi kali ini, iaitu kita hendak menyusun dan membentuk semula struktur organisasi pembangunan ladang yang ada. Selepas itu, kita hendak memperkembangkan kemudahan infrastruktur dan prasarana ladang bagi memastikan setiap lot mendapat bekalan air yang sempurna, sebab itu satu daripada masalah banyak berkisar kepada masalah infrastruktur dan juga air.

Kita sentiasa mengadakan perjumpaan dengan pesawah supaya kita sama-sama dapat menangani masalah-masalah yang mereka hadapi, termasuk kita hendak menukarkan sedikit sebanyak sikap pesawah-pesawah ini supaya lebih progresif dan juga mengamalkan teknologi terkini, seperti yang kita telah cuba gunakan kaedah *precision farming* yang ada di Tanjung Karang, iaitu kita hendak menjuruskan kepada sasaran kita iaitu pengeluaran 10 tan sehektar. Terima kasih.

8. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bantuan-bantuan subsidi yang disediakan untuk petani-petani sayur, bunga-bunga dan buah-buahan di kawasan Cameron Highlands bagi 2004. Apakah jenis dan jumlah bantuan yang disediakan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, bantuan-bantuan yang disediakan untuk petani-petani sayur dan buah-buahan di Cameron Highlands bagi tahun 2004 adalah seperti penyediaan infrastruktur ladang, pembersihan kawasan, sistem pengairan, kemudahan jentera dan perparitan serta input pertanian seperti baja dan racun.

Bagi penanaman bunga di Cameron Highlands pula, bantuan tidak disediakan memandangkan mereka adalah merupakan penanam bunga komersial. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masih lagi memberi kemudahan untuk pasaran eksport kepada mereka melalui perkhidmatan sokongan, teknikal seperti perkhidmatan pemeriksaan kuarantin, pengeluaran sijil fotosanitasi dan juga sijil peruntukan dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri Pahang.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah serius

dalam penentuan harga pasaran hasilan tani di Cameron Highlands yang ditentukan oleh pemborong rakus yang mengikat petani melalui pinjaman kerana mereka memberi pinjaman melalui benih, baja dan pelbagai barangan yang dipanjangkan kepada petani. Lepas itu, harga penghasilan mereka ditentukan apabila penghasilan mereka dihantar kepada pemborong yang tentukan harga ini. Apakah bantuan kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Masalah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya rasa memang ada juga dibawa kepada pengetahuan pihak kementerian dan kita akan mencari jalan dan kaedah untuk kita mengatasi supaya mereka ini tidak bergantung kepada pinjaman-pinjaman yang diberi seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat.

Jadi, ingin saya tambahkan sedikit di sini, dari segi apa juga bantuan-bantuan lain yang kita cuba pastikan supaya mereka ini sentiasa dijaga dari segi kebajikan mereka, iaitu selain daripada bantuan infrastruktur, kementerian juga melaksanakan operasi, kita cuba menyelamatkan dari segi penanam-penanam kubis dan tomato apabila harga kedua-dua produk ini jatuh di bawah harga kos pengeluaran di peringkat ladang.

Ini adalah satu kaedah yang dijalankan dan melalui FAMA pemberian kubis telah dilaksanakan dengan harga RM0.45 sen sekilogram dan tomato dengan harga RM0.70 sen sekilogram apabila harga jatuh di bawah kos pengeluaran di peringkat ladang pada awal tahun ini.

Jadi, kita telah memperuntukkan, ini adalah bantuan ya, supaya mereka tidak bergantung semata-mata kepada mereka yang telah memberikan pinjaman. Jadi, FAMA juga akan menjalankan tugas mereka khasnya kepada penanam-penanam sayur ini di Cameron Highlands selain daripada kita akan cuba melarikan mereka daripada peminjam atau pemberi pinjaman, kita mahu mengadakan beberapa kemudahan baru untuk mereka ini dapat menjalankan perniagaan atau tanaman mereka dengan lebih terjamin lagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam memberi bantuan-bantuan racun kepada petani-petani dalam pekerjaan mereka, apakah sekatan-sekatan atau study, dengan izin, yang telah dijalankan yang boleh memastikan bahawa racun-racun ini tidak terlampau digunakan hingga menyebabkan sayur-sayuran yang dimakan oleh pengguna-pengguna menjadi racun sendiri.

Saya khawatir, di antaranya kerap kali kita tahu bahawa racun di sayur-sayuran itu adalah terlampau bila ia ditolak oleh negara jiran kita di Singapura, bukan di Malaysia, hingga kita dengar bahawa Singapura tidak ingin membenarkan sayur-sayuran dari Cameron Highlands dihantar ke Singapura, baru kita tahu bahawa racun-racun itu terlampau.

Jadi, apakah tindakan-tindakan yang sedia ada atau yang telah diambil dan akan memastikan bahawa racun-racun itu tidak membahayakan masyarakat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Memang dari segi Jabatan Pertanian khasnya, memang kita mengadakan *good farming practice*, tetapi kadang-kadangnya bagi petani-petani atau penanam ini kadang-kadang mereka hendak meraih lebih keuntungan, mereka telah tidak mengikut segala *good farming practices*, tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, memang kita ada jawatankuasa pemantauan dan yang demikian melalui FAMA kita telah memberitahu bahawa kehendak-kehendak pasaran yang membeli barangan kita ini, seperti yang telah saya terangkan dengan panjang lebar semasa menggulungkan perbahasan Ucapan Titah Diraja, tetapi sebenarnya Yang Berhormat, ini adalah tanggungjawab kepada penanam itu sendiri supaya mereka mematuhi segala *good farming practices* yang telah kita terangkan dan juga supaya mereka mengikut segala kehendak pasaran khasnya di mana kita menjualkan barang-barang makanan ke negara-negara luar.

Tetapi terima kasih Yang Berhormat, kita akan sentiasa menjalankan kajian dari masa ke semasa dan pada masa yang sama, kita cuba untuk memperkenalkan kepada mereka jenis-jenis serangga atau makhluk perosak, supaya mereka mematuhi dan supaya mereka ada kesedaran di dalam ladang itu sendiri akan mengetahui *the social obligation* kita kepada mereka yang akan memakan tanaman-tanaman yang kita keluarkan. Terima kasih.

9. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan rakyat Filipina yang memasuki negeri Sabah daripada Zambonga ke Sandakan melalui feri dalam setahun dan daripada bilangan tersebut berapakah bilangan yang balik semula ke Filipina dan berapakah yang tinggal di Sabah.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, perangkaan pergerakan keluar masuk rakyat Filipina dari Zambonga ke Sandakan menggunakan feri bagi tahun 2002 sehingga bulan April 2004 adalah seperti berikut:-

Tahun	Yang Masuk [Orang]	Yang Keluar [Orang]
2002	41,271	45,046
2003	45,694	23,326
2004	15,748	12,294

Kemasukan rakyat Filipina ke Sabah melalui Sandakan adalah untuk pelbagai tujuan iaitu lawatan sosial, bekerja dan untuk pergi ke negara lain melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya telah bertanya soalan ini apabila diberitahu oleh Presiden Majlis Perbandaran Sandakan yang menyatakan bahawa perangkaan yang diberikan adalah lebih besar daripada ini, saya sebenarnya terima kasih bilangannya turut membesar, dalam lingkungan 45,000 sahaja, ini diberitahu kepada saya, menyatakan hampir sampai 100,000 dan ada lebih kurang 10,000 yang tidak balik ke Filipina.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ada dia punya gap iaitu 45,000 yang sampai, yang balik 23,000 maknanya setengah lagi belum balik ke Filipina dan yang tahun 2003 ini, lebih kurang 3,000 lebih. Jadi, saya ingin bertanya yang tidak balik ke Filipina ini ke manakah mereka, dan adakah mereka ini bekerja dan adakah mereka ini mempunyai dokumen-dokumen tertentu, seperti *work permit* ini dan sebagainya untuk terus berada di Sabah untuk bekerja. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, angka yang diberikan adalah hanya untuk Sandakan. Mereka yang masuk melalui Zambonga ke Sandakan. Ada juga yang masuk melalui Sandakan tetapi keluar melalui Tawau, melalui Kota Kinabalu dan lain-lain. Jadi, jika Ahli Yang Berhormat ingin maklumat yang mendalam mengenai angka-angka yang keluar melalui tempat-tempat lain, kita patut melihat angka keseluruhannya negeri Sabah.

Memang apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ada kewajarannya untuk kita melihat menyeluruh bahawa tahun 2003 yang masuk ke seluruh Sabah ialah 1,111,546 orang, yang keluar 1,057,818 orang, bermakna ada gap, ada perbezaannya lebih kurang 53,708 orang pada tahun itu sahaja yang melalui jalan rasmi kerajaan.

Tahun 2004, antara Januari hingga April yang masuk ialah 459,396 orang dan yang keluar ialah 437,447 orang. Ini bermakna ada perbezaan 20,000 orang. Memangnya ini merupakan satu masalah yang dihadapi oleh kerajaan memandangkan sempadan antara Sabah dan Filipina begitu mudah untuk keluar masuk oleh pendatang asing. Walau bagaimanapun, dalam dua tahun yang lalu kerajaan telah memperketatkan dengan mengenakan sekatan-sekatan dan memberikan bot-bot laju yang digunakan oleh marin polis dan tentera laut bagi membantu membanteras pendatang haram yang datang melalui jalan-jalan laut ke Sabah.

Berbanding dengan empat hingga lima tahun yang lalu jumlah pendatang asing yang datang adalah berkurangan. Walau bagaimanapun kita mengakui bahawa kelemahannya masih ada dan selagi kedudukan keadaan ekonomi dan keselamatan negara Wilayah Selatan Filipina itu masih tidak stabil, maka inilah yang akan membawa masalah kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Beluran.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, Beluran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya diberitahu oleh *sources* yang *reliable*, bahawa orang-orang daripada Filipina masuk ke Sabah salah satu caranya adalah dengan menggunakan feri dan diberi visa selama seminggu oleh pihak Imigresen. Sebahagian besar daripada mereka ini tidak mengendahkan bahawa visa mereka telah tamat tempoh kerana sedar bahawa kerajaan akan menghantar mereka pulang secara *amnesty*. Pendatang-pendatang Filipina ini menggunakan *amnesty* untuk bekerja dan tinggal secara haram tanpa visa di negeri Sabah.

Ini merupakan sebahagian daripada modus operandi yang mereka lakukan. Dan pintu masuk yang digunakan oleh mereka ialah melalui feri-feri ini. Saya ingin tahu adakah kerajaan sedar mengenai perkara ini? Apakah tindakan yang diambil dan adakah kerajaan ingin memberi perhatian yang khusus terhadap perkhidmatan feri di Zamboanga, Sandakan yang sedang beroperasi ini? Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar bahawa ada kelemahan seperti mana yang saya sebutkan tadi. Dari segi masalah yang wujud oleh perkhidmatan feri-feri ini kita akan siasat selanjutnya. Pada jangka panjangnya ada dua strategi. Pertamanya, kita akan membantu Kerajaan Filipina dalam membangun wilayah selatannya. Sekiranya ekonomi di Wilayah Selatan Filipina bertambah baik, maka tidak akan timbul masalah dari segi kedatangan rakyat Filipina untuk bekerja - seperti di Thailand, kebanyakan rakyat Thailand yang datang ke Malaysia melalui jalan darat di sebelah utara tidak berminat untuk tinggal lebih lama, mereka akan bekerja dan pulang oleh kerana kedudukan ekonomi di selatan Thailand tidak seperti mana yang ada di selatan Filipina.

Strategi yang keduanya ialah kita menggalakkan secepat mungkin rakyat menggunakan kad pintar, MyKad yang menggunakan cip komputer. Kita mencadangkan supaya semua penduduk yang datang sama ada rakyat, pekerja asing atau sesiapa sahaja yang tinggal dalam jangka masa yang panjang kita akan memperkenalkan dan memberikan mereka kad pintar supaya setiap orang disimpan cap jarinya di dalam sistem komputer dan dalam jangka masa panjang kita dapat mengesan sesiapa yang sebenarnya datang secara haram atau sebaliknya. Kadangkala mereka pulang dengan nama lain dan datang balik dengan nama yang lain, bukan sahaja daripada Filipina malah daripada negara jiran yang lain juga berlaku seperti itu.

10. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:-

- (a) berapa tan metrik beras dikeluarkan di seluruh negara kita pada tahun 2003 dan daripada jumlah ini berapa peratus mengikut keperluan negara; dan
- (b) apakah langkah yang diambil agar negara kita dapat membekalkan semua keperluan beras negara.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat jumlah pengeluaran beras negara pada tahun 2003 adalah 1.45 juta tan metrik iaitu 69 peratus jumlah keperluan negara. Kerajaan tidak berhasrat untuk membekalkan semua keperluan beras negara sebaliknya akan mengeluarkan kira-kira 65 peratus daripada keperluan menjelang tahun 2010. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras tempatan dengan mengadakan program-program peningkatan hasil padi seperti projek 10 tan, mini estet, penanaman secara kelompok dan Ladang Merdeka. Di samping itu, kementerian juga menggalakkan penghasilan benih-benih baru yang lebih bermutu dan berupaya mengeluarkan hasil yang lebih tinggi seperti MR 219 dan MR 220. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan. Kita hairan dan pelik Tuan Yang di-Pertua Negara kita ini terkenal dengan negara pertanian, tanahnya subur dan airnya cukup tetapi sejak berpuluh-puluh tahun ini kita mendengar bahawa kita masih lagi mengimport beras. Beras masih tidak

mencukupi sedangkan seluruh rakyat Malaysia yang berjumlah lebih kurang 24 juta ini semuanya memakan nasi, tidak ada orang yang tidak makan nasi kecuali Yang Berhormat bagi Keponglah agaknya dia makan roti atau lain-lain. Semua orang makan nasi. Ini bermakna ia satu keperluan asas negara, tetapi kenapa kita tidak membuat langkah-langkah bagaimana hendak mencukupkan bekalan beras untuk diri kita dan kalau boleh menjadi pengeksport seperti negara-negara lain, umpamanya Thailand, Taiwan dan Indonesia. Kita ada tanah yang luas, air yang cukup dan cuaca yang sesuai, maka tidak ada sebab kita tidak boleh mencukupkan keperluan asas ini. Jadi, bagaimana kementerian? Saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa kita memilih 65 hingga 69 peratus bagi *self sufficient* memandangkan sebenarnya memang kos itu terlampau tinggi. Kalau kita membandingkan dari *competitiveness* atau *competitive edge* memanglah lebih mahal kos pengeluaran. Jadi, untuk makluman Dewan yang mulai ini saya ingin memaklumkan bahawa inilah di antara sebab-sebab kos kita begitu meningkat. Kos untuk pengeluaran padi di Malaysia adalah mengikut seperti berikut.

Untuk kita mengeluarkan sebuah jelapang padi, kos yang kita perlu gunakan ialah anggaran RM2,075 bagi sehektar. Bayangkanlah banyaknya, Yang Berhormat tetapi kalau kita bandingkan pula kos ini termasuk penyewaan tanah sebanyak RM500, kos-kos menuai dan pengangkutan RM338, kos baja RM286 dan kos penyediaan ladang atau sawah RM269 yang kesemuanya sudah mengambil dua pertiga daripada jumlah kos.

Kedua, ingin dimaklumkan bahawa pesawah-pesawah padi di Malaysia adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Jadi, itulah sebabnya kita menyasarkan pengeluaran 65 peratus. Jika kita bandingkan pula dengan negara-negara yang di mana kita banyak mengimport beras kos mereka sangat rendah jika dibandingkan dengan kos kita di mana *competitive cost* mereka adalah 68 hingga 86 peratus daripada MADA. Itulah sebabnya mereka dapat mengeluarkan harga padi atau harga beras ini dengan begitu murah sekali. Sebenarnya kita menjurus kepada 65 peratus disebabkan kita mengetahui bahawa dari segi *food security* kita memang sudah mencukupi dari segi *stock pile* beras kita. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya setuju kos kita untuk mengeluarkan padi memang mahal dan kerana itu untuk keselamatan strategik, kita perlu mengadakan mungkin 60% – 70% keluaran padi dan beras sendiri. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, setakat mana estet ataupun perladangan berkelompok akan menggantikan warga tua pesawah-pesawah ini? Pada masa hadapan, adakah juga cadangan untuk mengeluarkan beras wangi bagi negara ini?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi dari segi bagaimana, sebab saya telah memberitahu bahawa pesawah-pesawah kita kebanyakannya adalah berumur 60 tahun ke atas. Jadi satu daripada cara kita hendak menggalakkan supaya industri padi ini lebih *lucrative*, supaya kita dapat membawa yang muda-muda ini masuk atau sama-sama menjadi *players* dalam industri padi tetapi satu daripada jalannya ialah untuk menggunakan mekanisasi dan automasi. Sebab itulah kita telah mengadakan satu eksperimen yang insya-Allah rasanya memuaskan dari segi perintisnya iaitu kita menggunakan mekanisasi *precision farming* namanya dengan bajanya, dengan segala-galanya, semua *computerized* dan kita tidak memerlukan tenaga yang begitu ramai.

Jadi dari segi beras wangi itu, kita lihatlah Yang Berhormat seperti yang kita katakan, kalau dari segi kos pengeluarannya lebih tinggi daripada negara-negara yang kita mengimport beras, saya rasa di situlah sedikit sebanyak dari segi kita hendak membuat ketentuan tetapi namun demikian, MARDI sentiasa mencari jalan untuk mendapatkan *varieties* yang baru, mungkin menjuruskan kepada beras wangi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

11. **Tuan Chong Hon Min [Sandakan]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah langkah-langkah drastik yang telah dan akan diambil untuk mengatasi gangguan bekalan elektrik di Sandakan, Sabah yang masih kerap berlaku sekarang. Bila masalah ini akan diatasi.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kawasan Sandakan dibekalkan kemudahan elektrik oleh tiga stesen jana kuasa seperti berikut:-

- (i) Stesen Janakuasa Libaran dengan keupayaan terpasang sebanyak 60 MW;
- (ii) Stesen Janakuasa Sandakan Power Corporation dengan keupayaan terpasang sebanyak 34 MW; dan
- (iii) Stesen Janakuasa Batu Sapi, kepunyaan SESB dengan keupayaan terpasang berjumlah 74 MW.

Ini bermakna, Sandakan mempunyai keupayaan terpasang sebanyak 167 MW manakala kehendak maksimum di Sandakan sekarang hanyalah sebanyak 75 MW sahaja. Walaupun kapasiti melebihi permintaan, gangguan bekalan masih terdapat di Sandakan oleh sebab-sebab berikut:-

- (i) apabila berlakunya *tripping* ke atas set-set IPP, maka pembekal-pembekal (*feeders*) dengan izin, SESB akan terpelanting (*trip*) dalam keadaan *underfrequency*;
- (ii) gangguan juga berlaku atas berlakunya *transient fault* dengan izin, pada talian atas 11 kV yang agak terdedah kepada keadaan cuaca buruk khususnya angin yang kuat, ribut petir dan sebagainya; dan
- (iii) gangguan juga berlaku secara dirancang apabila talian dan pencawang elektrik dipindahkan misalnya untuk pembinaan jalan raya baru oleh JKR dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penutupan bekalan elektrik sama ada untuk kerja senggaraan atau peningkatan sistem, biasanya dijalankan pada hujung minggu selepas pemberitahuan kepada pengguna-pengguna dibuat melalui media massa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, antara tindakan-tindakan yang telah dan akan terus diambil bagi mengatasi gangguan-gangguan ini adalah seperti berikut:-

- (i) memasang *lighting-arrestor* untuk mengurangkan kejadian *feeder tripping* akibat disambar kilat;
- (ii) memindahkan beban untuk mengelak lampau beban di pencawang;
- (iii) mempertingkatkan rangkaian sistem pembahagian dengan membina pencawang pembahagian utama di kawasan Sim-Sim; dan
- (iv) memasang beberapa unit alat *autorecloser* di kawasan Rancangan Sungai Manila yang mana dapat membantu mengurangkan gangguan disebabkan gangguan ubah-tika.

SESB akan sedaya upaya mengambil tindakan untuk mengurangkan gangguan bekalan dan samping itu memulihkan keadaan dalam masa yang tersingkat mungkin apabila berlakunya gangguan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan antara tahun 2001 hingga tahun 2005 ini, SESB akan membelanjakan sejumlah RM29 juta untuk memperkukuhkan lagi sistem penghantaran dan pembahagian di kawasan Sandakan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu dari segi tahap keselamatan pusat-pusat bekalan dan juga pusat-pusat janakuasa elektrik di seluruh negara contohnya di Pergau ataupun kita tengok di Tasik Kenyir Terengganu ataupun di Paka, Dungun Terengganu kerana kita khuatir anasir-anasir daripada luar ini kadang-kadang menjadi punca sasaran yang pertama ialah pusat-pusat janakuasa elektrik. Saya mohon satu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan asal ialah di Sandakan.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Di Sandakan ya, di lain-lain kawasan tempat tidak sebut.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Sama. Tuan Yang di-Pertua, saya buat contoh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Seluruh negara tetapi perkara yang sama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, Yang Berhormat tetapi yang asalnya ialah di Sandakan. Tidak bolehlah bawa keluar ke tempat-tempat lain.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan tahap keselamatan, di Sandakan pun sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak dibenarkan Yang Berhormat.

12. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan menyatakan, peruntukan yang akan diberikan kepada negeri Pulau Pinang untuk usaha pemuliharaan kawasan dan bangunan warisan di negeri itu.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah menyediakan peruntukan kewangan untuk pemuliharaan dan pengekalan kawasan dan bangunan warisan di Pulau Pinang sebanyak RM7.0 juta. Jumlah peruntukan tersebut adalah untuk pembiayaan seperti berikut:-

- (i) kerja-kerja membaik pulih dan pemuliharaan konservasi Kota Cornwallis - RM1.6 juta;
- (ii) kerja-kerja membaik pulih dan pemuliharaan konservasi masjid Kapitan Keling - RM4.3 juta;
- (iii) membaiki bumbung dan ruang Pameran Kota Cornwallis - RM150,000; dan
- (iv) kerja-kerja pengisian pameran Muzium Islam Pulau Pinang - RM1 juta; dan
- (v) membaik pulih Masjid Batu Uban RM500,000.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perkembangan terkini berhubung dengan Undang-undang Pemuliharaan Bangunan dan Kawasan Warisan melalui pindaan kepada *Town and Country Planning Act* dan apakah kementerian akan ambil alih tanggungjawab ini dan tindakan yang diambil untuk membantu Bandar Raya George Town untuk mencapai taraf Bandar Raya Sejarah daripada UNESCO.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tanjong. Tuan Yang di-Pertua, beliau ada dua soalan iaitu pertama, akta baru mengenai bangunan warisan. Perkara-perkara itu sedang digubal oleh kementerian saya selepas kita mendapat pandangan-pandangan daripada NGO-NGO dan juga daripada pakar-pakar di dalam bidang berkenaan. Selepas semua ini disiapkan, ia akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini tidak berapa lama lagi.

Soalan kedua ialah berkenaan Pulau Pinang yang memohon diletakkan di bawah UNESCO sebagai sebuah bandar bersejarah iaitu dengan izin *heritage listing on the UNESCO*. Semua *dossier* permohonan kepada UNESCO telah disiapkan, dan satu *dossier* akan disediakan kepada Kabinet dan selepas diluluskan oleh Kabinet akan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon sedikit penjelasan daripada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan ini, definisi kawasan dan bangunan warisan ini, bagaimana ia dikategorikan sebagai kawasan dan bangunan warisan. Apakah kerana sejarah,

kerana bangunan lama atau kerana bentuk-bentuk kebudayaan, saya tidak faham sebenarnya. Boleh dapatkan sedikit penjelasan, penerangan bagaimana yang dikatakan kawasan atau bangunan yang disebut sebagai warisan yang boleh diberikan bantuan untuk memelihara atau menjaganya. Terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah yang termaktub dalam Akta Benda Purba Bil. 168/1976 iaitu kalau sebuah tempat yang mempunyai nilai-nilai bersejarah, kalau diwartakan tempat itu menjadi tempat bersejarah, umpamanya 'Kota Cornwallis' satu tempat di sekelilingnya dan di samping itu juga ada bangunan bersejarah dengan nilai-nilai bersejarah serta tempatnya. Kedua-dua ini dapat dipelihara di bawah Akta yang saya sebutkan tadi.

13. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah kementerian sedar berlakunya pencerobohan tanah kerajaan khususnya tanah rizab sungai dan membina rumah haram di kawasan tadahan air merupakan salah satu faktor menimbulkan masalah banjir kilat. Apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk membanteras kegiatan haram yang membebankan rakyat dan kerajaan ini

Setiasaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya sedar pencerobohan tanah kerajaan di tanah rizab sungai dari masa ke semasa dan merupakan salah satu faktor yang menimbulkan masalah banjir kilat. Kawasan setinggian juga membawa pencemaran dan masalah-masalah yang lebih buruk terhadap kualiti air. Pada masa kini setiap pencerobohan di dalam tanah kerajaan khususnya di rizab sungai akan dilaporkan kepada pihak berkuasa iaitu pejabat tanah atau pejabat daerah dan semua penguatkuasaan undang-undang ke atas aktiviti-aktiviti pencerobohan ini akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa kerajaan tempatan ataupun kerajaan negeri.

Salah satu kaedah bagi menghalang pencerobohan di rizab-rizab sungai dan juga di kawasan tadahan air ialah program-program mengindahkan dan juga membangunkan tapak-tapak rekreasi di rizab-rizab sungai tersebut. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dengan adanya undang-undang untuk mencegah pencerobohan tanah kerajaan tetapi masih dapat di kawasan tertentu khasnya kawasan tadahan dan kawasan rizab sungai, kegiatan pencerobohan masih berlaku. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk memastikan kerajaan negeri ataupun PBT menjalankan penguatkuasaannya mengikut kehendak undang-undang yang sedia ada.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak mempunyai hak untuk menguatkuasakan undang-undang pencerobohan dan sebagainya. Sebab ianya tertakluk kepada undang-undang yang akan dikuatkuasakan oleh kerajaan negeri dan juga tempatan. Walau bagaimanapun, seperti yang telah diterangkan tadi kementerian ini sentiasa menjalinkan hubungan rapat dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga tempatan untuk mengadakan program-program di mana kita mengadakan program seperti sungai angkat, cintailah sungai kita dan sebagainya, supaya sungai-sungai ini dijaga dan juga sebarang pencerobohan ke atas tanah-tanah rizab ini dapat dipantau oleh Majlis Daerah Tempatan.

[Masa Untuk Pertanyaan-Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menubuhkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia untuk melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan

bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan Zon Maritim Malaysia dengan tujuan melindungi kepentingan maritim dan kepentingan lain negara dalam zon itu dan bagi perkara-perkara yang perlu atau yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN VARIETI
BARU TUMBUHAN 2004**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan perlindungan hak pembiak bagi varieti baru bagi tumbuhan, dan mengiktirafkan serta perlindungan ke atas sumbangan yang dibuat oleh petani masyarakat tempatan dan pribumi terhadap perwujudan varieti baru tumbuhan; untuk menggalakkan pelaburan dan pembangunan dalam pembiakbakaan varieti baru tumbuhan dalam sektor awam dan swasta; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG FI (TAMAN LAUT MALAYSIA)
(PENGESAHAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia selama tempoh mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG RACUN MAKHLUK PEROSAK
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Racun Makhluk Perosak 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ditangguhkan atas masalah, Bahawa rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [3 Jun 2004]

Tuan Yang di-Pertua: Saya meminta Yang Berhormat bagi Kepong menyambung ucapan.

11.09 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, minggu yang lepas saya ada menyebutkan mengenai keperluan untuk mempertingkatkan mutu kawalan melalui undang-undang dan saya juga ada menyebutkan mengenai *e-village* yang

merupakan kampung halimunan yang tidak wujud langsung dan dengan fasal II, MSC kita, saya pun tidak tahu macam mana *e-village* ini akan terjadi.

Dan juga saya ada sebutkan mengenai penggunaan *broadband* kita hanya 1% berbanding dengan Korea Selatan yang penggunaannya hampir 80%. Walhal pihak Korea Selatan bermula dengan penggunaan ICT dengan secara *extensivenya* pada tahun 1997 dan Malaysia bermula pada satu atau dua tahun lebih awal. Inilah masalah yang dihadapi oleh pihak MSC yang saya nampak.

Walau bagaimanapun, saya ada beberapa perkara yang saya nampak ada cerah sedikit mengenai *Business Process Outsourcing* (BPO), saya nampak Malaysia di tangga yang ketiga di dunia. *MEO Business Process Outsourcing*, saya tidak tahulah sama ada kementerian boleh mengesahkan ini nombor tiga atau nombor dua di dunia kerana ini memang satu perkara yang baik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 1930 syarikat *MSC status* yang disebutkan oleh Yang Berhormat minggu lepas dan disebutkan bahawa hampir 277 syarikat itu dimiliki oleh syarikat-syarikat antarabangsa dan 59 syarikat bertaraf dunia. Di sinilah saya tidak begitu faham juga kerana Yang Berhormat pernah ada sebutkan mengapa syarikat Bill Gates, Microsoft itu pergi ke Bangalore, tidak datang ke Malaysia dan kos untuk mengadakan syarikat Microsoft Malaysia memang disebutkan terlalu tinggi dan syarat-syarat itu terlalu ketat untuk Malaysia.

Walau bagaimanapun, saya hendak bertanya pihak kementerian di sini apakah tujuan fasa kedua untuk MSC kita sama ada menjadi satu pusat penyelidikan dan pembangunan sahaja, sama ada ini hanya untuk *hardware* atau kita menumpukan perhatian kepada *software* dan perkhidmatan sahaja. Ini memang satu perkara yang penting kerana setakat ini pun kita tidak tahu apa yang dimaksudkan oleh MSC kita.

Minggu lepas saya ada tekankan bahawa sama ada ini mengenai *flagship* kita sahaja, pusat-pusat seperti Cyberjaya sahaja ataupun mengenai keluasan 15 x 50 kilometer, itu sahaja. Dan kalau kita hendak menjadikan negara ini lebih maju di dalam ICT, saya ingat kita perlu kaji semua perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Singapore adalah negara yang sangat kecil dan mempunyai infrastruktur yang lebih baik daripada Malaysia, tidak semestinya Singapura mempunyai *knowledge economy* yang lebih baik daripada Malaysia kerana suasana di Singapura pun tidak begitu baik juga dari segi kebebasan fikiran dan sebagainya. Malaysia memang lebih baik sedikit dari segi ini, bukan banyak, lebih sedikit dan mungkin dari segi ini, *knowledge economy* kita boleh lebih baik daripada Singapura, mungkinlah kalau kita berusaha.

Walau bagaimanapun, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji, bukan sahaja setakat alam kawalan (*regulatory environment*) yang dibentangkan hari ini, bahkan juga kita mesti mengkaji alam manusia kita, bukan setakat di dalam Dewan memang ada majoriti 90%. Memang wujud masalah dari segi psikologi *Tyranny of the Majority*, sama ada *tyranny* ini sesuai untuk perkembangan *knowledge economy*. Itu memang satu persoalan yang pokok.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dengan majoriti yang begitu besar, memang dasar dan langkah-langkah yang diambil untuk *knowledge economy* untuk *extensive and intensive ICT development* itu mungkin tidak sesuai. Sebab itulah saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji dari segi alam untuk rakyat Malaysia secara fikiran dan sebagainya. Di sinilah saya berharap kebebasan akhbar dan media mestilah dipertingkatkan. Walaupun pihak kerajaan kata ada kebebasan, tetapi saya nampak dari segi BN sahaja yang ada kebebasan – “kebebasan ala BN”, itu sahaja.

Dan saya berharap kita hendak *knowledge economy*, kita hendak ICT iaitu yang dipanggil sebagai *digital hub*. Ini memang Multimedia Development Corporation (MDC) hendak menjadikan Malaysia sebagai *a global ICT hub and provided an attractive and competitive financing package to expedite the growth of the ICT center*. Tetapi kalau kita tengok *e-village* itu, kita kesal jugalah, macam mana boleh menjadi satu kampung “halimunan”.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengkaji...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun, Puchong.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Puchong hendak tanya? Ohh, Puchong!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak beri laluan?

Tuan Lau Yeng Peng: Boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak mahu pun boleh.

Dr. Tan Seng Giaw: ICT di Kepong pun kurang juga, di Puchong pun kurang juga.

Tuan Lau Yeng Peng: Bagilah orang baru, bagi *chance* sedikit. *[Ketawa]* Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong.

Hari Khamis yang lalu ataupun yang tadi, seolah-olahnya Yang Berhormat telah menggambarkan bahawa MSC di bawah Kerajaan BN ini tidak begitu berjaya, tetapi kita hendak bercakap atau berbincang, kita mesti ada fakta dan juga angka-angka yang betul. Sebagai contoh, setakat 17 Mei 2004 ini, kita ada 1,035 *company* yang bertaraf *MSC status* dan ada lebih kurang 60 syarikat yang bertaraf antarabangsa, sebagai contoh Nokia, Motorola, SAP – SAP ialah *software company* yang kedua besar di dalam dunia, Siemens, Ericsson dan sebagainya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng:yang mengendalikan teknologi yang paling canggih di....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa penjelasan?

Tuan Lau Yeng Peng: Saya hendak tanya sedikit mengenai komen dan *knowledge worker* yang kita ada sekarang lebih kurang 22,000 orang ataupun *knowledge workers* yang ada di MSC.

Adakah Yang Berhormat bagi Kepong boleh menyatakan sama ada ini adalah satu kejayaan atau satu kegagalan dalam MSC yang juga memberikan satu *sales* yang berjumlah lebih kurang RM6 bilion setakat 2003 ini. Itu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Membetulkan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuatlah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat bagi Puchong ada angka termasuk 22,000 *cyber workers* dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat bagi Puchong dapat kembali ke rumah untuk mengkaji *local content* kepada semua ini. Ini memang satu perkara kerana kita hendak jadikan a *global ICT hub* dan kita mesti ada *local content* yang tinggi. Kalau setakat syarikat-syarikat yang disebutkan hampir 60 syarikat dunia yang datang ke sini, tetapi hanya berpejabat di sini sahaja dan *content* dia itu *international content*.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bukankah itu satu teknologi *transfer*?

Dr. Tan Seng Giaw: Inilah..... kemajuan seperti itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]*

Tuan Lau Yeng Peng: Ini memberi satu *exposure* kepada semua yang terbabit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan dialog *you know?* Yang Berhormat bagi Kepong bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Puchongkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Itu dari segi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak bersetuju, balik kepada tajuk, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tetapi kita mesti bagi dia peluang juga. Dia ada pandangan. Kita layan juga pandangan dia. Memang dia kusut kepada angka itu. Angka pun kita boleh dapati di mana-mana pun, hah. Angka tidak jadi masalah. Yang menjadi masalah itu *local content* kita itu macam mana.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa hendak cakap boleh cakap. Ini satu Dewan itu bagi peluanglah, hendak cakap juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, biar Yang Berhormat bagi Puchong bawa sendiri kepada kerajaanlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik. Saya pun hendak bincang dengan dia, tetapi baik jugalah kerana di dalam dunia *interactive*, itu kita mesti terima sama ada kita setuju ataupun tidak setuju itu satu alam *environment, environment* ini memang penting. Bukan salah itu Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti galakkan hal seperti ini tetapi ada orang yang mesti mempunyai mentaliti yang pada abad yang ke-10 lagi. Ini..... bila kita cakap, dia tak payah cakap, dia hendak cakap sekarang ini.

Itulah mentaliti abad ke-10 lagi. Ini abad ke-21 dah. Kita *interactive*kan. Tuan Yang di-Pertua, di sinilah saya hendak tekankan mengenai masalah *computerization*, nampaknya ada 90 *smart school* sekarang dan akan diperluaskan kepada 300 sekolah.

Di sini saya hendak meminta pihak kerajaan menerangkan kepada kita 90 *smart school*, setakat mana kita berjaya ataupun ini setakat angka sahaja. Sebab Yang Berhormat, maksud kita hendak mengadakan alam kawalan dengan undang-undang ini ialah untuk mengenakan kewajipan mandatori terhadap pemberi perkhidmatan aplikasi, supaya memberikan perkhidmatan aplikasi yang dikehendaki dan juga ke atas pemberi perkhidmatan rangkaian supaya membolehkan perkhidmatan aplikasi dikehendaki disediakan oleh pemberi perkhidmatan aplikasi.

Ini memang *application* – aplikasi yang penting sebab di dalam negara ini termasuk *e-commerce* juga saya akan mendalami *e-commerce* sedikit, kerana kita hendakkan perkhidmatan yang lebih luas. Aplikasi yang lebih baik dan salah satu aplikasi itu ialah *smart school*. *Smart school* ada 90 dan kalau kita ikut pandangan Yang Berhormat bagi Puchong, baiklah itu ada *smart school* sebanyak 90 sekolah dan akan diperluaskan kepada 300 sekolah. Ini memang angka yang baik sekali, 90 kepada 300 tetapi kita mesti mengkaji isi kandungannya (*content*).

Apakah yang disebutkan sebagai *smart school*? Di sini saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula konsep *smart school* dan *content* yang sedia ada di dalam 90 buah sekolah yang mempunyai *smart school* itu. Dari segi aplikasi ini saya nampak Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbelanjaan. Perbelanjaan di dalam aplikasi ini, misalnya dahulu dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita memperuntukkan hampir RM2.7 bilion untuk *computerization* di sekolah termasuk *smart school* dan juga di agensi-agensi kerajaan.

Tetapi ini sudah dipertingkatkan dan ditambahkan kepada RM4.7 bilion. Ini satu perkara yang aneh binti hairan. Kita ada peruntukan RM2.6 bilion tetapi kita belanja sudah lebih. Dalam dua tahun setengah, kita belanja lebih. Ini termasuklah di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan kita pun ada RM120 bilion. Tetapi dalam tempoh dua tahun setengah, hampir habis RM120 bilion peruntukan ini.

Sama ini bermakna, penggunaan wang peruntukan Malaysia ini memang boleh dicatat di dalam *Guinness Book of Records* sebab paling berkesan, kalau lima

tahun, dua tahun, dua tahun setengah kita cukup habiskan semua ataupun pemborosan yang paling besar di dunia. Saya sebutkan di sini kerana ini mengenai ICT kita, *computerization* dan walaupun *ICT Funding* pada mulanya sebanyak RM310 juta dikurangkan. Ini memang dikurangkan dan juga *flagship application*, aplikasi *flagship* kita ini dikurangkan daripada RM1.8 bilion kepada RM1.5 bilion. Ini satu perkara yang penting juga untuk merapatkan jurang digital kita.

Ini memang ada *universal service provision*, *info* desa, internet desa dan sebagainya dan pada mulanya peruntukan RM153 juta dan ditambahkan kepada RM399 juta. Di sinilah itu..... Saya berharap kita hendak *ICT hub*, kita hendak aplikasi yang lebih luas dan lebih mendalam. Kita memang mahu. Tetapi kalau kita tidak dapat menggunakan peruntukan dengan baik, kita tidak akan mencapai matlamat. Kita tidak akan mencapai matlamat.

Di sinilah saya berharap pihak kementerian dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini setakat manakah internet desa dan *info* desa, pusat-pusat internet desa dan *info* desa dapat dijayakan perkembangan dan kemajuannya. Kita di sini pun sangat menekankan peri pentingnya kita merapatkan jurang digital kita ini di dalam usaha kita hendak mengadakan alam kawalan hari ini, kita hendak tahu setakat mana seperti internet desa di Sungai Air Tawar di Sabak Bernam itu. Seperti di Mata Air di Perlis, semua air di sini dan setakat mana kita dapat menjayakan dan Tuan Yang di-Pertua.

Di sini satu perkara yang pokok di dalam menjadikan digital *hub* kita ini ialah penggunaan *e-commerce* kita. *E-commerce* ini ada beberapa inisiatif, saya nampak termasuk daripada Bank Negara dan bank-bank komersial yang lain, yang digalakkan menggunakan ICT untuk mempertingkatkan penggunaan *e-commerce* di negara ini termasuklah projek *Division Consumer Response*, *Logistic Integrator Primary (LIP)*, *Commodity Exchange* dan sebagainya.

Nampaknya tidak begitu berjaya, apakah sebabnya? Apakah sebabnya dan saya berharap fasa dua yang disebutkan Yang Berhormat dan juga oleh Menteri mengenai fasal 2 ini. *E-commerce strategic direction*, fasal 2 ini memang mengkaji betul juga bukan salah, kita mesti mengkaji setakat mana kita berjaya. *E-commerce strategic direction*, saya berharap Yang Berhormat pihak kementerian dapat mengumumkan apakah penemuan-penemuan di dalam *e-commerce strategic direction* kajian fasal 2 ini supaya kita tahu setakat mana kita dapat menjayakan ini.

Seterusnya mengenai peranan yang dimainkan oleh Nasional IT iaitu Council, Nasional IT Council yang memang penting untuk mewujudkan satu dasar yang boleh dilaksanakan untuk aplikasi yang ekstensif dan *pervasive* dan saya ada nampak NITC ini peranannya mestilah dikaji, mestilah dikaji adakah ia melanggar dengan MDC kita dan apakah masa depan untuk NITC kita dan juga national IT policy centre, ini memang satu perkara penting Tuan Yang di-Pertua kerana pengasas MSC kita Tun Mahathir tidak ada di sini dan Yang Amat Berhormat Kepala Batas, memang ada fikiran dan wawasan yang bersendirian, mungkin dia tidak setuju dengan beberapa strategi MSC kita, mungkin dia tidak setuju dengan konsep 15 kilometer x 50 kilometer, saya sebutkan di sini kerana kita sangat tidak begitu teranglah apa dasar sekarang dan saya berharap kementerian Yang Berhormat dapat menerangkan kepada kita apakah arah tujuan Yang Amat Berhormat Kepala Batas, mengenai ICT mengenai MSC sekarang kerana dunia kita pun hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak panjang, saya sentuh sedikit sebanyak mengenai *service provision*, pemberian perkhidmatan aplikasi dan juga mengenai tribunal kita di dalam peruntukan ini untuk tribunal ini termasuk ahli-ahli dan tidak disebutkan kriteria yang diadakan untuk melantik. Cuma kita serahkan kepada menteri dan menteri boleh membuat pelantikan. Saya berharap pihak kementerian mungkin kita adakan satu kriteria supaya ini satu bidang khas. Kalau tidak ada orang yang berkaliber memang pelantikan pun sia-sia sahaja kerana kita hendak galakkan hendak ada alam kawalan yang baik untuk ICT kita.

Seterusnya mengenai aplikasi kita misalnya Tuan Yang di-Pertua, di dalam kawalan kita Astro, Astro pun ada program yang baik juga kita tengok ada baik bukan kita membidas semua. Ada baik kita pun setuju juga bukan semua yang dibuat jahat tidak betul, ada yang baik juga Astro kita. Saya tidak mahu bincangkan isi kandungan

program-program yang diberi oleh Astro, cuma satu, tiap-tiap kali ada hujan atau petir rancangan tergendala, macam mana kalau tiap-tiap hari ada hujan ada kilat Astro tidak boleh digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Musim hujan tidak dapat lihat program.

Dr. Tan Seng Giaw: Musim tengkujuh kita habis tidak ada program, jadi ini bukan satu *provision of service* yang sempurna. Apa masalahnya Yang Berhormat. Astro kalau hujan, musim tengkujuh ada kilat dia jadi kilat, jadi itulah.

Mengenai telefon bimbit, *provision of service*, *provision of service*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin kepada Yang Berhormat Kepong sama ada beliau bersetuju dengan penambahan kadar bayaran oleh Astro mulai bulan lepas, setiap pelanggan diperlu membayar RM5.00 lebih, di negara kita ada lebih kurang 1.3 juta pelanggan dan setiap bulan dia akan mengaut keuntungan lebih lima, enam juta.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Bagan memang ada asas untuk membangkitkan mengenai itu tarif yang akan dinaikkan oleh pihak Astronya dan perkhidmatan mesti ditambahkan bukan sahaja hendak minta orang bayar lebih sahaja dan kita mestilah buat perkara seperti ini dengan rasional. Kalau setiap kali ada musim tengkujuh ada kilat ada petir kita tidak dapat menyaksikan Astro ini bermakna perkhidmatan itu kurang sempurna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan tidak puas, hendak tanya lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja menaikkan taraf perkhidmatan malah ia bukan satu penindasan kerana ia monopolize dengan izin, open sky di negara kita ini, sama ada Yang Berhormat dari Kepong boleh bersetuju sekiranya kerajaan kita boleh membenarkan parabola digunakan di negara kita ini sebab di negara jiran kita seperti di Medan dan di Thailand mereka dibenarkan untuk menggunakan parabola dan parabola boleh menerima banyak stesen dari sedunia dan ini kita ada satu pilihan yang lain supaya kita tidak perlu menunduk kepada Astro sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat saya setuju, tidak baik kalau kita ada monopoli, memang tidak baik, lain kali kalau kita ada lebih provider lagi hujan pun kita boleh menyaksikan program juga, kalau ada parabola lebih baik juga, kerajaan mesti mengkaji mengenai penggunaan parabola. Sebab ini tidak adil juga bagi pihak di semenanjung. Di Sarawak parabola satu perkara biasa tidak jadi masalah dan kita di sini tidak ada parabola, lebih mundur dari Sarawak, Putrajaya pun setuju tidak? Di Sarawak di kawasan-kawasan pedalaman ada parabola tapi di Putrajaya tidak ada, pusat pentadbiran tidak ada walaupun di situ ada 6,000 pengundi sahajalah berbanding dengan 60,000 atau 70,000 di kawasan lain-lain, mesti adakan lebih banyak provider.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tidak banyak.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, hendak habis ini, saya hendak bagi peluang kerana kita interactive, kita ICT, kita hendak penetration yang banyak kerana internet kita di Malaysia dikatakan ada 30% penetration sahaja, kita hendak 100%, kita hendak lebih interactive, kita lebih terbuka menerima pandangan orang lain bukan *tyranny* majoriti, itu tidak baik, semua ini memang kita perlu.

Akhir sekali, yang pertama saya hendak menyaksikan infrastruktur yang lebih baik, penggunaan *broadband* daripada 1% dengan beransur-ansur kita tingkatkan kepada 80%, 100% *broadband*, kerana kita hendak cepat, hendak memberi *access* yang baik.

Kita mesti kaji mengapa dari segi penggunaan, kita hanya 1% *broadband*. Ini memang satu kelemahan. Kita perlu mempertingkatkan dan untuk pembangunan infrastruktur mestilah dipertingkatkan untuk memberi *access* yang lebih, termasuklah di kawasan desa, luar bandar, kita mesti memberi *access* yang lebih di desa.

Mengenai aplikasi *flagship* MSC kita. Saya tidak begitu berpuas hati, termasuklah *tele-medicine*, *tele-health* dan sebagainya, saya tidak berpuas hati, kerana saya nampak kemajuan itu tidak banyak. Setakat bagi angka itu tidak cukup. Mengenai keperluan peri mustahaknya untuk membangunkan infrastruktur ICT yang lebih baik untuk negara kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

11.42 pagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Sebenarnya, di sini ingin saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana selama ini memang begitu prihatin tentang penguasaan ICT dan kita nampak kerajaan memang begitu komited sekali untuk merencanakan pelbagai program, untuk rakyat kita menguasai ilmu ataupun ICT ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau Yang Berhormat bagi Kepong minta jawapan, di sini saya telah membuat satu kajian dua, tiga hari yang lalu. Saya dapati, penggunaan *broadband* di Malaysia ini sebenarnya, kita menghadapi satu masalah. Kalau kita lihat di Malaysia, TMnet dengan Streamix nyalah, Time.Com dengan *web bit* nya,.....[Yang Berhormat bagi Kepong bangun] Belum boleh lagi Yang Berhormat bagi Kepong.

Sebenarnya, kalau kita lihat angka dari segi pengguna setakat ini, mereka yang menggunakan Streamix ini, mencapai angka 160,000 sahaja, berbanding dengan jumlahnya, *dial-up* yang dibekalkan oleh TMnet, kita mempunyai tiga juta pelanggan ataupun akaun. Namun yang aktif hanyalah 500 hingga 600,000 sahaja. Di manakah masalahnya?

Tuan Yang di-Pertua, dari pemerhatian kita ini, kita dapati bahawa masalah yang dihadapi sekarang ialah, kalau kita lihat prasarana untuk pembangunan ICT ataupun penggunaan *broadband* ini, ianya hanya terdapat pada *backbone's infrastructure* dengan menggunakan *fiber optic* di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan dan beberapa tempat lagi yang dianggap sebagai *backbone*, tetapi kita lihat penggunaan *fiber optic* itu cumalah terhad kepada kawasan-kawasan ataupun yang dikatakan *backbone* tadi. Dari stesen ke rumah-rumah atau pengguna, ianya hanya atau setakat ini masih menggunakan wayar kuprum ataupun *copper wire*. Inilah masalah utama.

Dan dengan mengadakan ataupun menggunakan wayar kuprum ini, berserta ADSL sistem ini, barulah kita boleh menggunakan Streamix di rumah-rumah ataupun di premis yang kita cadangkan itu.

Masalahnya sekarang, kalau kita memohon dengan pihak TMnet, kita dapati bahawa, kalau kita hendak menggunakan *speed 512 kilo byte per second*, nampaknya apa yang dibekalkan, lazimnya tidak sampai 512 kilo bit sesaat. Itulah masalah, kerana rakyat atau pengguna membayar 512 kilo bit sesaat tetapi yang dibekalkan hanya 380 kilo bit sesaat. Kita lihat dari segi *reliability* dan juga kualiti yang dibekalkan itu juga, menjadi satu masalah.

Jadi, kalau berbanding dengan negara Korea seperti mana yang dikatakan, negara kita hanya lebih daripada 1% menggunakan *broadband*, berbanding dengan Korea, ianya 80%. Kita lihat di negara Korea, khususnya dalam bidang *on-line games*, di mana ianya merupakan satu *item* yang dikenal pasti sebagai yang paling masyhur di kalangan negara-negara dunia ini. Kita dapati bahawa, negara Korea ini mendapat banyak keuntungan daripada *on-line games* ini, kenapa? Ini kerana, mereka menggunakan kelajuan iaitu *speed* melalui *broadband*. Itulah masalah kita.

Saya memang tertarik dengan promosi yang dibuat oleh telefon TMnet. Setiap hari kita membaca surat khabar, nampaknya kita ada promosi yang begitu berleluasa tetapi yang sedihnya, apa yang saya lihat ini, promosi cumalah bagi saya adalah sesuatu yang tidak praktikal, kerana kalau mengikut iklan, dia kata menggalakkan rakyat menggunakan Streamy tetapi liputannya amatlah terhad. Hanya di Kuala Lumpur, Lembah Klang, Johor Baharu, Pulau Pinang dan beberapa tempat di Malaysia. Apa gunanya kalau kita ada *broadband* untuk kawasan terhad?

Di kawasan Johor Bharu, bandar raya Johor Bharu, dalam kawasan CBD pun, dalam lingkungan jejari lima kilometer dari stesen, tidak ada. Lebih daripada lima

kilometer tidak ada. Inilah yang menjadi satu masalah kerana liputannya terhad dan ini akan menyebabkan masalah lebih menular di kawasan kampung. Contohnya di kawasan Ayer Hitam. Sampai bila kita hendak menggunakan Streamyx? Ini, satu penindasan kepada orang-orang kampung dan fikirilah. Saya memohon jasa baik SKMM melihat perkara ini, kerana ini adalah masalah sejagat. Kita khusyuk membincangkan tentang Streamyx tetapi padahal, penggunaannya masih lagi tidak mencapai sasaran.

Apa yang lebih menyedihkan kita ialah, kalau kita memohon akaun Streamyx, semalam saya berkesempatan berjumpa dengan dua orang wakil rakyat di negeri Johor. Kedua-duanya adalah EXCO. Saya berbincang dengan beliau. Dia kata, "Saya memohon dua tahun, dua bulan yang lalu, baru saya dapat Streamyx. Tetapi bukan saya dapat, sering kali kalau digunakan *broadband* ini, sering kali berlakunya bekalan terputuslah dan pelbagai masalah dan mereka tidak boleh mengadakan *accessibility* secara bebas. Itulah masalah.

Satu lagi, kenapa mereka tunggu begitu lama? Salah satu puncanya ialah, TMnet kena tunggu ada pelanggan, baru bekalkan Streamyx. Inilah masalahnya. Kalau hendak tunggu semua orang mendaftar, tidak ada prasarana, tiada seorang pun berminat untuk mendaftar dahulu, kerana terpaksa menunggu. Itulah masalah yang berlaku pada masa sekarang ini.

Kalau kita lihat di negara-negara maju seperti Ireland, mulai tahun ini, kerajaannya telah mensyaratkan semua kawasan dalam negara itu adalah *broadband enable*. Ini bermaksud di mana sahaja pelosok di dalam negara itu, dapatlah kita memperoleh *accessibility* ke Internet melalui *broadband*. Negara Malaysia, yang mempunyai wawasan, haruslah kita mencari satu hala tuju yang lebih baik dan kita merencanakan pelan induk, bagaimana kita merealisasikan matlamat ini.

Cadangan saya yang pertama Tuan Yang di-Pertua ialah, kita mulakan di 10,000 buah sekolah dan inilah tempat-tempatnya kita perlu, tidak kira di bandar, luar bandar, pedalaman, kita perlu bekalkan prasarana *broadband* ini dan kita kena *fiber optic*. Kalau tidak, kita akan menjadi lebih mundur.

Yang kedua, kita kena mensyaratkan, tidak kira perumahan rakyat ataupun rumah kos tinggi atau rendah, kita mensyaratkan semua taman yang baru atau bangunan-bangunan baru mestilah menggunakan *fiber optic* dan membenarkan menggunakan konsep *broadband enable*.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu harga yang dikenakan. Kalau kita lihat *Streamyx* mengenakan RM66 sebulan, kalau berbanding dengan Singapura, ia cuma S\$25, dan kita bandingkan pendapatan per kapita di Malaysia RM14 ribu, pendapatan per kapita di Singapura S\$24 ribu. Ini bermakna, rakyat Malaysia perlu menggunakan kalau secara puratanya 5% hingga 10% daripada pendapatan ataupun gaji bulanan untuk membayar *Streamyx*. Adakah rakyat kita sanggup dan mampu? Oleh itulah saya berharap pihak berkuasa supaya mempertimbangkan harga yang dikenakan, tidak kira *Streamyx* ataupun *Wide Band*, kita perlu memberi rangsangan kepada rakyat supaya mereka mampu membayar kadar bayaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu *power quality and reliability*, dengan izin, kita lihat di Malaysia walaupun TNB ini mempunyai tenaga *surplus* lebih daripada 46%, tetapi dari segi *power quality and reliability* ini menjadi satu masalah. Saya beri satu gambaran yang jelas, di mana kalau kita lihat Malaysia ini kadar gangguan elektrik lebih daripada 100 minit bagi satu pengguna dalam satu tahun. Berbanding dengan piawaian dunia negara-negara maju yang paling teruk adalah 25 minit bagi setiap pengguna dalam setahun. Itulah keadaannya, kita lebih jauh beza dengan negara-negara maju. Jadi, kita perlulah untuk kita hendak menggalakkan penggunaan *fiber optic*, inilah perkara-perkara yang perlu kita tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Bukan setakat gangguan, tetapi saya kira bekalan-bekalan elektrik terutama sekali di kawasan-kawasan

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Masih berdiri*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:... luar bandar masih berkurangan. Kita berharap dengan pelantikan CEO baru, ia akan dapat memberi perkhidmatan *social obligation* kepada rakyat di luar bandar dan masalah-masalah elektrik ini. Walaupun dahulu nampak TNB sudah bagus, setelah Yang Berhormat Timbalan Menteri kita sudah naik jadi Timbalan Menteri Luar Bandar, jadi, apakah pihak Tenaga Nasional yang monopoli perniagaan elektrik di negara kita ini dapat juga memberi perkhidmatan kepada rakyat yang memerlukan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya? Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya, seperti mana yang telah saya katakan tadi, 46% *surplus* tenaga dan kita ini tidak mengalami masalah atau krisis kekurangan bekalan tenaga elektrik. Jadi, persoalannya sekarang bagaimanakah kita hendak menyalurkan bekalan itu secara berkesan kepada semua pelosok di dalam Malaysia ini. Saya rasa, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jerai tadi supaya satu mutu perkhidmatan yang lebih baik dapat dibekalkan oleh pihak TNB melalui pengurusan yang terbaru ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut tentang *broadband provider* tadi, dan satu masalah lagi, kalau kita lihat, kalau kita menggunakan *Broadband* ini, satu tahap lagi, iaitu menggunakan talian *exclusive broadband* yang dinamakan '*lease-line*'. Ada syarikat yang membayar RM24,000 setahun untuk menggunakan talian *exclusive broadband* ini, yang dinamakan '*lease-line*', tetapi masalahnya ialah seperti mana yang saya katakan, kelajuan atau *speed* kepada *accessibility internet* itu adalah berkurangan.

Baru-baru ini Syarikat Time dotCom telah mengambil tindakan termasuk menyaman pelanggan-pelanggan ini ke mahkamah. Saya mintalah kementerian ambil perhatian, SKMM khususnya, kerana yang dibekalkan adalah hanya separuh daripada mana yang dijanjikan oleh *service provider*. Sekarang saya mencadangkan kepada SKMM, kalau kita hendak tubuhkan satu Tribunal Rayuan, kita perlu mengadakan satu mekanisme untuk menyemak *service provider* ini, pastikan mereka membekalkan kelajuan setimpal dengan apa yang telah dijanjikan, bukannya sekadar untuk mengutip wang atau bayaran yuran bulanan dan seterusnya masalah kelajuan itu bukanlah satu isu. Inilah sesungguhnya satu bidang kuasa yang hendaklah direncanakan oleh pihak SKMM, termasuklah Tribunal Rayuan.

Jadi, di sini saya mencadangkan supaya SKMM melantik perunding ataupun mengadakan satu pasukan pakar yang boleh menyemak melalui *web site* tentang kualiti ataupun kelajuan *accessibility internet* yang dibekalkan oleh *service provider*. Ia memang dilakukan di Amerika Syarikat dan kita perlu melantik pihak bebas yang menilai ataupun membuat penilaian terhadap *quality service* yang telah dibekalkan oleh syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada isu Telco. Sebenarnya saya melihat di Malaysia setiap bulan, semua wakil rakyat saya yakin, kita membayar yuran bulanan, sama ada *Celcom*, *Maxis* dengan RM60, kadangkala kita dapat rebat. Saya telah membuat satu perhitungan di mana kalau kita lihat *Maxis*, *Celcom*, kita mempunyai 6 juta pelanggan dan setiap orang membayar dengan purata RM30 atau RM40 seorang, kita mendapat RM240 juta sebulan.

Ini bermakna, RM2.88 bilion setahun. Di mana perginya yuran bulanan, ini tidak termasuk caj panggilan dan apa yang kita berharap ialah pihak SKMM supaya memantau, mensyaratkan semua Telco ini supaya mereka membina prasarana yang setimpal. Jangan pandai mengutip wang atau yuran bulanan setiap bulan RM60, RM40 tetapi yang dibekalkan prasarana itu memanglah terhad.

Saya merayu kepada pihak kementerian supaya melihat perkara ini dan kita mahukan pembangunan infrastruktur bagi Telco ini dapat diberi perhatian dan mereka menggunakan sekurang-kurangnya 50% daripada yuran yang dikutip untuk pembangunan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya rasa pelik di Malaysia ialah pengguna prabayar atau *prepaid card holder*, mereka ini sentiasa membayar ataupun terpaksa membayar kepada syarikat Telco ini pada setiap 3 bulan, dan apabila tidak habis caj panggilan itu, jumlah ataupun baki yang ada itu akan luput ataupun *forfeited*. Inilah masalah, kerana kalau kita melindungi hak pengguna, itu wang pengguna, kita harus membenarkan supaya baki itu dapat dibawa sampai bila-bila masa, tidak ada had masa.

Satu hari nanti bila nampak RM2,000 atau RM3,000 dalam baki itu, dia boleh benarkan orang lain gunakan *handphone* ini, kerana inilah satu hak pengguna dan kita tidak harus memberikan sebarang penafian. Jadi, di sini saya merayu kepada kementerian yang berkenaan supaya mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat setiap kali kita balik ke kampung di kawasan kita, kita sering.....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Silakan.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, saya sungguh tertarik bila mendengar Yang Berhormat bagi Ayer Hitam menghujahkan pandangan dan pendapat dan terbayanglah saya kepada rakyat saya, khususnya di Kelantan, di Kuala Krai, yang mana rata-rata tidak dapat menikmati mengenai dengan hubungan telefon ini. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kalaulah pendapatan sebegitu banyak, kalaulah pihak kementerian dapat menyalurkan kepada pihak luar bandar terutamanya di Kuala Krai ini yang rata-rata tidak dapat menikmati perhubungan ini, khususnya telefon ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Sebenarnya saya amat bersetuju dengan pandangan tersebut. Kalau kita lihat di negara China, walaupun tidak semaju Malaysia, kita sampai tidak kira mana Tembok Besarkah, masuk ke terowongkah, kita akan terima isyarat telefon bimbit dan kita boleh membuat panggilan dan menerima panggilan. Kenapa? Kerana ia lebih maju daripada kita dari segi pembangunan infrastruktur dan inilah masanya seperti di Kelantan, Terengganu, kita perlulah memberi liputan yang lebih menyeluruh dan Sabah, Sarawak pun kalau kita pergi Sabah, Sarawak, 012 kadang-kadang tidak boleh pakai di situ. Itulah masalahnya.

Negara-negara seperti negara China yang begitu besar sekali, masuk ke terowong boleh diterima. Malaysia tidak boleh dan saya tidak faham kenapa ada Measat, kita tidak boleh buat macam itu dan kita terpaksa mencari satu penyelesaian.

Dan saya difahamkan universal service provider fund ini telah menjangkau lebih daripada RM2 bilion ataupun lebih kurang RM2 bilion, kenapa tidak gunakan wang itu dan di samping itu mensyaratkan semua Telco itu membina dan kita lihat kalau kita balik ke kawasan, selalu orang-orang kampung ataupun orang di bandar akan mengadu kepada wakil rakyat, mini *transmitter* ataupun menara ini *transmission* akan dibina, dan walaupun tidak ada kajian saintifik yang mengatakan ianya akan memudaratkan kesihatan manusia, tetapi tidak ada satu kajian pun yang membuktikan bahawa ianya akan memudaratkan, masalah sama ada akan memudaratkan atau tidak, menjadi satu pertikaian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, inilah masalah dan dilema yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dan kita lihat dari segi akta bangunan seragam, sebenarnya kita tidak boleh benarkan apa-apa menara *transmission* dibina di atas bangunan itu kerana ianya tidak selamat.

Dan di sinilah saya berasa sampailah masanya kita membuat satu pelan induk bagaimana Telco-telco ini berfungsi menggunakan menara telekomunikasi dan bagaimana kita mempertingkatkan *accessibility* itu sampai ke kampung Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan dan kita tidak harus menafikan hak.

Di Johor Bahru walaupun nampaknya Bandaraya Johor Bahru itu memang maju, tetapi ingin saya menasihatkan semua menteri, timbalan menteri yang khususnya lelakilah, bila sampai ke Johor Bahru isteri menelefon, kadangkala kita dapat panggilan itu sebenarnya masuk *roaming* Singapura, setiap kali kita angkat telefon 90 sen dan kalau kita hendak jelaskan kepada isteri, bahawa saya berada di hotel misalan hotel lima bintang di Johor Bahru, sebenarnya itu tidak betul kerana dari segi *roaming* itu akan masuk ke Singapura dan tak dapat kita hendak jawab kepada isteri. Inilah, ambil perhatian menteri dan timbalan menteri.

Dan satu lagi masalah kalau kita lihat Bangunan Sultan Ibrahim yang merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, kalau kita gunakan telefon bimbit di situ, itu bangunan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri Johor masuk *roaming* Singapura.

Penjelasan yang akan digunakan dan yang akan diberikan oleh kementerian, yang saya dapat jangkakan ialah signal Singapura lebih kuat dan pertikaianya kenapa signal kita lemah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai bangun Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, saya benarkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Berbahasa Cina*] Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat itu di Johor Bahru, tetapi adakah Yang Berhormat sedar, kami di Kedah dan juga di Arau, kalau

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Roaming* Siamlah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...ada juga kawasan itu, Yang Berhormat, ia akan masuk Siam, [*Bercakap dalam bahasa Siam*] tak kenal maka tak 'kenin', jadi susah. [*Ketawa*]

Jadi, kita pi Perlis, orang rumah ingat kita pi Haadyai, balik dia dera kita. Jadi, kita minta kalau boleh, Kepong tengok apa Kepong. Kepong tidak biasa pergi lagi. Jadi, di rumah kacau, jadi adakah Yang Berhormat cadangkan benda ini diselesaikan secepat mungkin, kalau tidak kita macam Arau, dia kata dia balik, pergi Arau tetapi bunyi Siam. Bunyi Siam juga Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai itu memang relevan dan inilah masanya kalau boleh dalam tahun 2004 ini diselesaikan masalah ini.

Di Johor Bahru bukan satu tahun, sudah sepuluh tahun saya gunakan telefon bimbit, saya kira setiap kali saya terima panggilan 90 sen dan bayaran kita kepada pihak Singapura berapa. Berapa tahun kita sudah bayar, kenapa kita tidak menjimatkan wang Malaysia.

Tetapi di Thailand pula saya sedar perkara ini berlaku juga, kenapa kita tidak jimatkan wang kita dan saya mintalah pihak kementerian supaya memandang serius, ini bukan sekadar memberi penjelasan kononnya negara lain mempunyai signal yang kuat. Kenapa kita begitu lemah, kenapa tidak dapat kita mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan persoalannya sekarang kalau adanya tribunal rayuan ini bolehkah pengguna ini datang mengadu dan membuat *petition* ataupun membuat aduan, dakwaan terhadap Telekom, kalau boleh kita boleh bawa kes sepuluh tahun bawa semua orang Johor Bahru, semua orang Perlis mengadu kepada kementerian, dan minta pampasan dan pampasan ini mungkin digunakan untuk manfaat rakyat, kita tidak hendak duit itu, yang penting adalah kita hendak memastikan Telco mematuhi perjanjian dan menawarkan perkhidmatan terbaik.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan bangun Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, silakan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kami pernah membangkit di sini dan dapat jawapan dari menteri, bahawa sekiranya panggilan *hand phone* atau telefon bimbit tidak berjaya disambungkan, maka ia tidak akan dikenakan caj, tetapi dalam bil setiap bulan yang kami terima itu, selalu kami boleh mendapati bahawa dalam satu saat atau dua saat, sila bayangkan, satu saat atau dua saat apa yang boleh kita cakap, ini menunjukkan satu saat atau dua saat yang dicatatkan dalam bil kita itu ialah menandakan panggilan yang tidak berjaya, kita tidak ada peluang bercakap langsung. Tetapi kena juga caj sepuluh sen untuk satu saat, dua saat, ini tidak setimpal dengan jawapan yang diberi oleh menteri bahawa panggilan yang tidak berjaya tidak akan dikutipkan, tidak akan dikenakan caj dan saya ingin menanya kepada Yang Berhormat sama ada beliau boleh bersetuju yang tidak berjaya disambungkan pun kena caj sepuluh sen.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan, sebenarnya daripada penjelasan Yang Berhormat tadi menunjukkan menteri itu memang tidak bersubahat, kementerian ini memang mereka akur dan mereka faham masalah rakyat, sebab itu mereka itu tidak hendak mengenakan caj panggilan, tetapi dari segi pelaksanaan, syarikat-syarikat Telco ini nampaknya bermaharajalela, mereka ini seolah-olah mempunyai kuasa tersendiri.

Jadi, inilah masanya untuk kita memikirkan satu kaedah terbaik supaya mensyaratkan atau mewajibkan semua Telco ini supaya tidak mengutip sepuluh sen atau dua puluh sen kerana ini jumlah yang banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading Yang Berhormat.

Dr. Wee Ka Siong: Dipersilakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Panggilan yang tidak berjaya sepatutnya seperti apa yang dikatakan oleh Bagan. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tidak boleh membela menteri, menteri kena bertanggungjawab. Ini masalah rakyat. Menteri diberikan amanah oleh pucuk pimpinan, perkara pokok yang mesti dipikul oleh menteri ialah bagaimana memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, saya tidak bersetuju, bukan kita hendak menyalahkan menteri, tetapi hendak menyedarkan bahawa setiap sen yang dibayar oleh rakyat, bayangkan kalau satu juta, dua juta orang yang teraniaya oleh syarikat yang berkenaan. Menteri tidak boleh berkata bahawa dia tidak tahu, perkara ini menjadi tanggungjawab dia, jadi Ayer Hitam jangan hendak pandai-pandai pula memenangkan menteri.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: No, saya pun tidak menyalahkan menteri. Tetapi saya mahu di Dewan yang mulia ini, kita bertanggungjawab dan sudah barang tentu kalau Ahli Parlimen bertanggungjawab, menteri 18 kali bertanggungjawab.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya katakan itu saya tertarik dengan jawapan ataupun sebelum meminta penjelasan itu daripada pembangkang ini dia kata, menteri memberi jawapan memang tidak ada masalah dari segi polisi, apa yang saya katakan itu tidak bersubahat dengan Telco, tetapi penyelewengan ini merupakan satu tanggungjawab menteri.

Jadi, saya mintalah menteri supaya siasat, apa yang saya katakan tadi sebenarnya mengutuk kementerian itu, tetapi dalam konteks ini, saya menganggap ianya bukanlah satu polisi, bukannya satu dasar untuk mengenakan caj panggilan.

Dan saya tidak akan membela menteri kalau menteri tidak buat kerja. Menteri yang membela nasib rakyat sahajalah yang saya akan sokong. *[Tepuk]*

Akhir kata, saya memohonlah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adakah lebih baik kalau di Malaysia ini kita tubuhkan satu kelab, Kelab Pengguna Telefon Bimbit *[Ketawa]* bukan, sebagai satu persatuan ataupun sebagai satu persatuan untuk kita menyatupadukan pengguna-pengguna telefon bimbit dan gejala ini dapat kita banteras kalau kita gunakan satu kuasa secara kolektif dan saya rasa itulah antara cadangan yang mungkin boleh diterima pakai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak berucapkah atau hendak beri jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ayer Hitam hendak bagi jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini berkenaan dengan telefon bimbit, Yang Berhormat. Yang Berhormat sebagai seorang doktor juga, saya hendak juga kepastian kerana saya bukan doktor. Betul kah orang kata, kalau menggunakan telefon bimbit dan bubuh di telinga, lama-lama ia akan menjadi masalah kepada otak, bengkak telinga dan sebagainya? Kalau letakkan dalam poket pun bahaya juga.... *[Beberapa Ahli ketawa]* Jadi, saya hendak tahu sama ada telefon bimbit ini benar-benar – mungkin tetapi Yang Berhormat bagi Kepong dia pakar kulit bukan pakar telinga - tidak mengganggu kesihatan kerana saya dengar sudah banyak kali bahawa telefon ini boleh mengganggu dan memang benar kadang-kadang kalau kita ada pening kepala Tuan Yang di-Pertua, kita bubuh telefon, tekanan kepala lebih teruk. Jadi, di mana kita hendak letak telefon kita ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ini doktor *engineer*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, ya.... *[Ketawa]**[Beberapa Ahli ketawa]* Tidak apalah. Fasal dia tulis Dr. saya pun ingat doktorlah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu memang menarik. Sebenarnya, masalah pekak atau kemandulan itu sama ada berpunca daripada penggunaan telefon bimbit yang berleluasa itu saya tidak pasti kerana saya bukan pakar atau *scientist* dalam bidang ini.

Pada masa sekarang pun di negara-negara maju tidak ada buat satu kajian saintifik yang membuktikan sama ada ianya akan memudaratkan atau tidak memudaratkan. Masalahnya kita berada dalam keadaan dilema sama ada pendedahan secara jangka panjang itu akan membawa satu masalah ataupun sekadar beberapa saat, itu juga satu masalah yang amat subjektif. Jadi, saya rasa masalah ini kita tunggulah satu hari nanti bila adanya satu kajian saintifik yang boleh membuktikan perkara ini.

Akhir sekali saya menyokonglah pindaan rang undang-undang tersebut dan kalau boleh mengambil kira pandangan-pandangan saya yang telah diketengahkan tadi. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ismail: *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita bagi Kuala Terengganu dahulu lepas itu Sri Gading.

12.13 tgh.

Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kawasan saya di kawasan *black spot area*, jarang dinampak oleh Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang pindaan rang undang-undang Akta Komunikasi dan Multimedia ini yang menggantikan Akta Komunikasi 1950 dan juga Akta Penyiaran 1988. Fokus persoalan saya adalah dalam konteks fungsi akta ini sebagai Undang-undang Siber yang juga disebut dengan izin, *soft infrastructure* untuk mengawal selia, kata kuncinya ialah “mengawal selia” industri komunikasi dan multimedia dari segi menjaga hak orang awam, pertamanya.

Keduanya menjaga kepentingan sektor swasta; dan, yang ketiganya ialah dari segi integriti aplikasinya termasuklah bagaimana kita menangani *cyber crime* dan juga *cyber morality*.

Kata kunci saya ialah tentang fungsi mengawal selia bagi menangani perkembangan IT di Malaysia kita ini. Persoalan saya juga akan mengaitkan dengan fungsi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia iaitu satu badan kawal selia bagi industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu mendapat penjelasan tentang fakta-fakta berikut. Pertamanya ialah fakta daripada segi dasar - matlamat utama akta ini. Apakah kementerian sedar bahawa terdapat jurang yang amat jelas di antara matlamat dasar kebangsaan industri komunikasi dan multimedia dengan realiti semasa?

Saya ingin mengajak Yang Berhormat Menteri untuk membuat sedikit *gap analysis*. Di antara dasarnya di mana termaktub sepuluh dasar utama. Yang hendak saya bicarakan ini cuma tiga daripadanya. Ini adalah suatu proses auditan kita bersama dalam konteks kita membuat pindaan kepada akta ini. Saya ingin tumpukan kepada tiga perkara. Saya perlu mendapatkan penjelasan tentang:-

- (i) dari segi menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan komunikasi dan kandungan multimedia. Ini adalah merupakan di antara sepuluh matlamat yang dinyatakan dalam akta yang akan kita pinda ini. Ini adalah juga merupakan *the expected targeted result* tetapi bagaimana pula realitinya. Apakah benar-benar kita telah muncul sebagai *global hub* dalam konteks kita memanfaatkan ICT di Malaysia ini?
- (ii) mencambahkan dan memupuk sumber maklumat dan perlambangan budaya tempatan, yakni kita hendak membina jati diri – identiti kita, keperibadian kita sendiri dalam konteks dunia yang pelbagai wajah itu; dan
- (iii) memastikan perkhidmatan penyediaan sama rata. Ertinya sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sebentar tadi tentang *accessibility equity* selain daripada kita akan menyentuh juga aspek kualiti yang mampu dibayar melalui infrastruktur kebangsaan yang sentiasa ada.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai status tumpuan dunia, ataupun sebagai *the global hub* dalam persekitaran *e-world* sekarang ini, perkhidmatan komunikasi dan kandungan multimedia, ia memerlukan generasi di bangku sekolah sekarang yang berada di bawah umur 14 tahun. Ertinya murid-murid daripada Tingkatan Dua sampai Tahun Satu mencapai celik akal IT pada kadar sekurang-kurangnya 33 peratus untuk membolehkan menjelang tahun 2020 ketika ini anak-anak ini akan berusia 30 tahun, mereka akan menjadi generasi peneraju *the agenda setter*, dengan izin, *the front liner* sebagai *the k-worker* dalam suasana *knowledge based economy* tetapi realitinya ialah menunjukkan jurang yang amat ketara di antara *the expected targeted result* itu, satu kajian menunjukkan bahawa hanya sekitar 10 peratus sahaja daripada generasi yang berumur di bawah 14 tahun yang celik IT.

Kajian menunjukkan bahawa pencapaian celik IT di Korea dan Singapura pada *cohort* umur yang sama mereka telah mencapai 50 peratus. Betapa lumayannya mereka. Menjelang tahun 2020 mereka akan terus memacu ke hadapan tetapi kita yang sekarang ini pada status semasa, hanya 10 peratus dan *target* kita 33 peratus amat jauh ketinggalan. Apakah strategi kementerian agar prestasi kita dapat diperbetulkan?

Persoalan saya yang kedua, kepada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah hasrat untuk memugar industri komunikasi dan multimedia mencipta perlambangan budaya tempatan, identiti keperibadian kita, *flavor* tempatan kita, mempromosikan jati diri *indigenous* dalam senario aneka rupa wajah global telah dapat direalisasikan? Dengan lain perkataan kita berusaha untuk merealisasikan sebuah negara, dengan izin, *global strength with local knowledge*. Apakah sejak pelaksanaan akta ini pada tahun 1998 sudah menampakkan petunjuk ataupun indicator bahawa negara sedang menuju ke arah ini? Ini adalah merupakan arah alih pemikiran yang hendak dicapai iaitu kita mencipta identiti kita sendiri yang kadang kala disebut juga sebagai '*glociasation*'.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ketiga. Selanjutnya saya ingin menarik perhatian kepada perkhidmatan sama rata atau *accessibility, equity, connectivity*. Setakat manakah kemajuan yang telah dicapai? Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kedudukan semasa *internet dial-up penetration rate* pada tahun 2003 hanya pada tahap 14.3 peratus dan peratus pelanggan *internet dial-up* menunjukkan jurang yang begitu meluas sekali?

Ini menimbulkan satu isu baru iaitu isu *digital gap* Bagi negeri Selangor; mereka telah mencapai tahap 22 peratus sedangkan Terengganu, di negeri saya sendiri berada pada tahap 2.2 peratus. Ini menimbulkan satu masalah baru yang digelar sebagai *digital divide*, dengan izin, *In equalities in people access to an engagement in the use of ICT to support and promote the participation in the information age*.

Apakah benar sekiranya saya menyatakan kita sedang mencipta sebuah negara yang menuju kepada keterampilan dalam bidang ICT dengan membawa ciri dua wajah. Wajah yang pertama, *digital have's* dan yang kedua *the have's not*. *Bridging the gap, bridging the digital gap* menjadi agenda penting. Apakah pindaan akta yang sedang dibuat sekarang ini juga mengambil kira tentang permasalahan yang sedang disentuh itu?

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya yang keempat, ada sepuluh persoalan Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah perkembangan dan prestasi semasa tentang pengusaha-pengusaha dan syarikat-syarikat luar serta pekerja-pekerja ilmu yang diimport dengan memberi pelbagai insentif, pengecualian cukai, dengan pelbagai kemudahan imigresen telah memainkan peranan masing-masing secara positif dalam pembangunan industri telekomunikasi dan multimedia.

Yang Berhormat bagi Puchong tadi telah menyebut 135; statistik semasa dalam internet sekarang ini telah menunjukkan ada 1,043 *MSC status company*.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ada sepuluh soalan dan tadi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pun mengutarakan banyak permasalahan mengenai keadaan semasa, mengenai komputer, *accessibility, internet accessibility*, dan masalah-masalah komunikasi dan sebagainya. Saya hanya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, segala permasalahan ini memerlukan satu kajian ataupun pendirian yang baru kerana ia bukanlah masalah baru. Perbandingan kita dengan negara-negara lain jelas bahawa kita terkebelakang dengan masalah kos, masalah monopoli dua, tiga *service providers*, masalah orang-orang kampung dan orang-orang miskin.

Saya ingin bertanya, mungkinkah puncanya ialah kerana kita tidak adaimbangan *development* kita di Putrajaya dan multimedia yang kononnya dipentingkan di negara kita setelah negara lain mempunyai wang yang terhad. Jadi mungkin masanya sudah sampai imbangan untuk perbelanjaan yang lebih kepada perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat bagi Ayer Hitam itu diutamakan dan kita kurangkanlah pelaburan MDC misalnya yang kita tahu rugi RM100 juta lebih. Kita tahu masalah e-Village ratusan juta. Apakah imbangan ataupun *priority* ini perlu kita buat sebelum kita selesaikan masalah-masalah yang lain. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Satu pandangan yang cukup proaktif untuk kita memikirkan kembali. Malah saya kira sidang kita hari ini pun kita harus melakukan introspeksi, melihat prestasi kita dan memikirkan apakah strategi. Memang benar apa yang disebut tadi itu bahawa tanpa sumber-sumber dan kekuatan ekonomi yang teguh, maka kita akan berdepan dengan masalah ini meskipun pada awalnya kita telah meletakkan satu ETR - *the expected targeted result* yang cukup hebat tetapi ini adalah merupakan *we have got to face the moment of truth* setelah kita menghadapi krisis kewangan beberapa tahun yang lepas dan sekarang ini kita sedang meninjau dan menyemak semula. Cadangan Yang Berhormat itu adalah satu panduan juga bagi Yang Berhormat Menteri kita untuk kita mengambil pengertian dan makna daripadanya. Terima kasih.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, setakat manakah syarikat-syarikat luar negara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu tadi. Microsoft,

Sound Micro System, Fujitsu, Oracle, LG International, Intel, IBM, Lotus dan lain-lain lagi itu telah berperanan dan memberi sumbangan dalam konteks *smart partnership* dan *transfer of technology* terhadap kemajuan industri ini kepada rakyat tempatan. Setakat manakah ia telah mengalirkan kepintaran, kebijaksanaan dan kehebatan dalam ICT ini kepada rakyat tempatan. Sejauh manakah pula *spill-over effect* memberi faedah kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Apakah pindaan akta ini juga turut menjuruskan kepada menangani isu ini? Kita tahu seperti yang telah saya sebutkan tadi, ada 1,043 *MSC status company*, apakah impaknya terhadap *job created*, *economic impactnya*, *technologically impactnya* dalam konteks masyarakat kita?

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya keenam, Multimedia Super Corridor mempunyai tujuh *flagships* yang utama. Saya ingin menarik perhatian dan memberi tumpuan kepada prestasi semasa *Smart School*. Apakah kemajuan terkini yang telah dicapai? Apakah sistem pendidikan kita telah berjaya melalui satu proses tranformasi yang jelas dalam konteks *Smart School* ini? Apakah kita telah berjaya beralih daripada *computer literacy* kepada *computational literacy*, yakni satu proses peranjakan daripada *basic literacy* kepada *functional literacy*, *occupational literacy*, *technological literacy*, *informational literacy* dan *adaptive literacy*, dengan izin.

Memang kita telah mengambil tindakan yang agresif untuk menyediakan komputer di semua sekolah tetapi menyediakan *connectivity* kepada internet adalah satu tanggungjawab lain. Kerajaan telah menyediakan kemudahan. Saya petik dalam akhbar hari ini; "*Sebanyak 5,084 makmal komputer akan beroperasi sepenuhnya menjelang Disember 2004*". Ini adalah merupakan *lab-lab* komputer yang telah dibina di sekolah-sekolah di seluruh negara. Sejauh manakah kesannya dalam konteks fungsi akta untuk mengawal selia. Apakah Kementerian mempunyai mekanisme untuk mengukur *Return On Investment (ROI)* terhadap perbelanjaan menyediakan kemudahan *lab* komputer di sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu perdebatan yang hangat dalam konteks aplikasi teknologi ICT terutama di kalangan negara-negara yang sedang membangun sekarang termasuk Malaysia. Perdebatan ini adalah di antara *technological determinism versus human constructionism*. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri kalau saya katakan bahawa pelaksanaan teknologi ICT kita kurang memberi perhatian kepada human *constructionism*, yakni membina diri manusia dari segi budayanya, dari segi *ethosnya*, dari segi sikap *mindset willpower*, *creative* dan *critical thinking* untuk membawa generasi kita ini kepada peringkat *high order thinking*. Tanpa keprihatinan kita di bidang ini, kita akan meletakkan diri kita dalam Sindrom GIGO – *garbage in, garbage out* suatu sindrom yang cukup berbahaya. Membenarkan keadaan ini berterusan, bermakna kita akan menjadi perkakas kepada teknologi ICT menafikan kita menjadi pencipta dan hanya tinggal sebagai pengguna.

Dalam gelodak globalisasi negara kita, kita sedang berada dalam kerugian kiranya terperangkap dalam Sindrom GIGO ini. Keprihatinan kita sepatutnya seimbang terhadap dua anasir - *technological determinism* dengan *human 'constructionism'* supaya kita dapat menukar maksud GIGO supaya menjadi *good things in, good things out*. Kalau pernyataan saya ini benar, apakah strategi yang telah dan akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk membetulkan keadaan dalam konteks pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan pembangunan MSC, di kawasan seluas kira-kira 750 kilometer persegi adalah merupakan suatu daerah yang cukup mencabar. Kita sedang bersaing dengan *Silicon Valley* di Amerika Syarikat, kita juga sedang bersaing dengan *Science Based Industrial Park* di Taiwan, *Cyber Port* di Hong Kong dan kita harus waspada dalam persaingan dalam dunia global ini yang memerlukan kita cekap mengawasi keadaan perubahan semasa dan juga persaingan, juga elemen *complexity* ini.

Di bawah gagasan MSC, kita telah mengatakan kita akan mencapai tiga tahap utama dalam kemajuan dan pada tahap terakhirnya menjanjikan transformasi *k-base society* dan menjadikan Malaysia sebagai pentas kepada *International Cyber Court of Justice*. Setakat manakah perkembangan transformasi masyarakat *agro-industrial* kepada *k-society* telah mencapai matlamat? Sedarkah Yang Berhormat bahawa terdapat kira-kira 51% daripada tenaga kerja IT di Singapura adalah terdiri daripada warga Malaysia. Apakah usaha-usaha kita untuk mengembalikan warga cerdik negara ke tanah air sendiri agar dapat memberi sumbangan kepada pemerikasaan industri telekomunikasi dan multimedia di samping mengawal selia gejala *brain drain* yang amat merugikan kita.

Apakah pandangan Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa penguasaan bahasa Inggeris adalah di antara faktor terpenting untuk menjana bidang ICT ini. Kira-kira 80% *website* di dunia adalah dalam bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris adalah bahasa Internet sedangkan pengedaran akhbar berbahasa Inggeris di seluruh negara di Malaysia hanya mencecah 30% sahaja. Ini memberi satu gambaran kasar tahap celik bahasa Inggeris di negara kita. Gambaran kasar ini juga menunjukkan betapa deritanya kita, betapa deritanya sejumlah besar rakyat kita yang terpinggir untuk mendapatkan manfaat dalam agenda ICT ini.

Yang Berhormat Menteri, apakah insentif-insentif semasa yang telah dibuat untuk menarik kemasukan dana dan pelaburan dari luar negara ke kawasan MSC? Apakah pindaan Akta ini juga mengambil kira tentang kesan-kesan negatif yang mungkin terpalit dan berlaku daripada dasar yang terbuka *liberalization* berhubung dengan agenda ICT?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Razali bin Ismail: Dua perenggan lagi. Terima kasih. Apakah status keselamatan data daripada *information interception jamming hacking*, rangkaian dan kemudahan IT di agensi kerajaan serta melindungi kepentingan pengguna. Kita amat maklum satu ketika di mana kakitangan yang bekerja di bank telah melakukan penipuan dengan cara *cyber crime* yang telah disebutkan ini. Sejauh manakah aspek ini diambil kira dalam pindaan, sejauh manakah berkesannya kawal selia terhadap milik stesen satelit, bumi, kabel optik gentian jalur lebar, ibu sawat dan talian telekomunikasi yang kebanyakan pembekalnya terdiri daripada luar negara.

Kesimpulannya apakah status semasa, *current reality*, dengan izin tentang tiga agenda utama daripada sepuluh matlamat besar, daripada sepuluh matlamat dasar kebangsaan berhubung dengan Akta Telekomunikasi dan Multimedia ini. Apakah dengan pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 khususnya yang berkaitan dengan pindaan Seksyen 24, Pelesenan dan Penambahan seksyen-seksyen baru akan memberi kesan penambahbaikan di samping membetulkan kedudukan yang curang, kerana kunci pada Akta ini adalah fungsinya untuk mengawal selia industri telekomunikasi dan multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, apakah pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia ini juga turut mengambil kira sepuluh persoalan yang telah saya timbulkan. Saya berharap pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia ini tidak dibuat secara *piecemeal treatment* tetapi dengan konteks sistematik dalam konteks yang menyeluruh, dalam konteks 360 *degree dimension* yang menjanjikan penambahbaikan secara menyeluruh. Saya mohon penjelasan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

12.34 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin untuk turut serta dalam perbahasan ini di samping menyokong rakan-rakan terutama Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang begitu hebat. Timbul kekeliruan atau salah anggap antara Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini dengan Kementerian Penerangan. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dia yang menentukan *contents* rancangan-rancangan TV, sama ada rancangan-rancangan itu bercanggah dengan kepentingan nasional, kebudayaan dan tatacara kehidupan orang Malaysia, kadangkala tidak diambil berat sangat. Sementara Kementerian Penerangan dia mewakili kehendak majoriti rakyat yang ingin menjaga ketertiban keperibadian, kebudayaan dan pelbagai yang ada kaitan dengan kepentingan kebangsaan.

Menteri Penerangan hanya berkuasa kepada TV1 dan TV2. Dia tidak boleh atau tidak dapat hendak campur kepada TV-TV swasta yang lain. Kepada orang kampung TV-TV swasta yang lain bukan TV1 dan TV2 yang melanggar kepentingan-kepentingan cara hidup orang Malaysia mereka rasa terkilan, mereka rasa marah dan sasaran kemarahan mereka, mereka menyangka ialah Kementerian Penerangan, Menteri Penerangan menjadi sasaran. Walhal itu bukan di bawah bidang Menteri Penerangan. Kasihan saya kepada Menteri Penerangan dia disalah anggap. Ada

orang kampung yang faham dia mengatakan Menteri Penerangan kita tukar sahajalah namanya menjadi menteri TV1 dan TV2, kerana TV-TV swasta yang lain dia tidak boleh campur dalam mengatur ataupun meluluskan *content* tiap-tiap rancangan TV-TV swasta ini.

Ini timbul percanggahan, saya rasa sudah sampai masanya kuasa-kuasa menentukan rancangan-rancangan ataupun iklan-iklan baik yang disiarkan melalui TV1, TV2, TV kerajaan ataupun TV swasta ini terus duduk di bawah Kementerian Penerangan supaya Menteri Penerangan ada kuasa, dengan kuasa itu bolehlah meluluskan atau tidak meluluskan mana-mana rancangan yang bercanggah dengan kepentingan nasional. Jangan lupa orang Malaysia masih lagi tebal dengan semangat kebudayaannya, orang Melayu terutamanya yang beragama Islam ada perkara-perkara yang mereka tidak bersetuju disiarkan di TV baik di mana-manalah TV swasta dan TV kerajaan.

Mereka ada satu garis yang kepada mereka kalau siaran itu begitu – begitu, menyilukan pandangan mereka, rasa bercanggah dengan kepentingan kebudayaan dan agama. Betullah seperti mana Timbalan Menteri pernah menjawab minggu yang lalu, soal ghairah, soal berahi, memang benda-benda yang subjektif, memang betullah. Ada orang tengok paha belum apa-apa lagi, tetapi ada orang tengok leher pun sudah tidak boleh, itu memang betullah. Tetapi pendapat umum ada garis-garis tertentu yang tidak boleh dilanggar. Jadi, saya berharap tidak tahulah agaknya macam mana kalau perlu dibawa agaknya pindaan-pindaan untuk memberi kuasa yang lebih kepada Menteri Penerangan, Kementerian Penerangan.

Jadi, saya berharap perkara-perkara seperti ini cuba kita kaji semula. Tetapi yang saya pelik walaupun bukan di bawah Kementerian Penerangan, dalam Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini kenapa tidak ada perasaankah? Tidak ada perasaan seperti Menteri Penerangan yang hendak mempertahankan kebudayaan kebangsaan, tatasusila orang Malaysia. Apakah menteri ini berbeza watak dan pendapatnya. Kalau berbeza watak dan pendapatnya saya hairan dan ajaib kerana dia duduk di bawah seorang Perdana Menteri yang sama, yang bermatlamat yang sama, tujuan yang sama. Apakah mereka tidak peka, apakah kerana kebebasan diberikan kepada mereka, mereka sanggup menjadi orang-orang yang boleh diperkononkan oleh syarikat-syarikat TV swasta, kerana kepentingan TV swasta mereka menafikan kepentingan rakyat umum.

Apakah menteri kita boleh diperjualbelikan ataupun di bawah telunjuk tuan punya-tuan punya TV swasta sehingga sanggup membelakangkan kepentingan rakyat teramai yang masih sayang kepada kebudayaan masing-masing. Ini persoalan, minta maaf boleh jadi bahasa saya bahasa yang tidak begitu sedap didengar, tetapi saya yakin dan percaya suara saya mewakili suara rakyat di mana-mana, yang masih wajar dengan keperibadian mulia, bangsa Malaysia. tidak kiralah Melayu, Cina, India, mereka mempunyai peradaban yang tidak boleh diluahkan. Sebelum terlambat kita harus menjaga batas-batas ini supaya jangan runtuh demi kepentingan generasi yang akan datang. Jemput.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Sri Gading hari ini makan anak tebulan kut! [Ketawa] Tetapi dia hari ini muka dia *handsome*, dia kepala baru, muka lama Tuan Yang di-Pertua. Dia baru menggunting rambut. Jadi, saya agak bersetuju juga dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Ini bermakna aturan peraturan Yang Berhormat, perjanjian mereka sebelum dibenarkan untuk menjalankan perniagaan televisyen swasta dan sebagainya, aturan peraturan perundangan telah pun di *layout*, dengan izin kepada mereka untuk dipersetujui bersama. Tetapi mungkin dari segi *monitoring* nya kurang baik, maka mereka terlajak dari segi mengadakan filem-filem yang kadang-kadang bercanggah dengan budaya Malaysia, budaya Melayu dan juga agama Islam.

Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kementerian juga mengadakan satu jawatankuasa bersama dengan Menteri dan juga beberapa orang Ahli Parlimen ataupun mungkin sudah ada, untuk kita duduk bersama sebagai penasihat dan juga badan kerajaan menyunting filem-filem ini supaya kita juga diberi peluang untuk duduk di sana untuk memberi pandangan dan khidmat nasihat kepada jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan supaya masalah-masalah ini dapat

diselesaikan sebelum masyarakat Malaysia akan menjadi masyarakat huru-hara macam masyarakat Barat.

Sekarang ini pun kita sudah nampak huru-hara, Yang Berhormat bersetuju dengan saya atau tidak? Kita tengok kadang-kadang pakai pakaian terdedah, nampak pusat tidak tentu pasal, kelam-kabut. Kemudian berlaku peristiwa-peristiwa yang tidak diingini. Ini kadang-kadang disebabkan oleh penontonan filem-filem dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading bersetuju supaya kita adakan satu jawatankuasa bersama supaya kita dapat menolong dan membantu pihak kementerian? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawabnya, “sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula”, saya sangat setuju. Masalahnya ialah perjanjian memang ada tetapi nampaknya kadangkala oleh sebab kelemahan-kelemahan tertentu, perjanjian tinggal perjanjian, tidak diikuti. Pihak swasta atau TV swasta, kepada mereka yang penting ialah “fulus”. Yang Berhormat bagi Jerai tahu “fulus?...”

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada soal jawab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, okey.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order*, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Dengan izin.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau bercakap selain daripada bahasa Malaysia dalam Dewan Rakyat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dengan izin, dengan izin.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: ...mesti dengan izin, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus, terus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Keuntungan, ringgit dan sen menjadi keutamaan kepada mereka. Persetan kebudayaan, persetan orang Malaysia, persetan kebajikan, persetan masa depan generasi – bagi mereka, bagaimana hendak mengaut keuntungan berlipat-ganda, bagaimana untuk melariskan siaran mereka supaya menjadi tontonan yang lebih ramai, daya tarikan-daya tarikan yang disalut dengan “iblis”, menjadi sajian kepada mereka yang memang begitu mendapat galakan daripada muda-mudi kita. Ini masalahnya...

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun, Yang Berhormat. Sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih “ayahanda” saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading... *[Disampuk]*

Semua dalam Dewan ini faham bahawa dalam era multimedia ini, dalam era langit terbuka seperti mana yang disebut oleh Alvin Toffler dalam bukunya, *The Third Wave*, memang dunia hari ini menghadapi gelombang yang ketiga, gelombang maklumat dan kita akui bahawa gelombang ini memang memberikan banyak kesan dan impaknya terhadap masyarakat dunia.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Jerai yang menekankan kepada aspek negara kita telah pergi terlalu jauh iaitu ingin menjadikan era multimedia ini sebagai satu budaya dalam kehidupan masyarakat tetapi suka untuk saya mengingatkan bahawa masyarakat Eropah selepas berlakunya Revolusi Perindustrian pada abad yang ke-18, hasil daripada revolusi ini yang mahukan kemajuan hanya pada aspek fizikal semata-mata telah melahirkan apa yang disebut “gunung berapi laharnya terbentuk materialistik”, yang melahirkan masyarakat materialistik.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, adakah bersetuju dengan saya bahawa kita mesti menjadikan era multimedia dalam masyarakat Malaysia ini dalam acuan kita, dalam dimensi kita dan sejauh manakah segala undang-undang yang ada ini telah menuju kepada sasaran bahawa segala kemajuan ini mesti kita tujukan, kita pacu ke arah negara Malaysia yang masyarakatnya akan tetap terpelihara akhlak, moral dan pendidikannya dengan tidak kita mengabaikan ataupun kita mengorbankan segala kekuatan yang ada pada kita. Saya minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih “anakanda” Kubang Kerian.... [*Ketawa*] Memang itulah yang kita harap-harapkan tetapi mereka yang mempunyai kuasa, yang diberikan amanah, tidak peka dengan perkara ini, tidak peduli. Fikiran mereka seolah-olah terjajah dan yang saya pelik dan hairan bahawa mereka hilang segala jati diri sebagai rakyat Malaysia, orang Melayu sesetengahnya beragama Islam, hilang!

Kita mengharap pagar untuk menjaga tanaman tetapi pagar memakan padi. Apa yang boleh kita harapkan kalau pagar memakan padi? Ini yang menjadi masalah kepada kita. Undang-undang ada, perjanjian ada tetapi perkara yang hendak dilaksanakan tidak dikuatkuasakan. Masing-masing kadang-kadang tidak berani.

Saya hendak bercakap kasar sahaja tetapi tidak boleh di Dewan yang mulia ini...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sabar, sabar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sabar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sabar, sabar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah sabarlah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain diam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini masa depan generasi kita. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tumpat bangun, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya seperti juga Yang Berhormat bagi Kubang Kerian gembira mendengar pandangan dan ucapan Yang Berhormat tentang masalah-masalah yang berkaitan dengan media yang kita hadapi dan juga sumbangan Yang Berhormat bagi Jerai tentang hal ini dan permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi yang pada umumnya meminta supaya Kementerian Penerangan mengambil peranan dan tugas yang lebih besar untuk mengawal keadaan, pengaruh yang tidak terkawal nampaknya melalui multimedia ini.

Namun saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading sama ada pertamanya, beliau sedar bahawa mengikut cadangan sebenar apabila rang undang-undang atau Akta Ibu ini diluluskan, tujuannya ialah untuk malah menutup Kementerian Penerangan dan menjadikan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini sebagai Kementerian induk yang tidak lagi memerlukan kepada Kementerian Penerangan.

Keduanya, sedar tidak Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa mungkin Yang Berhormat dan saya bersetuju dengan pandangan yang cukup tinggi daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan tentang pencabulan-pencabulan moral yang ada dalam multimedia kita hari ini tetapi nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan mempunyai sikap yang berbeza di mana beberapa hari yang lalu telah memberi amaran kepada jabatan-jabatan Islam kerajaan supaya jangan menyekat penulis-penulis agama tertentu daripada tulisan-tulisan mereka. Jadi, percambahan-

percambahan ini yang kita bimbang yang nampak belum jelas daripada parti Yang Berhormat bagi Sri Gading itu.

Ketiganya, untuk menambah kepada maklumat yang Yang Berhormat bagi Sri Gading ada, pengaruh radio adalah amat-amat tinggi sekali. Mengikut kajian terakhir masyarakat Malaysia yang berumur 12 tahun ke atas, 90% mengikuti radio iaitu mengikut banciaannya 12.9 juta orang anak-anak muda kita 12 tahun ke atas mengikuti dan mendengar radio.

Yang membimbangkan ialah stesen-stesen radio yang mereka dengar ialah Era, THR.fm, My FM, 988, Hitz.fm, Mix FM, Light & Easy dan Red 104.9. Era fm adalah yang paling tinggi pendengarnya iaitu 6.14 juta orang, diikuti dengan THR.fm iaitu 3.21 juta orang dan di kalangan masyarakat Cina, 1.98 juta orang mengikuti My FM dan sebagainya. Jadi, yang menjadi minat masyarakat kita adalah jenis-jenis saluran TV dan juga radio yang berbentuk hiburan dan bukan yang berbentuk ilmu ataupun yang menegur tentang keadaan moral kita.

Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading agak bimbang dengan keadaan yang bergolak sekarang ini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua kementerian yang ditubuhkan oleh kerajaan, yang diwujudkan oleh kerajaan mempunyai fungsi-fungsi yang bermatlamatkan kebaikan, bermatlamatkan untuk kesejahteraan rakyat. Masalahnya ialah bagaimana mereka yang berkuasa di dalam kementerian-kementerian, jabatan-jabatan yang berkenaan bagi menentukan semua garis panduan dapat diikuti.

Saya ambil contohlah, siapa yang komited dengan Bahasa Melayu, dengan kebudayaan, siapa? Orang Melayu di Malaysia ini termasuk korporat tidak peduli. Akhbar Melayu tinggal dua sahaja, *Berita Harian*, *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia*. Tengok yang lain. Korporat-korporat Melayu tidak peduli. Malahan korporat-korporat Melayu cerita-cerita Bahasa Melayu bahasa rojak.

Korporat-korporat Melayu hendak berbahasa Melayu pun segan, malu, bagaimana hendak memulakan Bahasa Melayu. Siapa yang komited? Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja. Terkonteng-kontenglah Datuk Aziz seorang. Jawi sudah selesai. Ada orang Melayu bangkit? Ada korporat-korporat Melayu yang berjaya yang ditolong oleh kerajaan dan UMNO bangkit membantu, ada? Minta maaf bukan perkauman jika dibandingkan dengan orang Cina, 12 bahasa.

Mereka kukuh mempertahankan kebudayaan mereka, orang Melayu yang berjaya tak ada seorang pun bangkit malahan setengah-setengah menteri hendak cakap Melayu pun segan. Hendak kepit *Utusan Melayu* pun malu. Lepas itu kita mengeluh mengapa kita begitu, kita begini.

Ini masalahnya, orang Melayu sudah segan dengan bangsa Melayu sendiri. Ini ambil contoh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tumpat bangun pula Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Bagi. Bagi. Bagi. Bagi, boleh sambung panjang mana.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila. Sila pendekkan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Ringkas sahaja. *Utusan Melayu* telah ditutup ataupun ditukar kepada akhbar harian hanya sekadar akhbar Mingguan. Sekarang ini satu lagi terbitan Utusan Melayu Berhad iaitu *MASSA*. Akhbar Mingguan ditutup pula. Ini bermakna aspek-aspek penting komunikasi, kebudayaan dan juga warisan negara ini satu demi satu ditutup dan diberhentikan.

Setuju atau tidak Yang Berhormat jika kalaupun tidak melalui Kementerian Multimedia ini, sekurang-kurangnya Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan menganggap bahawa khazanah negara seperti akhbar jawi, majalah mingguan

berbahasa Melayu mestilah kita kekalkan dan oleh itu pembiayaan-pembiayaan dicari untuk memastikan bahawa media-media yang berbahasa Melayu dan sebenarnya mengikut Akta Bahasa Kebangsaan, tulisan jawi di anggap tulisan rasmi selain daripada rumi, bahasa Melayu. Adakah Yang Berhormat setuju itu dipertahankan dengan apa cara sekali pun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sangat setuju, tetapi Sri Gading dengan Tumpat sahajalah setuju. Orang lain tak peduli. Ini sebabnya akhbar *Utusan Melayu* warisan bangsa terkubur. Lima puluh tahun mereka berjasa tak ada siapa ambil peduli. Yalah saya baca hari Ahad semalam, Yang Berhormat Dato' Rais Yatim, menteri yang baru ini cuba hendak menghidupkan. Kementerian Pendidikan yang sepatutnya bertanggungjawab penuh, kenapa tak berani secara terus terang. Buat satu undang-undang yang memestikan jawi dimartabatkan.

Kalau dah orang Melayu sendiri segan dan malu hendak memartabatkan jawi, siapa yang boleh hendak memartabatkan? Kita tidak hendak menyalahkan siapa. Ini masalahnya, siapa yang komited? Siapa yang ambil berat? Itu sebabnya kita berdagang dalam negara sendiri kerana banyak pusaka-pusaka yang bernilai sudah kita tak pedulikan.

Generasi yang akan datang, kementerian ini yang bertanggungjawab sama ada hendak menjerumuskan mereka ke lembah kehancuran ataupun tidak. Jangan main-main. Kamu diberikan kuasa dan kuasa ini akan ditanya di Yaumul-Akhir esok bagaimana tanggungjawab kamu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu hendak memanjangkan ucapan ini kerana ucapan ini boleh dipanjangkan seberapa mahu. Tetapi cukuplah untuk meluahkan perasaan bagi mencari kesedaran untuk kita sama-sama menjaga negara ini dan generasi yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya minta menteri menjawab.

12.55 tgh.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang sempat mencelah memberi pandangan berhubung dengan pindaan ini. Saya akan cuba untuk mewakili kementerian untuk menjawab sebaik mungkin isu-isu yang telah diketengahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian sebentar tadi dan juga pada hari Khamis yang lalu. Tetapi di sini sebelum saya meneruskan ucapan, sukalah saya juga memaklumkan kepada Dewan dan juga Tuan Yang di-Pertua bahawa kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan menyentuh dari segi ICT dan juga untuk pengetahuan bahawa ICT dan juga MSC (*Multimedia Super Corridor*) tidak lagi berada di bawah kementerian ini seperti mana yang dibincangkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong pada hari Khamis lalu yang begitu panjang menyebut *e-village*, *Multimedia Super Corridor*, ICT dan sebagainya ini telah berada di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Nanti kalau saya jawab terlalu banyak berhubung dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini, menterinya yang berjanggut itu mungkin marah kepada saya. Jadi saya tak beranilah hendak menyentuh kementerian itu. Cuma saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang mengambil bahagian yang pertamanya Yang Berhormat bagi Muar yang telah menengahkan masalah mengenai isu perkhidmatan sejagat atau *Universal Service Provision (USP)*.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Muar, Tabung Perkhidmatan Sejagat adalah disumbangkan oleh semua pemegang lesen individu kecuali pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan yang mempunyai hasil bersih ditentukan yang melebihi RM2 juta. Sumbangan untuk satu tahun adalah dianggarkan pada RM400 juta. Jumlah terkumpul dalam Tabung Perkhidmatan Sejagat untuk tahun 2004 ialah RM795.8 juta pada bulan Julai 2004 dan daripada ini, sejumlah RM688 juta dijangka

akan dibelanjakan di 89 sasaran perkhidmatan sejagat di seluruh negara pada tahun ini.

Perbelanjaan ini adalah untuk perbelanjaan operasi kawasan-kawasan yang dianggar pada RM258 juta setahun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sasaran perkhidmatan sejagat merangkumi kawasan-kawasan di mana pencapaian telekomunikasi mereka adalah kurang daripada 20% daripada purata kebangsaan.

Yang Berhormat bagi Muar juga mempersoalkan siapakah yang akan menganggotai Tribunal Rayuan dan apakah kriteria bagi pelantikan anggota-anggota Tribunal Rayuan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan ahli-ahli Dewan, anggota Tribunal mengikut Seksyen 17 (2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Menteri hendaklah melantik seorang Pengerusi Tribunal Rayuan dan sekurang-kurangnya dua orang atau lebih sebagai Ahli Tribunal Rayuan.

Seksyen 18(3) Akta 588 pula memperuntukkan bahawa Pengerusi Tribunal Rayuan hendaklah dilantik di kalangan Hakim Mahkamah Tinggi manakala Seksyen 19 Akta 588 memperuntukkan bahawa Ahli-ahli Tribunal Rayuan hendaklah di kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman dalam industri komunikasi dan multimedia ataupun dalam bidang kejuruteraan ataupun dalam bidang undang-undang, ekonomi atau perdagangan ataupun pentadbiran awam.

Ini menunjukkan bahawa bukan sembarangan orang yang boleh jadi sebagai anggota dalam Tribunal ini. Mereka yang berkecualan dalam industri ini sahaja yang boleh dilantik untuk menganggotai Tribunal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan menteri, boleh kita sambung sebelah petang.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pagi telah selesai. Kita tangguh persidangan sehingga jam 2.30 petang hari ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyambung jawapan memaklumkan kepada Yang Berhormat daripada Muar bahawa kuorum bagi sesuatu bidang percabaran Tribunal adalah seorang Pengerusi sama ada dua atau empat orang ahli Tribunal Rayuan. Hal ini adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 22 Akta 588. Yang Berhormat daripada Muar juga menyentuh dari segi kos perbelanjaan bagi penubuhan Tribunal Rayuan. Kos perbelanjaan Tribunal Rayuan dijangka tidak tinggi memandangkan Tribunal Rayuan bermesyuarat secara *ad-hoc* sebagaimana yang perlu. Sebagai permulaan kementerian hanya bercadang untuk melantik seorang pegawai awam sebagai Setiausaha Tribunal Rayuan dan dibantu oleh seorang pembantu tadbir bagi maksud melaksanakan fungsi dan kuasa Tribunal Rayuan.

Bilangan pegawai bagi pejabat Tribunal Rayuan akan ditambah sekiranya difikirkan perlu oleh kementerian. Apakah prosedur laporan untuk dibawa ke Tribunal Rayuan? Prosedur untuk membawa kes ke Tribunal Rayuan adalah ditetapkan dalam peraturan-peraturan komunikasi dan multimedia serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Tribunal Rayuan setelah mengadakan rundingan dengan Tribunal Rayuan.

Wakil Muar juga mempersoalkan tentang *roaming* di kawasan di persisiran dan kualitinya terdapat satu jawatankuasa antara negara Singapura, Brunei dan Malaysia dan satu lagi jawatankuasa antara Thailand, Indonesia dan Malaysia yang dikenali sebagai JTC dan JCC untuk memantau masalah ini. Masalah ini sedang cuba di atasi tetapi kerap kali signal akan melintasi sempadan kerana mengawasi frekuensi bukan satu perkara yang mudah, ianya adalah tertakluk kepada peraturan dan prosedur antarabangsa .

Wakil Muar sekali lagi menyentuh liputan dan perkhidmatan telefon selular yang tidak memuaskan. Kerajaan adalah amat komited dalam memastikan bahawa mutu liputan dan perkhidmatan telefon selular akan dapat dinikmati di seluruh negara. Pada masa sekarang tumpuan sedang diberikan di kawasan Lembah Klang, Koridor Raya Multimedia, Lebuhraya Utama dan kawasan-kawasan tarikan pelancong. Untuk tujuan ini kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk memperluaskan liputan melalui perkongsian pembinaan dan penggunaan Menara Telekomunikasi untuk tiga tahun yang akan datang.

Kementerian akan juga mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan insentif-insentif yang bersesuaian bagi menggalakkan pembekalan perkhidmatan meluaskan liputan dan kualiti perkhidmatan ini termasuklah melaksanakan perayuan domestik. Kementerian juga sedang akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan di peringkat negeri dan daerah bagi mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan bagi tapak Menara Telekomunikasi.

Berhubung dengan persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kepong yang berhubung dengan MSC dan *e-village* sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, ini adalah di luar bidang kuasa kementerian ini dan ini terletak di bawah kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MOSTE, peratusan penggunaan *broadband*. Kadar peratusan penggunaan *broadband* bagi suku pertama 2004 ialah 0.56% kurang daripada 1%, sasaran kebangsaan untuk *connectivity*, dengan izin, adalah 282,000 pada tahun 2004.

Mengenai strategi untuk menggalakkan permintaan dan penggunaan *broadband*, kerajaan kini sedang merangka national *broadband* plan atau pelan jalur lebar negara bagi jangka masa 2004 hingga 2008 yang akan merangkumi strategi-strategi berikut; mewujudkan satu kritikal mass dengan menghubungkan komuniti-komuniti berikut; Kerajaan Persekutuan, negeri dan tempatan; sekolah - 10,000 sekolah yang dihubungkan dengan *internet access*; universiti dan institut penyelidikan perdagangan; dagang net; hospital dan klinik; pusat *internet community* dan orang awam menggunakan *ADSL* Vesat dan juga *wireless*. Mewujudkan rangkai kerja dasar dan juga *regulatory* yang menggalakkan; persaingan terutama di peringkat '*last mile*'; dan mencadangkan insentif bagi menggalakkan pemberian perkhidmatan menyediakan infrastruktur jalur lebar, *broadband*.

Wakil Kepong juga mempersoalkan bolehkah pengguna-pengguna membawa aduan terhadap pemberian perkhidmatan ke Tribunal Rayuan. Pada dasarnya Tribunal Rayuan ini adalah bertujuan untuk menyediakan saluran bagi membekal perkhidmatan untuk merayu di atas arahan dan keputusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 terdapat beberapa forum yang diwujudkan khusus untuk menangani aduan pengguna bergantung pada jenis aduan. Pengguna-pengguna boleh merujuk aduan mereka kepada forum-forum yang sesuai seperti berikut; forum pengguna ataupun forum kandungan.

Menurut Seksyen 195 AKM 1998, SKKM boleh menyelesaikan pertikaian antara pengguna dan pemegang lesen berhubung dengan perkara perkhidmatan pelanggan dan perlindungan pengguna.

Selain daripada saluran-saluran yang diperuntukkan di bawah AKM 1998 aduan pengguna juga boleh dikemukakan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Akses kepada Tribunal Tuntutan Pengguna adalah lebih mudah kerana terdapat pejabat Tribunal Tuntutan Pengguna di semua negeri di Semenanjung, Wilayah Persekutuan, Labuan, Sabah dan Sarawak.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Kepong juga mempersoalkan tentang parabola TVRO. TVRO sebenarnya hanya dibenarkan untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja, iaitu tujuan latihan di hotel-hotel besar dan juga pejabat-pejabat kedutaan luar yang memerlukan kemudahan ini untuk menerima siaran dari negeri masing-masing. Kementerian kini sedang mengkaji sama ada ia perlu diperluaskan. Pada masa ini kuasa yang meluluskan penggunaan TVRO ialah di bawah Yang Berhormat Menteri.

Kepong juga membangkitkan dari segi mengkaji konsep *smart school* yang diwajibkan memberi perkhidmatan aplikasi menyediakan kemudahan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kepong *smart school* juga pada hari ini berada di bawah Kementerian Pelajaran, maka ini tidaklah terletak di bawah tanggungjawab kementerian ini untuk menjawabnya.

Begitu juga Yang Berhormat Kepong menyentuh tentang NITC yang juga berada di bawah kementerian yang pada hari di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kebanyakan masalah-masalah, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong berada di bawah lingkungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Berhubung dengan Astro yang menyatakan monopoli sebenarnya terdapat tiga syarikat yang dilesenkan, syarikat TV yang berlesen yang berbayar di negara ini, antaranya adalah Astro kemudian *Graphic Mattic* atau Sendirian Berhad atau MiTV, seterusnya *Network 'Widden'* Sendirian Berhad dengan demikian TV berbayar bukanlah satu perkara yang monopoli di negara ini.

Yang Berhormat bagi Kepong juga memberi ucapan tahniah berhubung dengan Pusat Internet Desa. Kejayaannya setakat ini, Pusat Internet Desa telah dibangunkan di 42 lokasi bertempat di pejabat-pejabat pos di seluruh negara. Program utama Pusat Internet Desa ini adalah pembekalan infrastruktur, membangunkan *literacy ICT* dan membangunkan kandungan tempatan.

Sehingga kini, lebih daripada 30,000 telah dilatih menerusi Pusat Internet Desa ini. Setiap Pusat Internet Desa juga disediakan dengan dua orang tenaga pengajar yang terlatih, yang mempunyai kelulusan ijazah dan satu lagi mempunyai kelulusan diploma....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Larut bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pendek sahaja. Saya hendak tanya tentang kakitangan pusat ini. Sekarang ini, mereka adalah dilantik secara kontrak. Adakah kementerian bercadang untuk menetapkan mereka ini bila tiba masanya? Sekarang ini, mereka adalah berupa kontrak, sama ada kementerian bercadang untuk menetapkan mereka itu? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya ucapkan terima kasih berhubung perkara ini. Pihak kementerian akan melihat dan jika keperluannya ada untuk kita memberi taraf pekerja tetap, kita akan menimbangkannya di masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan dari segi soal cuaca. Bila cuaca tidak baik, susah gambar yang disiarkan.....

Tuan Liow Tiong Lai: Yang Berhormat.....

Dato' Shaziman bin Abu Mansor:.....di ASTRO tidak terang dan sebagainya.

Tuan Liow Tiong Lai: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebentar, sebentar.

Tuan Liow Tiong Lai: Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ini adalah berikutan daripada Teknologi KU Band, satelit yang merupakan satu global dan isu ini dialami oleh semua televisyen berbayar yang menggunakan Teknologi KU Band, tidak kira di mana-mana. ASTRO walau bagaimanapun, mencapai tahap 99% transmisinya setahun menurut standard yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dalam *mandatory standard*. Ini sesuatu yang boleh diterima oleh masyarakat.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak sedikit penjelasan mengenai ASTRO ini. Tadi, Yang Berhormat bagi Jerai telah nyatakan bahawa tiga kompeni atau tiga syarikat telah diberikan lesen di dalam ini. Saya hendak *check* ataupun hendak sedikit penjelasan mengenai perkara ini. Mengikut dengan izin, *Registrar Under the Telecommunication and Multimedia Act*, *Registrar in visual license* ini, *under the content applicant service provider*, di sini saya tidak nampak ada nama syarikat ASTRO di sini. Hanya yang ada ialah, *MEASAT Radio Telecommunication*, iaitu lesen untuk

radio broadcasting sahaja. So, saya hendak tanya, adakah ini bermakna ASTRO ini telah melanggar Akta 588 ini dan kini beroperasi tanpa lesen yang sah, mengikut ketetapan Akta 588 ini. Ini, yang pertama.

Yang kedua ialah mengenai *licensing condition* ini dengan izin, siapa yang memberikan *conditions* ataupun syarat-syarat lesen ini kepada ASTRO ini. Itu sahaja penjelasan. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk maklumat Yang Berhormat, ASTRO tidak melanggar mana-mana syarat kerana lesen mereka diberi ketika dalam akta yang dahulu. Jadi, lesen mereka masih hidup lagi. Sekiranya mereka perlu untuk *renew*, dan mungkin syarat-syarat mereka akan termasuk dalam akta yang baru. Untuk pengetahuan Yang Berhormat.....

Tuan Liow Tiong Lai: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bentong. Bentong.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor:.....SKMM merupakan badan yang bertindak untuk menguruskan dari segi pelesenan untuk syarikat-syarikat yang berminat untuk mengeluarkan siaran televisyen dan sebagainya.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Internet Desa. Kita difahamkan Program Internet Desa telah dilancarkan beberapa tahun yang lalu dan telah mendapat sambutan baik daripada para pengguna di luar bandar. Salah satu program lagi iaitu mengadakan komputer atau Internet di stesen-stesen minyak yang telah dilancarkan bersama dengan *SHELL*. Contohnya, di kawasan saya Bentong, setelah dilancarkan, beberapa bulan kemudian, perkhidmatan itu telah diberhentikan. Ini telah menjejaskan keyakinan para penduduk luar bandar berhubung dengan kesungguhan kementerian dalam melancarkan Program Internet Desa ini.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan Program Internet Desa dilancarkan dengan baik. Di samping, dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa ada kakitangan telah disediakan untuk membantu membangunkan program ini. Adakah langkah-langkah lain yang telah disediakan? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Kementerian memang serius dari segi pembangunan Internet di kawasan luar bandar tetapi sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, jika sekiranya berlaku masalah antara Internet di kawasan *SHELL*, ada kerjasama dengan syarikat minyak, saya minta maaf kerana pada hari ini, saya tidak ada *information* berkenaan dengan perkara ini. Saya akan ambil tindakan sebaik mungkin dan saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah membangkitkan.....

Tuan Razali bin Ismail: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Tuan Razali bin Ismail: Sekejap sahaja. Tadi saya tertarik tentang e-komuniti ataupun Internet Desa tadi itu. Berdasarkan kepada pemerhatian saya, saya melihat, sekarang ini pencapaiannya itu, hanya menjuruskan kepada *literacy* biasa sahaja. Ia tidak pergi kepada *the next level of functional literacy* yang boleh dimanfaatkan. Kalau sekiranya ditempatkan di luar bandar, kita hendak melihat bahawa kemudahan-kemudahan ICT ini boleh menjana aktiviti-aktiviti yang boleh membawa keuntungan, sama ada dari segi ekonominya, bukan sekadar untuk melihatnya, bukan sekadar untuk melayari *web site* yang dikira sebagai *irrelevant, this garbage in, garbage out*, sama ada sudah dibuat satu kajian tentang keberkesananannya. Apakah kesan-kesan kepada penambahbaikan kepada komuniti desa, terutamanya dalam pelaksanaan dari segi komuniti. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tetapi pada masa ini pihak kementerian lebih berminat untuk memberi pendedahan awal kepada

masyarakat luar bandar, kerana bagi mereka, Internet ini merupakan satu perkara yang baru. Jadi, sebelum mereka boleh berlari, biarlah mereka boleh bangun, boleh berdiri, boleh berjalan, baru diajar mereka berlari. Jadi, kita memang ke arah itu.

Namun buat masa ini, kita hanya memberi pendedahan peringkat awal kepada masyarakat luar bandar, berhubung dengan Internet. Apakah lagi *penetration rate* bagi Internet dan juga komputer di luar bandar amatlah rendah pada hari ini. Jadi, kesedaran awal adalah untuk memberi rasa selesa masyarakat luar bandar untuk menggunakan komputer dan Internet.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam membangkitkan pelanggan *prepaid*, baki yang tidak digunakan dalam tempoh tiga bulan akan diluputkan ataupun *forfeited*. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, suka saya maklumkan, syarikat pemberi perkhidmatan terpaksa menanggung kos menyediakan perkhidmatan bagi pelanggan prabayar dalam tempoh masa tertentu seperti yang dinyatakan dalam pakej prabayar.

Ini bermakna, telah ternyata dalam pakej itu, bahawa dalam sesuatu tempoh, perkhidmatan ini akan ditamatkan ataupun Yang Berhormat kena tambah sedikit wang untuk meneruskan perkhidmatan *air time* daripada syarikat *prepaid* ini. Kos penyediaan perkhidmatan bagi prabayar lebih tinggi daripada pasca bayar sebenarnya. Yang Berhormat bagi Bagan dan Ayer Hitam juga membangkitkan perkhidmatan mengenakan caj panggilan yang tidak berjaya. Caj panggilan hanya dikenakan bagi panggilan yang berjaya, termasuk panggilan berjaya yang tidak berjawab oleh penerima panggilan.

Pemberi perkhidmatan menanggung kos sebenarnya untuk menyambung panggilan kepada penerima panggilan dan kegagalan menjawab tidak boleh dikira, panggilan tidak berjaya. Sebenarnya, Yang Berhormat telah gunakan perkhidmatan *line* yang telah digunakan, cuma orang itu tidak jawab. Kadang-kadang orang itu sudah berbunyi dua, tiga kali, Yang Berhormat sudah gunakan perkhidmatannya. Jawab tidak jawab, bukan soalnya tetapi sudah gunakan. *Line* dia kadang-kadang, antara *Celcom* dengan *Maxis*. Yang Berhormat gunakan *Celcom*, Yang Berhormat telefon *Maxis*. Yang Berhormat sudah ada *connectivity* dengan *Celcom*. Dia kena bayar dengan syarikat yang lagi satu. Kos inilah yang diberi kepada pengguna. Ini adalah satu *minimal cost*, bukanlah kos yang keterlaluan.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga membangkitkan mengenai memastikan kualiti perkhidmatan pemegang lesen, adakah baik dan memenuhi mutu yang dijanjikan seperti kelajuan dan sebagainya. Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia ataupun SKMM sudah mempunyai penentuan, *determination*, mengenai *standard mandatory* untuk kualiti bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pemberi-pemberi perkhidmatan. Penguatkuasaan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai SKMM bagi memastikan pemberi-pemberi perkhidmatan mematuhi penentuan ini.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sekali lagi membangkitkan panggilan-panggilan yang tidak berjaya tetapi dikenakan caj. Panggilan-panggilan berjaya, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, mereka telah menggunakan *line* ini tetapi jika ada di kalangan pengguna masih tidak berpuas hati, mereka boleh membuat aduan kepada forum pengguna. Jika hasil jawapan daripada forum pengguna ini tidak memuaskan hati lagi, pengguna boleh membuat aduan kepada SKMM untuk menyiasat setiap aduan ini.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga membangkitkan kelajuan muat turun dan muat naik bagi perkhidmatan *Broadband ADSL* yang ditawarkan. *TMNet* menawarkan perkhidmatan *Broadband* menggunakan teknologi ADSL dan SDSL, di mana teknologi SDSL membenarkan kelajuan muat turun yang lebih tinggi berbanding kelajuan naik, bersesuaian dengan penggunaan pengguna di rumah. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat Telco juga menawarkan perkhidmatan *Broadband* menggunakan teknologi SDSL kepada syarikat-syarikat yang memerlukan perkhidmatan *dedicated line* ini.

Bagi Yang Berhormat bagi Terengganu, yang menyatakan perlunya keseimbangan antara *human construction* dengan *technological determination*, dengan izin. Pendekatan yang diambil oleh kerajaan memanglah berbentuk keseimbangan dalam kedua-dua aspek pembangunan manusia dengan teknologi. Umpamanya, kerajaan telah menubuhkan Multimedia Universiti (MMU), serta menggalakkan kakitangan swasta meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar dalam ICT semasa

memperkenalkan *Multimedia Super Corridor*, untuk memajukan sektor ICT di negara ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga membangkitkan masalah jurang digital. Pelbagai inisiatif telah diberikan oleh kerajaan untuk menangani jurang *digital divide* ini. Antaranya adalah untuk memperluaskan infrastruktur di kawasan-kawasan kurang dijangkau melalui pembekalan di kawasan program melalui USP kerajaan dan juga tabung USP sumbangan syarikat telekomunikasi.

Perwujudan rejim pelesenan yang lebih bagi menggalakkan pembekalan infrastruktur. Membangunkan pusat-pusat internet komuniti atau *Tele center* bagi mengatasi kekurangan panetrasi *internet*, PC dan isu-isu kemampuan di kalangan komuniti luar bandar. Pusat-pusat seperti ini bukan sahaja menyediakan infrastruktur tetapi melibatkan komuniti dalam pengurusan PC dan *internet* melalui program-program literasi pembangunan kandungan tempatan.

Program-program kerajaan seperti kerajaan elektronik dan aplikasi perdana, MSC – apabila di *roll out* di seluruh negara, akan melibatkan semua lapisan masyarakat dan secara langsung merapatkan jurang digital. Program seperti *connectivity committees* yang melibatkan penyediaan infrastruktur ke seluruh negara, merupakan perkara-perkara yang diambil oleh kerajaan untuk merapatkan lagi jurang digital.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga menanyakan dari segi menyambungkan sekolah-sekolah dengan rangkaian *internet*. Program rangkaian *SchoolNet* sedang dilaksanakan oleh kementerian ini, merangkaikan 10,000 buah sekolah di seluruh negara termasuk sekolah rendah dan sekolah menengah. Rangkaian ini akan memberi sumbangan *internet* kepada sekolah-sekolah untuk memudahkan mereka berhubung antara satu sama lain.

Laluan *channel* bagi kandungan pelajaran dan pembelajaran ini yang disediakan oleh kementerian juga disediakan. *School Wide Internet* yang mana kandungan yang disediakan oleh sesuatu sekolah dapat dikongsi dan diguna sama oleh sekolah-sekolah lain.

Akhir sekali, daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Sri Gading membangkitkan dari segi penguatkuasaan bahan-bahan yang disiarkan oleh TV swasta dan TV-TV kerajaan. Untuk makluman ahli-ahli Dewan, garis panduan yang digunakan adalah sama, antara TV-TV swasta dan TV-TV kerajaan. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi mengawasi stesen-stesen TV swasta, oleh kerana mereka ini dilesenkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia.

Namun begitu pihak SKMM sebagai

Tuan Razali bin Ismail: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Trengganu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya!

Tuan Razali bin Ismail: Maaf kerana jelas ini. Saya melihat bahawa satu lambakan alat-alat teknologi ICT ini dengan penekanan yang kurang saya lihat kepada pembinaan, kesediaan manusia itu sendiri. Inilah isu yang saya bangkitkan tadi tentang debat *technological determinism verses on the other side is human constructionism* ini. Pengalaman di sekolah-sekolah, bagi latihan guru, saya ingin menarik perhatian juga dengan bahagian-bahagian lain, membekalkan segala macam *cost ware*, *hardware*, tetapi bahan-bahan ini masih berada dalam beg-beg guru, tidak digunakan dengan sepenuhnya.

Inilah yang saya sebut tadi untuk mempasti dan menyediakan guru-guru ini dengan kesedaran mereka tentang kepentingan, dengan pemikiran mereka, kreativiti mereka, jadi kalau sekiranya hal ini tidak diselesaikan terlebih dahulu dengan lambakan teknologi sahaja, saya kira ini akan menimbulkan banyak masalah kepada kita. So, inilah harapan kita supaya menyediakan manusia itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang mana dalam perkara ini saya yakin Kementerian Pelajaran juga

memainkan peranan untuk bersama-sama memastikan tenaga pengajar yang ditugaskan mengajar pelajar-pelajar sama ada di sekolah rendah dan menengah supaya mereka ini mahir dalam ICT sebelum mereka boleh menurunkan ilmu kepada pelajar-pelajar.

Kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading sekali lagi saya nyatakan bahawa akta yang digunakan dalam stesen TV swasta (SKMM) ini adalah serupa dengan yang digunakan dalam Kementerian Penerangan, cuma SKMM mengeluarkan pengawasan kandungan di TV swasta. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengeluarkan lesen kepada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan. Di dalam syarat lesen terdapat syarat-syarat kandungan yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen, tidak kira mana-mana TV stesen. Mana-mana pemegang lesen melanggar syarat lesen, tindakan boleh diambil.

SKMM juga memantau dari masa ke semasa kandungan TV dan juga dari aduan-aduan yang diterima. Pihak SKMM juga melakukan audit untuk memastikan penyiar-penyiar TV sentiasa mematuhi kehendak-kehendak lesen ini. Cuma pada hari ini saya difahamkan di ASTRO, mereka yang ditugaskan untuk melakukan *cancel* siaran TV ini, mereka adalah di kalangan golongan yang muda, dalam umur 30 tahun dan mungkin mereka ini dari segi *violenceny*, daripada *wildhya*, daripada lucu tidak lucuhnya, mungkin pendapat mereka berbeza-beza antara satu sama lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya berminat dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa yang *cancel* itu yang muda-muda. Saya hendak tanya Yang Berhormat, tua-tua tidak adakah, yang berumur sedikit, macam lapis-lapis saya, kawan-kawan dok ada ini? Teringin juga hendak *cancel* benda-benda macam itu. [Ketawa] Jadi, kita ini lebih berpengalaman, lebih memahami, kerana benda ini serius, Yang Berhormat. Keadaan la ini, ini buka pula satu lagi TV *paid* ini, hak baru diluluskan oleh kerajaan.

Jadi, berapa *channel* dia ada. Macam ASTRO pun sekarang ini, *advertisement* sudah banyak, kemudian dia kutip duit daripada pengguna lagi. Jadi, filem-filem yang dimainkan itu pun kadang-kadang berunsur keganasan yang terlampau banyak. Anak-anak muda kita bila dia tengok filem-filem macam itu, dia akan turut perangai macam itu. Jadi, apa salahnya, ASTRO pun ada jugalah sediakan agama dan sebagainya, kerana untuk membangunkan generasi bangsa Malaysia yang berlemah lembut, berbudi bahasa, tatatertib.

Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong beritahulah kepada kementerian yang hendak *cancel* filem itu banyak, hak dalam Dewan ini pun ramai. Yang Berhormat kita daripada Bukit Gelugor pun ingin juga hendak *cancel*. Dia pun turut seronok juga hendak tengok filem-filem yang hendak *cancel*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak perlu berucaplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bukan berucap, pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Ahli-ahli Yang Berhormat saya pun baru tahu ramai yang datang bila ada kekosongan jawatan-jawatan hendak *cancel* ini umur mereka lebih kurang 20 tahun lebih atau 30 tahun, tetapi mereka ini bukanlah boleh terus bertugas *cancel*, mereka kena pergi latihan di SKMM, mereka kena beri latihan di bawah Lembaga Penapis Filem yang berada di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dari segi umur saya difahamkan ASTRO kata, dia tidak ada masalah.

Kalau esok Yang Berhormat bagi Jerai rasa hendak buat *part time*, saya tidak tahu, kalau boleh dipertimbangkan Yang Berhormat bagi Jerai buat *part time*. [Ketawa] Saya boleh *recommend* kalau Yang Berhormat bagi Jerai – sebab dari segi umur tidak kisah, yang penting ada kebolehan. Yang Berhormat bagi Sri Gading setuju pun, saya tidak ada masalah hendak cadang sebab kita sama-sama bertanggungjawab, cuma yang pergi *interview* hendak jadi bahagian *cancel* ini, semua muda-muda.

Bila muda-muda, kadang-kadang tengok cerita Hindustanlah contohnya, Yang Berhormat, cerita Hindustan, semua nampak pusat, kalau kita tutup cerita Hindustan – budaya dia tidak keluar – ada pula yang minat cerita Hindustan. Yang Berhormat bagi Sri Gading minat atau tidak cerita Hindustan ini? [*Yang Berhormat Sri Gading mengangguk*] Hah! Dia pun minat, tetapi dia kata pusat tidak boleh tunjuk.

Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading, tetapi bagaimana boleh kita sama-sama menyelesaikan masalah ini. Bagi pihak kementerian, kita memandang dengan serius semua pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat, sama ada dari Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, Yang Berhormat bagi Jerai dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading, bagaimana satu etika yang sesuai boleh kita lakukan untuk siaran TV-TV kita. Kalau tidak nanti tidak *standard*, cerita Melayu tidak boleh tunjuk pusat, cerita Hindustan boleh tunjuk pusat. Ini satu perkara yang kita hendak pertikaikan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Santubong.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey, beri laluan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Memang saya tahu Sri Gading memang daripada tahun lepas pun cerita hal *sensor* ini, jadi kita juga mengetahui bahawa *sensor* untuk Astro ataupun mana-mana televisyen yang *direct* macam ini ialah secara serta-merta, maknanya perimbangan di antara penerimaan signal sampai ke TV kita di rumah ialah hanya mungkin dua minit sahaja, maknanya kalau Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Sri Gading diambil jadi *part time sensor*, dia tidak mencukupi, kerana ia ada 100 *sensors* duduk dalam Astro, ia kena 50% orang tua yang mempunyai pandangan sebagaimana yang disebut oleh Sri Gading dan Jerai barulah gilirannya cukup dan boleh tengok setiap masa *every two minutes*, dengan izin, dilihat benda itu sebelum ia mengalir kepada pandangan orang ramai dan *sensor* itu dibuat serta-merta sebelum ia dikeluarkan kepada orang ramai.

Jadi, kita boleh mencadangkan supaya pengagihan orang duduk dalam *Censor Board* Astro ataupun mana-mana TV yang terus ini dibuat setengah daripadanya orang muda dan setengah daripadanya orang yang lebih mengetahui sedikit daripada segi soalan apa yang tidak boleh dan apa yang boleh. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya bersetuju sangat dengan pandangan daripada Santubong tadi yang mana kalau boleh ada gabungan, ada yang berumur dan ada yang tidak, tetapi sebagaimana yang saya katakan, bila ada temu duga, pihak Astro kata datang, semua yang 20 tahun lebih dan awal-awal 30-an, saya takut dan bimbang kalau yang berumur 40 tahun lebih ini atau yang 50 tahun lebih ini takut tidak tidur malam, sebab itu dia tidak *apply* pekerjaan yang macam ini.

Walau bagaimanapun, pandangan Ahli Yang Berhormat itu kita ambil serius
....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, penjelasan. Kes tidur malam ini Yang Berhormat, orang-orang tua ini dia tidur lambat. [*Ketawa*]

Yang tidur awal ini orang muda, ini tanyalah sesiapa pun, tok wan ini dia jaga cucu sampai ke subuh. Sebab itu tok wan dengan tok ini dia kena marah dekat cucu fasal itulah.

Jadi, alasan Yang Berhormat berikan ini mungkin dari sudut pandangan kementerian, tetapi kita tengok adakah orang yang berpendidikan agama juga duduk dalam tapisan ini, kita kena ada juga, macam kes pusat ini sebenarnya tidak usah tunjuklah, tunjuk hendak buat apa, pusat orang, bukan pusat isteri kita, pusat ini buat apa hendak tunjuk.

Jadi, kita *censorkan* pusat itu, pakaian bagi senonoh, bagi elok, jadi benda ini bukan benda yang kalau tidak nampak pusat, cerita tidak bagus, kalau bawaan cerita itu bagus, tidak ada pusat pun elok.

Jadi, yang ini Yang Berhormat kena tegas sedikitlah, bubuh orang yang ada pendidikan agama sedikit, pendidikan yang tahu fasal budaya sedikit, dua, tiga orang duduk dalam *group* itu, walaupun muda tidak mengapa, beri mereka ada fokus yang

sama menentukan filem yang ditayangkan di dalam negara kita ini adalah filem yang bermutu dari segi moralnya dan sebagainya.

Satu lagi, drama-drama ini Yang Berhormat, yang ini pun kena habaq, kita dok tengok drama ini ke arah hendak bergaduh sahaja, pak bergaduh dengan mak, anak bergaduh dengan ini, jadi dok bergaduh, masalah tidak selesai-selesai, macam-macam filem macam itulah. Jadi apakah pihak kementerian tidak boleh mengambil filem-filem yang membawa kita ke arah yang lebih baik, untuk jadi rumah tangga yang aman damai, ini kalau tunjuk isteri yang macam harimau, wow, wow, serang suami, suami pula ... [Ketawa]

Jadi, filem-filem macam ini merosakkan, Yang Berhormat. Jadi terima kasih Yang Berhormat, saya minta pandangan Yang Berhormatlah, tolonglah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Saya sekali lagi ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jerai kerana pandangannya bukan sahaja dari segi usaha, tetapi juga daripada mereka yang berlatarbelakangkan yang lain, ada latar belakang agama dan ada latar belakang budaya dan sebagainya supaya ada keseimbangan.

Inilah pandangan yang kita hendak dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, saya ucap terima kasih kepada segala pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004 pada hari ini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada yang mengambil bahagian antaranya Ahli Yang Berhormat bagi Muar, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Sri Gading dan tidak lupa kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang sempat mencelah-celah supaya boleh memberi pandangan-pandangan, boleh membantu kementerian ini supaya mengadakan satu keseimbangan dalam sistem penyiaran dan juga multimedia di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal 1 hingga 19 –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

3.06 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, tajuk yang saya akan bangkitkan adalah dalam seksyen 7 iaitu Kuasa Tribunal Rayuan dan seksyen baru 24A berbunyi:-

"24A. Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa -

- (a) - tidak relevan -
- (b) - relevan - *untuk mendapatkan dan menerima keterangan dengan sumpah atau ikrar.....; dan*
- (d) - pun relevan - *untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau akuan berkanun....."*

Apa yang penting dalam seksyen baru 24A ini adalah perkataan '*bersumpah*'.

Apa yang jadi satu isu hangat, isu yang penting, yang harus diputuskan. Hari ini walaupun ini sudah diputuskan oleh Tuan Speaker pada 17 Mei, saya baca apa yang ada dalam *Hansard* bagi 17 Mei, iaitu apabila Ahli-ahli Yang Berhormat dalam

Dewan yang mulia ini ada mengangkat sumpah. Masa itu saya ada bangkit dari kerusi untuk membantah apa yang ada dilakukan oleh beberapa Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu tidak angkat tangan.

Apabila saya membangkitkan perkara itu ada kesilapan oleh saya, bukan di bawah *Statutory Declaration Act*, tetapi di bawah *The Oath or Affirmation*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah

Tuan R. Karpal Singh: Ada, ada ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah perkara itu berkaitan dengan

Tuan R. Karpal Singh: Berkaitan, berkaitan, kerana dalam peruntukan 24A 'bersumpah', dan apa yang penting adalah satu isu undang-undang. Apa yang saya katakan tadi, diputuskan oleh Tuan Speaker pada 17 Mei, saya rujuk kepada *Hansard* bagi hari itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang Yang Berhormat hendak bangkitkan perkara mengenai dengan keputusan yang dibuat oleh Tuan Speaker ...

Tuan R. Karpal Singh: Bukan, keputusan yang ada dibuat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi perkara yang sedang kita bincangkan

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya rasa perkara yang dibangkitkan ini tidak ada kaitan dengan perbahasan dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita harapkan supaya Timbalan Menteri akan memberi jawapan. Saya rasa....

Tuan R. Karpal Singh: Itu betul, tetapi sebelum memberi jawapan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kena mengena.

Tuan R. Karpal Singh: No, ada kena mengena dengan apa-apa cara sumpah sekarang, apa yang diputuskan oleh Tuan Speaker, satu *ruling* ada dibuat pada 17 Mei iaitu tidak perlu untuk angkat tangan. *Ruling* itu tidak sah kerana merujuk kepada Lampiran A.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order*, kalau tidak betul Yang Berhormat betulkan, Yang Berhormat *lawyer*, tetapi 38(1) Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 38(1).

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 38(1)

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa dia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Perbahasan atas apa-apa Usul selain daripada Usul hendaklah menangguhkan Majlis Mesyuarat dan perbahasan atas Rang Undang-undang (Pindaan) hendaklah berkaitan dengan Usul rang undang-undang.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak berkaitan, Tuan Pengerusi, tiada berkaitan. Kerana apa yang diputuskan oleh Tuan Speaker pada hari itu bercanggah dengan apa yang dihantar sebagai Lampiran A kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ada dipilih dalam Pilihan Raya Umum. Dan dalam itu ada ini, Lampiran A, perenggan (2) -

"Peraturan yang hendak diikuti adalah seperti berikut:-

Pada masa yang sesuai Setiausaha akan memanggil nama Ahli-ahli Yang Berhormat satu lepas satu. Apabila seseorang Ahli itu dipanggil, maka beliau hendaklah pergi ke meja Setiausaha, tunduk hormat kepada Tuan Yang di-Pertua, mengangkat sumpah, berikrar dengan membaca ayat-ayat sumpah ikrar daripada Buku Sumpah seraya mengangkatkan tangan kanannya.

Ini apa yang menjadi peruntukan, Tuan Pengerusi oleh Parlimen dan surat ini adalah ditandatangani oleh Setiausaha Dewan Rakyat iaitu di bawah arahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak kena mengena dengan perkara yang kita bangkitkan. Sekiranya..., sekiranya Yang Berhormat...

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, ini sekarang. Apakah peruntukan ini dalam 24(a), (b) dan (d)..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekiranya Yang Berhormat tidak bersetuju ...

Tuan R. Karpal Singh: Apa harus dibuat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ... dengan keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada cara lain untuk membawa perkara semula.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan. Bukan isu. Bukan saya mengaku atau tidak mengaku dengan apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua pada hari itu, bukan itu. Apa yang penting adalah ini sekarang dalam mahkamah - apa yang harus diikuti, apakah dalam peruntukan undang-undang atau apa yang dilafazkan oleh Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini. Itu yang menjadi isu. Itu yang menjadi topik. Bolehkah saya mendapat tahu daripada Timbalan Menteri? Apakah cara yang harus digunakan apabila 24(a) digunakan dalam mahkamah apabila rang undang-undang ini diluluskan? Mestikah ini menjadi satu perkara yang serius oleh kerana Tuan Yang di-Pertua ada menghantar sepucuk surat kepada saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Dia mahu mengambil tindakan ke atas saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju dengan apa keputusan..

Tuan R. Karpal Singh: Bukan, bukan itu. Bersetuju atau tidak bersetuju itu lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi sekarang Yang Berhormat kita sekarang kita sedang membincangkan rang undang-undang...

Seorang Ahli: *Point of Order*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu betul.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Saya ingat Ahli Yang Berhormat ini, dengan izin, Ahli Yang Berhormat membincangkan satu perkara yang berhubung kait dengan dasar...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:...dan bukan di peringkat Jawatankuasa...

Tuan R. Karpal Singh: Hal undang-undang Tuan Pengerusi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: ...we should discussing dengan izin, perkara yang berhubungkait dengan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, keputusan saya buat, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak kena mengena dengan perkara yang kita bincang.

Tuan R. Karpal Singh: Mana boleh? 24(a). 24(a), di mana ada diperuntukkan sumpah atau ikrar atau jadi asas sumpah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebagai satu perkara dasar

Tuan R. Karpal Singh: Bukan dasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat ada cara untuk Yang Berhormat...

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, itu bukan dasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...memberi notis supaya perkara ini dibincang semula.

Tuan R. Karpal Singh: Mana boleh begitu. Bukan itu. Ini khusus dalam 24(a) yang harus mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri atau kerajaan. Apa yang tidak hendak? Apa yang diputuskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Jawapan ini terpolang kepada Timbalan Menteri. Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Mana boleh cukup? Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah mengutarakan apa yang difikirkan perlu untuk dibangkitkan...

Tuan R. Karpal Singh: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peluang sudah diberikan, jadi, saya fikirkan cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Peluang yang tidak mencukupi kerana ada undang-undang lain. Undang-undang lain...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beralih ke tajuk yang lain.

Tuan R. Karpal Singh: Ya. Saya merujuk kepada undang-undang. Undang-undang yang berkuat kuasa. Saya merujuk kepada dengan izin, The Oaths and Affirmation Act 1949. Seksyen 9 berbunyi, dengan izin " *The oaths and affirmations made under section 6 and 7 shall be administered according to the such forms and with such formalities as may be prescribed by rules made by the Rules Committee and under such rules are made according to the forms and formalities and,...* ". Formalities adalah ini Tuan Pengerusi. Apa yang diperuntukkan di dalam surat yang dihantar kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah tetapkan kepada apa yang saya putuskan tadi. Cukuplah perkara ini

Tuan R. Karpal Singh: Itu sahaja Tuan Pengerusi saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Baik. Saya tunggu jawapan daripada Timbalan Menteri.

Tuan R. Karpal Singh: Lebih baik saya *formulate* apa yang harus diputuskan. Bolehkah saya mendapat tahu daripada Timbalan Menteri? Apa cara mengikut Seksyen 24(a) yang akan digunakan dalam mahkamah. Bolehkah saya mendapat tahu daripada dia? Angkat tangan atau tidak mengangkat tangan apabila melakukan satu angkat sumpah di mahkamah sebelum memberi keterangan. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti, Yang Berhormat akan diberikan oleh Timbalan Menteri...

Tuan R. Karpal Singh: Itu yang saya ingin mendapat tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sudah cukup. Mungkin orang lain akan timbulkan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, kerana ini penting. Apa yang dikatakan tadi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ingat, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat begitu jelas. Kalau contohnya di Dewan ini dan pun keputusan oleh Tuan Yang di-Pertua, dan keputusan itu muktamad, *that is very clear* dengan izin. Kalau sekiranya di peringkat mahkamah menghendaki dalam suasana yang lain, ini mahkamah, kalau menghendaki angkat tangan, angkat tangan. Sumpah boleh dilakukan dengan lafaz bukan semata-mata...*you are lawyer*, dengan izin, Tuan Pengerusi, *this is a Jawatankuasa* bukan dasar. *You are talking about* dasar. Saya ingat Yang Berhormat sudah lama keluar dari Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukup, cukup, cukup sebab Timbalan Menteri hendak jawab atau tidak mahu jawab itu terpulang kepada dia. Cukup, cukup, cukup.

Tuan R. Karpal Singh: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] atau tidak mahu jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya tidak mahu paksa..

Tuan R. Karpal Singh: Dia diwajibkan untuk jawab...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: ...dan Tuan Pengerusi mengarahkan dia untuk menjawab. Ini perkara penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu saya sudah buat keputusan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua mahu mengambil tindakan ke atas saya apabila Tuan Yang di-Pertua yang tidak membuat satu *ruling* yang tidak sah dan akan mengambil tindakan ke atas seorang yang benar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk. Sila duduk. Yang Berhormat diberi peluang untuk berucap dan saya diberi kuasa untuk membuat keputusan. Dan Timbalan Menteri diberi kuasa untuk menjawab.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak membuat satu keputusan yang adil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup. Ipoh Barat.

Seorang Ahli: Banyak lagi?

Tuan M. Kula Segaran: Banyak lagi. Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai kuasa tribunal rayuan, khususnya mengenai klausa 24 A (d) iaitu untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau badan berkanun mengikut kehendak keadaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah sistem atau praktis yang akan digunakan di Tribunal Rayuan ini. Saya ingin tahu, adakah praktis dengan izin, yang digunakan di semua mahkamah dan juga seperti yang diperlukan di Lampiran A di Dewan Rakyat apabila membuat sumpah itu, adakah itu akan digunakan? Kalau tidak apakah sistem atau praktis yang akan digunakan? Itu soalan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pun hendak sentuh 24(a) ini. Ini undang-undang bagi kuasa dan bagi satu *provision*, satu peruntukan untuk macam mana hendak mengendalikan undang-undang ini. Saya berpendapat bahawa tidak ada kena mengena dengan soalan prosiding di Dewan ini. Itu yang pertama. Saya hendak bertanya sama ada apa yang dibuat di tempat-tempat lain kalau orang hendak mengangkat sumpah untuk menjadi *Councilor*? Orang yang hendak mengangkat sumpah untuk menjadi ahli Lion Club ataupun Kelab Leo dia angkat tangan? Sebelah kirikah atau kanan dia angkat? Kita hendak *apply* di sini jugakah atau bagaimana? Ataupun Dewan ini berkuasa membuat keputusan sendiri dan keputusan dibuat Tuan Yang di-Pertua itu ialah diguna pakai di Dewan ini. Kalau itulah

dia, Yang Berhormat saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah jawab. *Don't entertain the rubbish.* Kalau kita *entertain* semua perkara ini semua orang boleh. Semua soalan yang pelik-pelik pun masuk ke sini juga. Jadi sudah keputusan dibuat peraturan ada menentukan, kalau Tuan Yang di-Pertua sudah buat satu keputusan, tidak payah *diraised* kan isu itu. Kenapa pula *diraised*kan ini dalam perkara yang tidak ada kena mengena dengan peraturan dan perundangan di Dewan ini. Undang-undang ini sahaja yang patut kita bangkitkan. Jadi, Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat. Selepas tumpat saya minta Timbalan Menteri jawab.

3.21 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Fasal 8 iaitu pindaan yang memasukkan Kewajipan Kerahsiaan di muka surat 4 yang mana menghalang:

“(a) Pengerusi, anggota Tribunal Rayuan atau mana-mana pegawai Tribunal Rayuan tidak boleh, semasa dia berkhidmat sebagai Pengerusi, anggota atau pegawai sedemikian, mendedahkan apa-apa maklumat yang diperolehnya semasa menjalankan tugasnya;”

Saya Tuan Pengerusi, merasakan sekatan ini terlalu ketat memandangkan ia menghalang bekas Pengerusi, pegawai dan anggota Tribunal mendedahkan apa-apa maklumat. Ini suatu halangan kepada daya kreatif dan hak asasi manusia biasa.

Kalau saya menjadi pegawai atau Pengerusi, apabila saya bersara saya hendak menulis tentang biografi saya, kehidupan saya, pengalaman saya, kalau mengikut pindaan ini, saya tidak boleh sentuh langsung apa-apa maklumat yang saya terima. Apa-apa maklumat. Kalau menyentuh maklumat-maklumat sensitif, maklumat-maklumat yang ada kaitan dengan keselamatan negara, itu saya boleh faham tetapi kalau saya ingin menulis misalnya saya pernah terlibat dalam tribunal ini dan apabila saya bersara, saya ingin menulis tentang pandangan saya terhadap Ananda Krishnan sebagai seorang pemegang lesen terbesar dalam syarikat bernama Astro ataupun saya ingin menulis tentang Tan Sri Vincent Tan sebagai orang yang berjaya mendapat lesen kedua terbesarnya atas nama MITV, mengikut pindaan ini, saya tidak boleh sentuh langsung. Saya tidak boleh terbitkan apa-apa kenyataan ataupun apa-apa tulisan untuk menjadi maklumat, pengetahuan, bacaan rakyat jelata hasil daripada pengalaman saya yang pernah terlibat dalam tribunal seperti ini.

Saya fikir unsur-unsur seperti ini perlu sedikit demi sedikit kita bersihkan daripada buku undang-undang kita supaya rakyat, supaya pegawai-pegawai tinggi kerajaan merasakan mereka boleh memberikan maklumat yang sesuai untuk kepentingan negara, bukan untuk menjejaskan rahsia negara dan sebagainya. Jadi ini saya fikir, saya bimbang terhadap pindaan seperti ini. Mungkin pegawai-pegawai yang terlibat ini ada maklumat yang baik untuk manfaat masyarakat dan negara selepas mereka berhenti daripada menjadi anggota tribunal ini. Jadi saya menyeru kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memikirkan Perkara 26B yang dimaksudkan di sini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.23 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih atas pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat. Pertamanya, dari segi angkat sumpah. Saya ingin maklumkan kepada Dewan, berhubung dengan angkat sumpah ini ia sama seperti tribunal-tribunal lain dan apatah lagi tribunal ini ia akan dipengerusikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Jadi saya rasa Hakim Mahkamah Tinggi itu lebih arif daripada saya sama ada hendak angkat tangan atau tidak angkat tangan berhubung dengan perkara angkat sumpah ini.

Berhubung dengan soalan yang kedua daripada Yang Berhormat bagi Tumpat dari segi mendedahkan perkara-perkara ini, cuma dia tidak boleh mendedahkan ketika dia bertugas semasa menjadi Pengerusi, tetapi sekiranya perkara-perkara tertentu masih memerlukan beliau untuk membuat buku-buku dan sebagainya, beliau boleh mendapat kebenaran daripada pihak Menteri supaya pihak Menteri boleh

mempertimbangkan sama ada beliau boleh melaporkan sesuatu berhubung dengan tribunal ini ataupun tidak. Terima kasih.

Fasal-fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.26 ptg.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Untuk Meminda Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 iaitu Akta 582 dan untuk mengesahkan pemungutan ses berkenaan dengan minyak sawit dari 1 Januari 1976 iaitu tarikh berkuat kuasa perintah Minyak Kelapa Sawit Ses 1978 PU(A)372/78 dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kelapa sawit merupakan tanaman pertanian utama di Malaysia. Ianya meliputi kawasan seluas 3.8 juta hektar atau 60% daripada keluasan tanah pertanian negara dan menjadi nadi penggerak sektor komoditi pertanian. Pada tahun 2003, eksport produk-produk sawit telah menyumbang sejumlah RM27.7 bilion kepada pendapatan eksport negara. Malaysia menjadi pengeluar dan pengeksport minyak sawit yang terbesar di dunia dan telah berjaya menerajui industri sawit melalui rancangan strategik kerajaan bersama industri sawit dalam menggembelng usaha serta memanfaatkan penggunaan teknologi-teknologi baru hasil daripada aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang dilaksanakan.

Dalam hal ini, aktiviti penyelidikan dan pembangunan adalah faktor penting bagi menjamin industri sawit Malaysia dapat terus berkembang dan bersaing di pasaran dunia. Bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan industri sawit, pada tahun 1979, Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) telah ditubuhkan. Di samping itu, terdapat sebuah lagi badan berkanun untuk mengawal selia industri sawit melalui aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan iaitu Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) yang ditubuhkan pada tahun 1977.

Pengurusan dan pelaksanaan aktiviti R&D serta promosi bagi kedua-dua institusi ini adalah dibiayai sepenuhnya melalui wang daripada pungutan ses ke atas Minyak Sawit Mentah (CPO) dan Minyak Isi Rong Sawit Mentah (CPKO). Sejak 25 tahun lalu, aktiviti R&D telah dilaksanakan dengan jayanya oleh PORIM dan diteruskan oleh MPOB yang mengambil alih fungsi PORLA dan PORIM diikuti dengan penggabungan PORLA dan PORIM menjadi MPOB pada tahun 2000. Melalui R&D dalam pelbagai aspek seperti penghasilan benih bermutu tinggi, percakapan amalan agronomi, kejenteraan ladang, perkilangan dan pemprosesan, pembangunan produk baru dalam bidang makanan dan bukan makanan, telah berjaya menggubal landskap dan menyumbang kesejahteraan industri sawit negara pada masa kini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak 209 teknologi baru telah dihasilkan dan dilancarkan hasil dari aktiviti R&D yang dijalankan. 30% daripadanya telah berjaya dikomersialkan, antaranya adalah galak penemuan oleokimia, baja sawit, minyak sawit merah, vitamin E, minyak *smart balance*, minyak pelincir motosikal, dakwat cetak, bahan tanaman, jentera *gravel* serta produk penjagaan diri dan kosmetik.

Selain daripada itu ses juga digunakan untuk tujuan mempromosikan keluaran sawit di pasaran dunia bagi menangani kempen-kempen memburukkan

minyak sawit bukan sahaja dari aspek kesihatan malahan juga dalam aspek alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dinyatakan di atas, ses ke atas CPO dan CPKO telah mula dipungut oleh PORLA berdasarkan seksyen 16(1) Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dan Perintah Minyak Kelapa Sawit (Ses) 1976 semenjak tahun 1979 dan oleh PORIM berdasarkan seksyen 14(1) Akta Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Sawit Malaysia 1979 serta melalui Perintah Minyak Kelapa Sawit (Ses Penyelidikan) 1979 melalui tahun 1980.

Mulai 1 Mei 2000 ses tersebut dipungut oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berdasarkan Seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 dan melalui Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 iaitu berikutan dengan pembubaran PORLA dan PORIM yang digabungkan menjadi MPOB melalui tarikh tersebut serta pemansuhan Akta 179 bagi PORLA dan Akta 218 bagi PORIM.

Dalam tahun 1996 sebuah syarikat pengilang minyak kelapa sawit telah mengambil tindakan sivil di Mahkamah Tinggi untuk menuntut kembali ses ke atas CPKO yang telah dipungut PORIM bagi tempoh Januari 1985 hingga Julai 1989 atas alasan bahawa Akta 218 hanya memberi kuasa kepada Menteri untuk mengutip ses ke atas CPO sahaja dan bukan CPKO, kerana mengikut seksyen 2 Akta 218, minyak kelapa sawit bererti "minyak sama ada dalam bentuk mentah atau dalam bentuk diproses selanjutnya yang dikeluarkan dari buah dan biji kelapa sawit".

Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi pada 1 April 1997 telah memutuskan bahawa CPKO adalah termasuk dalam definisi "minyak kelapa sawit" di bawah Akta 218 PORIM dan dengan itu kutipan ses ke atas CPKO oleh PORIM adalah sah. Syarikat pengilang tersebut yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi itu kemudiannya telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Di peringkat Mahkamah Rayuan, mahkamah telah memutuskan bahawa tafsiran yang tegas haruslah diberi kepada Akta 218 kerana ia merupakan satu pencukaian, dan jika terdapat apa-apa keraguan, maka keraguan itu haruslah diputuskan memihak kepada pembayar cukai iaitu syarikat pengilang.

Di samping itu, mahkamah semasa memutuskan bahawa Akta 218 dan Perintah Ses 1979 hanya mengenakan ses atas minyak kelapa sawit yang dikeluarkan daripada buah dan biji juga merujuk kepada Akta 179 yang mana perkataan "minyak kelapa sawit" ditakrifkan secara nyata "termasuk minyak daripada isi rong kelapa sawit". Pihak PORIM kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan dan pada 27 Februari 2004, Mahkamah Persekutuan telah bersetuju dengan keputusan Mahkamah Rayuan dan menolak rayuan PORIM.

Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Akta 218 dan Perintah Ses 1979 yang telah dimansuhkan tidak memberi kuasa untuk memungut ses ke atas CPKO kerana takrif "minyak kelapa sawit" dalam Akta dan Perintah tersebut hanya menyebut "buah dan biji kelapa sawit" dan tidak menyebut secara nyata "daripada isi rong kelapa sawit".

Selain daripada keputusan tersebut, salah seorang daripada tiga orang Hakim Mahkamah Persekutuan juga memutuskan satu isu yang tidak dikemukakan di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan iaitu Akta 218 tidak memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan ses ke atas pengilang minyak kelapa sawit. Manakala seorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang lain pula enggan memutuskan isu tersebut kerana ia tidak dibangkitkan dalam ikatan *pleading* di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan dan seorang lagi Hakim Mahkamah Persekutuan pula memutuskan bahawa perkataan-perkataan "*and re-others may specify the nature, the amount and the rate and the manner of collection of cess*", dengan izin, dalam seksyen 14(1) Akta 218 adalah jelas memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan ses ke atas seorang pengilang minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya tekankan di sini bahawa pada hari ini industri kelapa sawit berkembang begitu maju dan Malaysia telah menjadi sebuah negara pengeluar dan pengekspor sawit yang terbesar di dunia adalah kerana usaha dan perancangan dan strategi kerajaan dalam mewujudkan satu badan yang khusus bagi menjalankan penyelidikan dan pembangunan industri minyak kelapa sawit iaitu Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Minyak Sawit Malaysia atau PORIM melalui Akta 218.

Oleh itu, amatlah jelas bahawa tujuan dan niat Parlimen untuk meluluskan Akta 218 tersebut yang berkuat kuasa pada 15 Mei 1979 adalah untuk Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Minyak Sawit Malaysia dan membuat peruntukan dan pentadbiran suatu dana bagi maksud pembiayaan penyelidikan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Dana ini terdiri daripada beberapa sumber yang antara lainnya wang kutipan ses atas CPO dan CPKO dan dana ini digunakan terutamanya bagi penyelidikan dan pembangunan berkenaan dengan pengeluaran, pengekstrakan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemasaran dan kegunaan minyak kelapa sawit dan penyebaran maklumat yang bertujuan untuk merangsang dan mempertingkatkan mutu pengeluaran, pemasaran dan kegunaan minyak kelapa sawit dan produknya supaya industri kelapa sawit dapat terus berkembang dan bersaing di pasaran dunia.

Sejak akta dan perintah-perintah di bawahnya diluluskan dan mulai berkuat kuasa pada tahun 1979, kutipan ses atas CPO dan CPKO telah dibuat oleh PORIM daripada pengilang-pengilang minyak kelapa sawit dan kutipan ses ini adalah jelas dan sejajar dengan niat Parlimen. Walau bagaimanapun, memandangkan kini Akta 218 dan perintah-perintah yang dibuat di bawahnya serta kutipan ses yang telah dibuat di bawahnya dicabar dan dipertikaikan di mahkamah, maka kerajaan perlu mengambil tindakan dan langkah pembetulan yang sewajarnya bagi memastikan objektif dan niat Parlimen melalui Akta 218 yang berkuat kuasa mulai tahun 1979 sentiasa kekal dan terjamin.

Antara langkah-langkah dan tindakan pembetulan itu adalah melalui pembentangan Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004 yang dicadangkan pada hari ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya, rang undang-undang ini mempunyai dua tujuan. Pertamanya, ia bertujuan untuk meminda subseksyen 35(1) dan (3) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1978 iaitu Akta 582 bagi menjelaskan bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan orang atau golongan orang yang dikenakan ses di bawah seksyen itu.

Keduanya, ia bertujuan untuk mengesahkan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta-akta yang dimansuhkan dan mengesahkan semua ses yang dikenakan dan wang yang dipungut di bawah Akta 582 dan akta-akta yang dimansuhkan dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta-akta tersebut semenjak dari 1 Januari 1979 iaitu tarikh mula berkuat kuasanya Perintah Minyak Sawit Ses 1978.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini mengandungi empat fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan ini.

Fasal 2 mengandungi pindaan kepada subseksyen 1 dan 3, Seksyen 35 Akta 582 bagi menjelaskan bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan orang atau golongan orang yang dikenakan ses di bawah seksyen itu. Subfasal 2(2) bertujuan untuk mengesahkan mana-mana perundangan subsidiari yang telah dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 35(1) Akta 582 sebelum permulaan Akta yang dicadangkan ini.

Fasal 3 bertujuan untuk mengesahkan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Kelapa Sawit 1979 yang mana akta-akta ini telah dimansuhkan.

Fasal 4 memperuntukkan bahawa menurut subseksyen 2(2) dan subseksyen 3 Akta yang dicadangkan ini, semua ses yang dikenakan dan wang yang dipungut di bawah Akta 582 dan akta-akta yang dimansuhkan dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta-akta itu disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah dan menurut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa sokong?

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Aman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Santubong.

3.49 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan pindaan undang-undang ini berlandaskan sebab-sebab yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri tadi semasa membentangkan pindaan rang undang-undang.

Di samping saya menerima bahawa pindaan ini amat wajar dan amat perlu sekali, kita juga mengambil satu iktibar daripadanya dalam proses kita membuat satu undang-undang, ada terdapat kelemahan di beberapa pihak. Kelemahan ini berlandaskan kepada dua perkara. Perkara yang pertama ialah apabila pihak penggubal undang-undang di pejabat AG umpamanya menggubal satu undang-undang, gubalan itu tidak selaras dengan keperluan industri yang begitu membangun dengan pesat dan pembangunan itu mungkin di luar jangkaan perkataan undang-undang itu sendiri *on the face of the law itself*, dengan izin, tidak mencukupi untuk keperluan daripada segi undang-undang.

Apabila pungutan ses telah dibuat dan nyata sekali pihak yang memikirkan mereka telah dikenakan satu perkara yang tidak sepatutnya dikenakan ke atas mereka, jadi mereka berhak menuntut di mahkamah. Dalam keadaan yang sedemikian mahkamah juga telah memberi keputusan yang tidak memihak kepada pihak agensi kerajaan yang membuat tugas mereka sebagaimana yang difikirkan, yang diberi oleh pihak undang-undang.

Dalam keadaan sedemikian, amat penting sekali mana-mana badan kerajaan atau agensi kerajaan yang ada hubung kait tugasnya yang boleh mengenakan hak dan kepentingan orang ramai mempunyai pakar undang-undang sendiri. Saya pernah menyarankan perkara ini di Dewan ini beberapa kali supaya tiap-tiap *board*, lembaga badan kerajaan yang ada hubung kait dengan orang ramai dengan industri atau sekumpulan orang ramai hendaklah mempunyai kepakaran yang tertentu bukan sahaja dari segi industri itu sendiri, tetapi penting sekali untuk penasihat undang-undang yang mempunyai satu kepakaran bukan sahaja daripada segi undang-undang, tetapi juga daripada segi usaha ataupun *business trading* itu sendiri kerana kalau tidak, dia tidak boleh melihat keperluan *business* dan juga keperluan undang-undang di mana kedua-duanya mesti berjalan sekali gus dan selaras dan sama peningkatan ataupun *advancementnya* dengan izin.

Di sini kita melihat Tuan Yang di-Pertua, bahawa kelapa sawit adalah satu industri yang amat penting kepada Kerajaan Malaysia. Kita melihat pada masa Malaysia menghadapi *economic down turn*, dengan izin ataupun *recession* yang lepas iaitu tahun 1997 hingga 2000 bahawa kelapa sawitlah tersergam indah mempertahankan maruah negara sebagai satu industri yang masih mendapat sokongan dan membawa pulang keuntungan kepada negara ini.

Ini mesti mendapat sokongan ramai. Sokongan bukan sahaja daripada pihak warga negara Malaysia sebagai kita ini sahaja, bahkan pihak industri itu sendiri, pihak orang yang berusaha, pihak orang yang telah diberi tanah oleh kerajaan yang besar beribu-ribu ekar untuk diterokai dan membuat pulangan yang begitu besar kepada mereka dan lumayan kepada mereka.

Pungutan ses ini adalah penting. Penting bagi pihak badan untuk menyelidik ataupun membantu penyelidikan dalam kerajaan melaksanakan industri kelapa sawit. Amat sedih sekali kalau orang yang telah diberi satu tanah umpamanya 10,000 hektar dan mendapat pulang beratus juta, tetapi sesnya mungkin juta sahaja diberi balik kepada agensi kerajaan untuk menyokong industri mereka ini sendiri sebagai *research and developmentnya* tetapi badan ini pula, syarikat ini pula mengena pihak kerajaan oleh kerana ada kelemahan dalam perundangannya, maka kerajaan telah terkilan.

Walau bagaimanapun ini adalah satu perkara ataupun satu *debate*, dengan izin yang tidak ada keputusannya. Hak seseorang menuntut yang mana dia terkena, yang mana undang-undang tidak memberi kuasa kepada agensi kerajaan, walaupun tujuannya amat elok dan indah sekali untuk memajukan diri sendiri, ini tak ubahlah kalau saya diberi oleh kerajaan satu kereta, saya pergi dekat pekan, kereta saya

terlanggar dalam *accident*, saya luka, saya saman kerajaan. Bahkan kerajaan tadi bagi saya kereta *free*, lepas itu saya saman kerajaan pula. Hak saya menyaman kerajaan untuk mendapat ganti rugi kerana kelemahan, mungkin *driver* dia.

Mungkin di masa yang sama, saya tadi diberi *free* oleh kerajaan. Jadi, beginilah keadaan di sini. Satu pelajaran yang telah kita terima di sini biarlah badan-badan kerajaan yang mempunyai tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang berlaku di sini mestilah berhati-hati melihat tugas-tugas itu dibuat dan dilaksanakan mengikut garis dan panduan undang-undang dan kalau ada dipandang kelemahan berlaku sebagaimana yang berlaku di sini tadi, hanya kita boleh memungut *ses* daripada minyak dan tidak daripada benda lain.

Sepatutnya agensi yang sedemikian balik kepada pihak kerajaan, beritahu *input* ini kepada pihak kerajaan, kenapa, di mana letaknya kelemahannya undang-undang ini. Minta kerajaan gubal semula satu garis panduan undang-undang sebagaimana yang telah dibuat pada hari ini, walaupun telah berpuluh tahun kelambatan dan rang undang-undang ini telah mengesahkan apakah *collection* yang kita buat selama-lama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini bukanlah baru. Bukan di Malaysia sahaja bahkan di England, pernah banyak juga berlaku perkara yang sedemikian, yang mana undang-undang tidak memberi kuasa kepada satu-satu badan, kepada satu-satu agensi kerajaan dan agensi kerajaan itu telah membuat satu pungutan ataupun satu tindakan yang di luar bidang undang-undang mahkamah sebagai satu penghakiman ataupun *educator* yang bebas untuk memberi keputusan, tidak kira kerajaan ataupun individu luar telah membuat keputusan, dan kalau kerajaan fikir perkara ini amat besar sekali patut kerajaan membuat undang-undang yang mengatasi keputusan mahkamah.

Sebagaimana saya dahulu belajar satu keputusan Kerajaan British berhubung dengan *Burmah Oil Case*, walaupun sudah lama cerita ini sudah lama *Broad Burmah Oil Case* yang mana Kerajaan British ambil syarikat itu dan orang punya itu tidak puas hati menyaman kerajaan dan dia dapati salah tindakan Kerajaan British itu dan undang-undang dibuat di mahkamah, di Parlimen – *House of Common* untuk mengatasi keputusan mahkamah yang telah tidak memihak kepada pihak kerajaan. Dengan kata lain, kerajaan berhak membuat satu-satu keputusan satu undang-undang yang memberi kebaikan kepada ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat industri kelapa sawit ini, kenaikan kelapa sawit sentiasa mendadak dari setahun ke setahun dan baru-baru ini menteri juga datang, saya ucapkan tahniah kepada menteri bukan sahaja naik pangkat jadi menteri daripada Timbalan Menteri, tetapi juga telah menguasai pengetahuan dalam Kementerian yang baru beliau duduki dan boleh menjawab persoalan-persoalan yang teknikal daripada segi data dan maklumat Kementerian. Saya ucapkan tahniahlah Dato' Menteri. Saya rasa bangga.

Kelapa sawit mengalami satu peningkatan yang pesat pada tahun 2003 umpamanya dan kenaikan ini sebanyak 12% iaitu 13 juta tan yang terlibat, tetapi pembangunan ini nampaknya banyak berlaku di Sarawak. Di Semenanjung, pembangunan nampak mendatar hanya di Sarawak yang dapat tinggi, lebih naik pembangunannya, yang lain lagi di Sarawak dan lepas itu Sabah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Masalahnya apakah tindakan pihak Kementerian supaya kita sentiasa di hadapan dalam persoalan pembangunan dan peningkatan bukan sahaja daripada segi penanaman semula ataupun *replanting* kelapa sawit yang telah tua, tetapi juga supaya pembangunan di Semenanjung juga sentiasa mengalami peningkatan sebagaimana yang kita lihat berlaku di Sarawak dan di Sabah.

Di Sarawak dan di Sabah kita berterima kasih juga oleh sebab peningkatan yang begitu mendadak terutama di Sarawak iaitu tanahnya yang begitu besar dan apakah tindakan kerajaan membantu masyarakat Sarawak membangunkan tanah-tanah di luar bandar terutamanya tanah-tanah adat yang masih perlu dibangunkan. Kalau tidak salah mengikut maklumatnya, sampai satu juta ekar tanah adat di Sarawak yang belum lagi diterokai, yang sepatutnya 1.6 juta hektar, kata Yang Berhormat daripada Lubok Antu.

Yang Berhormat Lubok Antu mempunyai tanah yang begitu besar, apakah sokongan patut diberi untuk menanam - satu, memberi klon kepada beliau; kedua, memberi sokongan subsidi dan berbagai lagi yang boleh disokong supaya semua *smallholders* macam Yang Berhormat – *smallholder* yang mempunyai 300 ekar tetapi *smallholder* juga dalam konteks pembangunan kelapa sawit, patut dibantu supaya jangan kita hanya bersandar kepada pihak *plantation* yang beribu-ribu hektar sahaja tetapi orang yang kecil-kecil, orang yang mempunyai 100-200 hektar ini patut juga disokong sebagaimana berlaku. Dan getah umpamanya, 90 peratus, Yang Berhormat Menteri sudah memberitahu di Dewan ini, 90 peratus adalah daripada *smallholders* dan 10% sahaja daripada yang dikatakan *plantation*. Maknanya, kalau getah boleh maju dengan keadaan 90 peratus itu, saya tidak melihat kenapa tidak pihak *smallholders*, macam saya tidak ada, tidak apalah tidak kira. Macam Yang Berhormat daripada luar-luar bandar banyak mempunyai tanah patut diberi sokongan, galakan dan bantuan yang sewajarnya supaya mendatangkan hasil kepada negara ini dan menyokong industri pengeluaran kelapa sawit ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa kelapa sawit mempunyai halangan pasaran di luar negara. Dulu dari awal tahun enam puluhan, halangan yang terbesar sekali ialah saingan daripada *soya bean* dan juga sedikit sebanyak daripada *sun-flower oil seed*, *seed oil*. Jadi halangan itu di Amerika telah dapat kita atasi dengan tindakan cerdik daripada Kementerian Perusahaan Utama pada ketika itu dengan menggunakan kaji selidik daripada universiti-universiti di seluruh dunia, bukan di negara kita sahaja yang menyokong kebaikan minyak kelapa sawit ini.

Dengan keadaan sedemikian bila laporan universiti itu dikeluarkan secara *independent*, dengan izin, kepada masyarakat *consumer* dan kepada berbagai pihak tertentu di Amerika bahawa tuduhan pihak Amerika itu adalah tidak benar tetapi berlandaskan soalan politik dan persaingan penjualan ataupun *business* di negara itu sahaja.

Jadi soalnya sekarang masih ada halangan *tariff* ataupun *non-tariff barriers*, dengan izin, yang berlaku kepada minyak sawit ini. Oleh sebab pengeluar *soya bean* daripada Amerika dan juga *sunflower seed* juga membuat dorongan kepada negara-negara yang tertentu supaya *tariff* dan *non-tariff barriers* diberi kepada kelapa sawit ini dikekalkan supaya kemasukan *soya bean* ini dan *sun-flower seed oil* ini boleh masuk dengan senangnya ke negara tersebut.

Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua ialah apakah negara-negara, adakah India satu sahajakah yang mempunyai? Adakah betul maklumat ini yang saya dapat India sahajakah ataupun negara-negara lain yang mempunyai *tariff* atau pun *non-tariffs barriers* yang telah duduk kekal di sana untuk menghalang kemasukan pihak minyak sawit ini ke negara mereka ataupun membuat minyak kelapa sawit tidak kompetitif kalau dibandingkan dengan *soya bean* dan *sunflower oil seed* di negara tersebut.

Kalau ya, apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk mengatasi soalan *tariff* dan *non-tariff* ini dan di manakah letaknya persoalan *liberalization* di bawah GATT atau WTO berhubung dengan pengeluaran minyak sawit ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, orang Eropah, orang Amerika pandai buat tipu helah, minta maaf bukan tipu helah, saya tarik balik perkataan itu, membuat dalih atau olah, kadang-kadang dari segi pentakrifan benda-benda ataupun barang-barang, kalau ditakrifkan satu barang itu termasuk dalam yang mana dikena tarif, yang mana tidak dikena tarif, pentakrifan itu dikenakan kepada negara-negara kecil macam negara kita ini. Jadi dengan sendirinya kita terkena tetapi negara besar tidak terkena.

Itulah mengapa dikatakan di *international trade* iaitu *snail is fish and* apa lagi saya sudah lupa - *snail* pun ikan juga supaya *snail* ataupun siput di negeri Perancis itu boleh dijual tidak ada tarif. Ini adalah satu helah dan dalih yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu sama ada di Eropah ataupun di Amerika. Jadi di mana letaknya kelapa sawit ini, minyak kelapa sawit ini di mana letaknya kalau di banding dengan soya dan dibandingkan dengan *sunflower seed*? Kenapa pihak-pihak yang tertentu yang nampaknya macam kawan kita, macam geng kita, negeri masih membangun tetapi mengenakan tarif dan *non-tariff*, umpamanya di India, untuk kemasukan minyak kelapa sawit kita. Itu soalan yang ketiga yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga.

Yang keempat ialah soalan –*collaboration*. Tadi saya amat tertarik hati soalan penyelidikan, *Research and Development* yang dibuat oleh pihak Malaysia *Palm Oil*

Board (MPOB), dengan izin, telah mendapat 200 penemuan dan 38 daripada penemuan itu telah boleh dikomersialkan dan ini telah mendatangkan hasil yang mungkin. Tetapi malangnya kita tidak mempunyai data dan maklumat yang sepenuhnya tentang 38 penemuan itu, macam mana daripada pandangan dari segi *contribution* kepada pembangunan industri minyak kelapa sawit di Malaysia dan apa hasilnya kepada negara, apa hasilnya kepada mereka yang terlibat dengan *commercialization*, dengan izin, yang 38 penemuan itu tadi dan kita kena tahu perkara ini. Jangan kita keluarkan sikit, jual hanya dua tong dalam satu tahun kita sudah kata dikomersialkan. Jadi ini belum lagi dapat diterima sebagai satu hasil yang menghasilkan pendapatan lumayan kepada negara bahkan hanya sebagai *token* sahaja *commercialization*nya. Sepatutnya kalau dikatakan *value added product* yang kita dapati daripada hasil penyelidikan itu sepatutnya boleh menandingi pendapatan yang dihasilkan daripada *raw crude* CPO itu sendiri. Kalau kita sudah sampai ke peringkat itu barulah kita boleh mengatakan bahawa penyelidikan itu telah berhasil.

Jadi saya masih belum puas hati daripada soalan *value added* daripada *raw crude* yang kita dapat ini. Kita bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dahulu Malaysia adalah sebuah negara pengeluar kayu balak yang terbesar. Pada masa itu kita keluarkan kayu balak, kita keluar kayu balak, kita keluar kayu balak, negara kita menjadi pengeluar kayu balak yang terbesar di rantau ini dan di dunia. Jadi tidak disangka bahawa kayu balak itu menjadi satu masalah dan tahun 1995, terutamanya pengguna negeri Sarawak yang mengeluarkan 18,000 *cubic ton* kayu balak diturun kepada 9.2 ribu *cubic ton* kayu balak. Dengan sendirinya *revenue* kepada negeri Sarawak dipotong setengah oleh sebab kehendak agensi antarabangsa ITTO.

Jadi dalam keadaan sedemikian, kita kena melihat juga ada masanya nanti kita tidak mencukupi tanah lagi dan tidak ada tempat lagi kita hendak tanamkan kelapa sawit ini. Kita hanya mengeluarkan *raw crude* sahaja, dan *crude* ini tidak ada *value added*, selain daripada menjadi minyak kelapa sawit dan makanan sahaja. Kalau tidak ada benda-benda lain yang kita boleh buat yang kita boleh *added value* kepada produk *raw crude* ini, kita akan terkilan dan pendapatan kita akan mendatar. Jadi, kita perlu menggalakkan lebih besar lagi penyelidikan dan *collaboration* kita dengan pihak-pihak luar mesti diperbesar. Walaupun, saya mengetahui bahawa kita telah mempunyai *collaboration* dengan pihak negeri China, Egypt, Oman, Poland, Rusia, Ukraine, Afrika, Pakistan dan beberapa negeri lain untuk kita membuat penyelidikan bersama, agar mendapatkan satu produk yang boleh dikomersialkan menggunakan *crude oil* ini.

Persoalannya pada peringkat ini Yang Berhormat Menteri, apakah pendapat berlandaskan *collaboration* kita dengan pihak luar ini? Sejauh manakah kita telah berjaya dengan *collaboration* ini, dan apakah tindakan untuk membangunkan, supaya ia boleh pesat lagi membangun. Ini kerana, saya melihat bahawa *collaboration* kita ialah dengan negara yang mana, kita pandang tidak mempunyai asas daripada segi *trade* dia. Malaysia sendiri, *traders* yang terbesar, ke-18 di dunia, bahkan, negara yang saya sebut tadi, bukan negara *traders* yang telah begitu besar. Jadi, kemampuan mereka juga, saya boleh persoalkan daripada segi kebolehan mereka membantu kita, untuk mencari produk baru, hasil daripada *crude palm oil* ini.

Jadi, tidakkah kita mahu bercampur dengan mereka yang lebih maju di Eropah, di Amerika untuk melihat secara bagaimana boleh bekerjasama, walaupun mereka mengeluarkan *soya bean* dan *sun flower seed*. Jadi, ini amat penting supaya kita mengetahui ke arah mana industri kelapa sawit ini, hendak kita bawa pada masa yang akan datang. Malaysia tidak akan berterusan mengeluarkan *raw crude* sepanjang masa. Kita mesti mengeluarkan *value added product* yang *high technology product*, yang kita buat, sama ada sendiri oleh pihak MPOB ataupun dengan pihak dalaman. Sejauh mana, persoalan lagi satu, *collaboration* kita dengan universiti tempatan.

Apakah sokongan MPOB beri dengan universiti-universiti supaya dana mereka, masa mereka, profesor mereka boleh bersama membangunkan industri ini di masa hadapan, supaya kita tidak terkilan menggunakan teknologi orang lain, menggunakan akal pemikiran orang lain sahaja dan kita sendiri tidak memajukan, berlandaskan hanya dengan *collaboration* kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perkara yang boleh kita bincangkan dalam soal undang-undang ataupun dalam industri ini, tetapi buat sementara ini, saya sebagai rumusan, mencukupi saya mengatakan bahawa saya menyokong penuh tindakan kementerian, mengambil tindakan supaya mengesahkan pungutan ses ini kepada pengeluar minyak dan mereka yang terlibat dalam industri ini, untuk tujuan

penyelidikan khususnya kelapa sawit. Saya juga ingin tahu, berapa banyakkah duit sudah terkumpul daripada pungutan ses ini dan berapa banyak telah kita belanja dengan pihak-pihak yang tertentu berhubung dengan *research* kita.

Tadi, kita sudah sebut hal penemuannya, kita hendak tahu jugalah, duit ia, sama ada duit itu banyak ataupun tidak mencukupi ataupun tidak. Perlulah kita naikkan sedikit daripada segi *by-law* dia, kementerian boleh berhak untuk menaikkan *rate* pemberian ses ini supaya kita mendapat tanah yang lebih besar, bahkan, industri kelapa sawit telah memberi banyak kekayaan kepada mereka yang terlibat di dalamnya.

Kerajaan telah memberi tanah kepada mereka ini, memberi kemudahan kepada mereka ini, memberi bermacam-macam lagi kemudahan kepada mereka ini, sepatutnya mereka mesti *contribute* balik kepada negara ini, *contribute* balik kepada agensi ini, khususnya kepada MPOB ini, supaya *research and development* dalam industri ini membangun dengan pesat dan setaraf dengan kemajuan industri ini sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokonglah semuanya, apa tindakan Menteri dan saya percaya penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, sebagai seorang peguam, amat jelas berhubung dengan perundangan, berhubung dengan keputusan dan juga tujuan undang-undang ini dibawa ke Dewan ini. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran.

4.06 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta membahaskan rang undang-undang yang dibincangkan sekarang ini. Saya sependapat bahawa, pindaan ini perlu dilakukan dan tepat pada masanya untuk memperjelaskan tentang definisi yang seharusnya bersesuaian dengan semangat *spirit of the law*, *spirit* yang pada awalnya akta ini digubal pada tahun 1997. Bermula dengan perubahan yang diadakan sekarang ini, *spirit* itu akan lebih jelas dan segala pungutan akan disahkan melalui undang-undang, *research* dan juga tujuan pungutan itu diadakan pada tempat yang asal, akan dapat terus dijalankan untuk industri kelapa sawit pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, industri kelapa sawit merupakan salah satu daripada industri yang banyak menggunakan tenaga buruh di seluruh negara ini. Sebahagian besar daripada apa yang berlaku ketika ini, sebahagian besar daripada tenaga buruh, hasil daripada industri ini, tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang-orang tempatan. Alasan yang sering diberikan oleh pengusaha-pengusaha kelapa sawit ini ialah *operational cost* yang terlalu tinggi. Oleh kerana itu, mereka tidak dapat memberi gaji yang lebih tinggi kepada tenaga buruh yang diperlukan dalam industri ini, dengan membayar gaji yang tidak melebihi daripada RM9 sehari, tentulah industri ini tidak dapat menarik tenaga-tenaga buruh daripada orang-orang tempatan.

Di Sabah umpamanya, lebih daripada satu juta hektar tanah telah dibuka dan sebahagian besar daripada tanah ini adalah ditanam dengan kelapa sawit. Tetapi hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar 60%, 70% daripada pekerja buruh dalam industri ini adalah pekerja-pekerja daripada orang-orang luar negara kita, terutama dari Indonesia. Saya ingin tahu, apa langkah daripada kementerian ini, juga saya telah bertanya ini menerusi Kementerian Buruh, saya ingin tahu pula apa perancangan kementerian ini dalam menentukan bahawa industri ini akan memberi manfaat dari segi tenaga buruh kepada sebanyak mungkin pekerja-pekerja tempatan di dalam negara kita sendiri.

Saya berkata demikian, kerana sebahagian besar daripada tanah-tanah yang diusahakan untuk industri ini berada di luar bandar dan sebahagian besar daripada penduduk luar bandar merupakan mereka yang hidup di bawah paras kemiskinan. Tentulah gaji RM8, RM9 sehari tidak dapat menarik mereka dan tidak dapat mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan yang dihadapi oleh mereka. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa perlu ada satu langkah yang drastik, yang lebih berkesan oleh kementerian ini, untuk menentukan bahawa tenaga buruh dalam industri ini akan dapat dikurangkan pergantungannya pada tenaga buruh daripada negara yang lain.

Ada kemungkinan, kementerian boleh mengambil syarat-syarat untuk menentukan bahawa tenaga buruh dalam setiap usaha ini, harus memenuhi *certain percentage* di antara *local laborers* dan juga *foreign laborers*. Mungkin ini boleh dijadikan dasar oleh kementerian dan untuk menentukan bahawa industri ini akan dapat menyumbang ke arah membasmi kemiskinan, terutama di kalangan masyarakat yang berada di luar bandar. Ses, saya tiada halangan dengan ses. Saya kira, ses kelapa sawit yang telah dikutip selama ini, telah memberi manfaat yang begitu besar terhadap industri kelapa sawit pada keseluruhannya.

Tetapi, terdapat daripada pengusaha-pengusaha kelapa sawit ini menggunakan isu ses ini sebagai *operational cost* mereka. Selain daripada ses tanah yang dikenakan oleh majlis daerah-majlis daerah ataupun Majlis Kerajaan Tempatan, selain daripada cukai-cukai lain, *operational cost* yang lain, saya ingin tahu mekanisme yang ada pada kementerian, untuk menentukan bahawa ses yang dikutip ini, tidak dijadikan sebagai alasan untuk tidak menaikkan gaji pekerja-pekerja buruh dan dijadikan alasan sebagai *operational cost* bagi pengusaha-pengusaha.

Jika ini dapat dielakkan, saya melihat dalam konteks, jika ianya sebahagian daripada *operational cost*, kenaikan harga minyak pada peringkat antarabangsa, akan diseskan lebih banyak oleh kerajaan. Lebih tinggi harga, lebih tinggi ses yang dikenakan oleh kerajaan. Tetapi, dalam konteks *small holder* dan seumpamanya ataupun pengusaha-pengusaha kecil, saya takut, saya khuatir bahawa isu ses ini akan dikenakan bebannya terhadap pengusaha pekebun kecil kelapa sawit.

Jadi ini bererti *the more* kerajaan pungut ses ini daripada pengusaha, maka lebih banyak potongan yang dikenakan terhadap *smallholders* dan pengusaha-pengusaha kecil kelapa sawit pada peringkat yang kecil. Mungkin pada peringkat estet ia tidak memberi kesan tetapi di peringkat *smallholders*, pekebun-pekebun kecil dan pengusaha-pengusaha persendirian, saya tidak mahu dan tidak ingin melihat bahawa ses ini akan memberi beban ke atas pengusaha-pengusaha kecil atau *smallholders*. Ini kerana kita melihat ada segelintir pengusaha ini yang begitu *particulars* terhadap mutu buah yang dijual oleh *smallholders* kepada kilang-kilang mereka.

Penggredan yang dilakukan oleh kilang ini terutama bagi kilang-kilang yang cuma ada satu kilang yang berhampiran dengan *smallholders*, mereka atau *smallholders* tidak ada pilihan lain untuk menjual hasil buah mereka kepada kilang-kilang yang lain. Penggredan ini yang begitu ketat yang dilakukan oleh pengilang-pengilang akan memberi kesan kepada *smallholders* untuk hasil yang lebih tinggi.

Saya risau, Tuan Yang di-Pertua, isu ses dijadikan sebagai *operational cost*, akan menyebabkan pengusaha-pengusaha kelapa sawit mengenakan beban ini ke atas *smallholders*. Apakah langkah dan tindakan yang diambil untuk memantau yang dilakukan oleh kementerian untuk menentukan bahawa perkara ini tidak berlaku terutama ke atas pengusaha kecil kelapa sawit yang berada di luar bandar.

Saya melihat banyak *research*, penyelidikan yang telah dibuat oleh kementerian terhadap kelapa sawit. Satu, penyelidikan yang *interest me* untuk mengetahui perkembangan daripada pihak kementerian berhubung dengan kelapa sawit adalah perkembangan mengenai *tissue culture* terhadap industri kelapa sawit ini yang telah dijalankan sejak sekian lama. Sejauh mana masalah protokol yang dihadapi dalam penyelidikan *tissue culture* terhadap *mother plant* kelapa sawit ini telah dapat diatasi oleh penyelidik-penyelidik yang ada dalam kementerian. Soal protokol, soal prosedur yang lebih sesuai untuk menentukan kejayaan penyelidikan terhadap *tissue culture* ini.

Saya melihat bahawa *tissue culture* merupakan satu penyelidikan yang akan mengatasi masalah kekurangan biji benih kelapa sawit di negara ini tetapi sejak sekian lama penyelidikan terhadap perkara ini dilakukan oleh kementerian, kita masih belum nampak sebarang pencapaian yang begitu kuat ke atas penyelidikan dan masalah-masalah seperti masalah protokol, teknologinya belum lagi dapat dikuasai sepenuhnya oleh penyelidik-penyelidik negara.

Apakah masa depan penyelidikan terhadap *tissue culture* ini dalam negara kita, sama ada ia merupakan satu langkah, satu penyelidikan ke arah pencapaian yang boleh kita banggakan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita terlalu bergantung terhadap industri kelapa sawit. Kalau kita lihat, kita mempunyai *core commodity* yang lain seperti getah, koko,

tembakau, lada hitam dan sebagainya tetapi terdapat kecenderungan bagi kita untuk terlalu bergantung terhadap komoditi kelapa sawit ini. Saya cuma melihat ini dari segi ekonominya, kerana jika ada sesuatu yang berlaku terhadap industri ini, dari segi penurunan harganya, ia akan memberi kesan yang begitu drastik terhadap KDNK negara dari segi sektor pertanian pada keseluruhannya.

Apakah langkah-langkah kerajaan, kementerian untuk menentukan bahawa kita tidak terlalu bergantung terhadap komoditi kelapa sawit. Apakah langkah kerajaan untuk menentukan bahawa kita juga sudah *diversify* dalam segi industri komoditi penting negara seperti getah, koko, lada hitam, tembakau dan sebagainya. Saya melihat keadaan pasaran kelapa sawit ketika ini, dua bulan lalu ia mencecah hampir 1,900 setan metrik, dan sekarang ini kembali kepada lebih kurang 1,500 setan metrik, 1,550 setan metrik. Dalam keadaan di mana *supply* nya sekarang ini adalah pada kadar yang begitu rendah, musim yang begitu rendah sekarang, kerana pada suku dan juga *second part* dan *third part* tahun ini, ia merupakan musim yang lebih tinggi bagi pengeluaran kelapa sawit.

Namun dalam keadaan sekarang di mana *supply* nya berkurangan, harga kelapa sawit tidak meningkat juga jika dibandingkan apa yang berlaku suku akhir tahun yang lalu, dan satu peningkatan kepada 1,900 baru-baru ini dan turun kepada 1,500 sekarang ini, merupakan satu perkembangan yang harus dipantau secara dekat oleh kementerian dan *players* besar dalam industri ini.

Saya ingin tahu sejauh mana turun-naik harga ini dipantau oleh kementerian dan sejauh mana kerajaan melihat bahawa perlu satu kestabilan harga kelapa sawit mengikut pasaran yang dapat dibuat untuk menentukan bahawa masa depan industri ini dan penggantungan kita terhadap industri ini akan memberi pulangan ekonomi yang besar dan juga akan memberi kejayaan dalam industri pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu sejauh mana kerajaan mampu untuk menangani kumpulan-kumpulan NGO yang mengenakan, yang ingin membawa industri kelapa sawit ini pada apa yang telah dikenalkan dengan industri *hardwood* di negara kita, iaitu tentang *sustainable management*, yang dikaitkan dengan *sustainable management*, di mana aspek-aspek *environment* dan *sustainable management* dikaitkan dengan pengeluaran dan juga pemasaran minyak ini di peringkat antarabangsa.

Sejauh mana kementerian mampu untuk menangani gerakan-gerakan NGO seperti yang dilakukan ketika ini. Satu NGO yang begitu kuat untuk menentang usaha kita iaitu *Institute of Environment Management and Assessment* (IEMA) yang telah bercakap tentang *forest management*, pembakaran dalam proses *clearing of land* yang dilakukan di negara ini sebagai satu proses yang tidak memperlihatkan *sustainable management*.

Jika industri kelapa sawit ini dikaitkan dengan *sustainable management* seperti yang dilakukan dalam industri *hardwood*, saya risau kelak nanti industri ini juga akan mendapat kesan yang negatif pada keseluruhannya jika usaha-usaha ini berjaya dilakukan. Jadi, saya ingin tahu apakah kementerian *aware of the problem* dan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menentukan bahawa industri ini akan tetap bergerak dalam keadaan yang baik dan juga memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara.

Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching.

4.31 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya intisari rang undang-undang ini ada dua aspek. Aspek pertama adalah menambahkan kuasa Menteri untuk mengenakan ses ke atas pengeluaran produk kelapa sawit.

Kedua, aspek itu adalah mengesahkan wang-wang yang dikutip secara salah sebelum rang undang-undang ini.

Untuk aspek pertama, ia berkenaan dengan seksyen 35 (1) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998. Seksyen 35 (1) Akta Ibu ini memperuntukkan bahawa Menteri berkenaan berkuasa membuat perintah bagi pengenaan ses atas keluaran kelapa sawit yang dikeluarkan atau dieksportkan dari Malaysia dan perintah ini boleh menentukan jenis amaun dan kadar ses itu dan cara pungutan ses ini.

Akta pindaan ini bertujuan memperuntukkan Menteri dengan kuasa untuk menetapkan orang atau golongan orang yang dikenakan ses di bawah subseksyen itu.

Saya membantah pindaan ini kerana pindaan ini akan memberi kepada Menteri berkenaan, kuasa yang mutlak untuk memilih sesiapa sahaja supaya orang itu atau golongan orang itu dikena bayar ses atas keluaran kelapa sawit mereka.

Akta pindaan itu tidak memperuntukkan bahawa proses pemilihan Menteri berkenaan akan tertakluk kepada kriteria-kriteria yang berkenaan dengan kemajuan industri kelapa sawit Malaysia. Oleh sebab itu, kuasa Menteri untuk memilih seseorang yang dikenakan membayar ses itu mudah disalahgunakan.

Kuasa diberi kepada Menteri untuk mengenakan ses mestilah bersifat ketenteraman umum, membenarkan Menteri berkuasa untuk mengenakan ses atas seseorang individu akan mewujudkan ketidakpastian dalam pelaksanaan kerana tiada siapa yang akan tahu bilakah ia akan dipilih oleh menteri yang berkenaan untuk membayar ses.

Oleh yang demikian, ia tidak selaras dengan niat Akta Ibu yang bertujuan membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri minyak sawit Malaysia.

Akta pindaan ini akan mewujudkan ketidakpastian dan membuka ruang untuk penyalahgunaan kuasa oleh Menteri berkenaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen: Mahu minta jalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen: Diam-diamlah. Okey, saya akan teruskan. Adakah tujuan akta pindaan rang undang-undang ini untuk memberikan kepada Menteri yang berkenaan kuasa yang mutlak supaya seseorang pelabur dalam industri kelapa sawit mesti mengampu-ampu Menteri yang berkenaan, kalau tidak, menteri yang berkenaan akan berkuasa mengenakan ses yang tinggi ke atas produknya.

Dengan rang undang-undang ini ia akan menggalakkan pelabur-pelabur di dalam industri kelapa sawit, supaya mereka memperkawankan Menteri berkenaan supaya mereka tidak dikenakan ses yang tinggi. Saya bukan berkata bahawa Menteri berkenaan akan menyalahgunakan kuasanya, tetapi apabila kita meluluskan sesuatu rang undang-undang, kita perlu mencuba sedaya upaya untuk meramalkan setiap kesan yang mungkin timbul dari undang-undang yang diluluskan itu.

Proses pemilihan dan pengenaan ses oleh Menteri yang berkenaan di bawah rang undang-undang ini langsung tidak ada ketelusan dan ia tertakluk kepada suka hati Menteri yang berkenaan.

Akta pindaan rang undang-undang tersebut, sepatutnya memasukkan kriteria bagi pertimbangan Menteri yang perlu relevan kepada dan sejajar dengan pemajuannya Akta Ibu. Pendek kata, saya membantah seksyen 2(1) rang undang-undang pindaan ini berdasarkan alasan-alasan berikut:-

- (a) ia memberikan Menteri yang berkenaan terlalu banyak budi bicara dan kuasa untuk memilih seseorang individu atau golongan orang untuk dikenakan ses;
- (b) ia tidak membawa kepastian dalam industri berkenaan;
- (c) ia tidak memajukan Akta Ibu iaitu untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri minyak sawit Malaysia;
- (d) kewujudan undang-undang seperti ini akan menjejaskan imej negara kita sebagai sebuah negara yang mempunyai undang-undang yang tidak berketelusan.

Bayangkan kita sendiri sebagai seorang pelabur yang ingin melabur di Malaysia, kita akan mengkaji rang undang-undang yang berkenaan dengan industri kelapa sawit. Semasa kita membaca rang undang-undang ini, *the impression* yang kita akan dapati dari rang undang-undang ini adalah Menteri yang berkenaan mempunyai kuasa yang mutlak (*absolute discretion*) untuk memilih seseorang supaya dia membayar ses. *Impression* ini akan menyebabkan negara kita dipandang sebagai sebuah negara yang *rule by the will of an individual not by the rule of law*, dengan izin.

Seksyen-seksyen lain rang undang-undang pindaan ini bertujuan mengesahkan mana-mana perundangan subsidiari dan yang digubal di bawah Akta Ibu dan lebih pentingnya untuk menganggap

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran bangun.

Tuan Wilferd Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa Menteri yang berkenaan akan mempunyai suatu *power* atau kuasa dan Yang Berhormat mempertikaikan kuasa tersebut.

Pada pendapat Yang Berhormat, siapakah yang sepatutnya membuat keputusan untuk menentukan siapa sebenarnya yang berkuasa untuk menentukan siapa yang membayar ses, siapa yang menentukan. Adakah Yang Berhormat mengandaikan bahawa yang berkuasa ini hanya mahkamah atau ada orang yang mesti ada kuasa? Bagaimana, cuba jelaskan sedikit.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang saya katakan itu adalah memang betul kita mesti ada seorang Menteri atau *officer* atau pegawai yang menentukan ses itu, tetapi semasa kita di Dewan yang mulia ini memberi kuasa kepada Menteri yang berkenaan, kita mesti juga memperuntukkan kriteria-kriteria dan syarat-syarat yang mesti dipertimbangkan oleh pegawai yang berkenaan atau Menteri yang berkenaan supaya ia tidak dapat membuat keputusan atau mengenakan ses sesuka hati.

Itulah tujuan *check and balance*. Itulah ada sistem sekatan imbalan yang kita cakap di sistem kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Wilferd Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kuching mempersoalkan kuasa menteri, tetapi Yang Berhormat tidak mencadangkan apakah kriteria-kriteria Yang Berhormat maksudkan? Kita tidak boleh mengandaikan. Ini bagi saya satu sangkaan jahat kepada kuasa menteri sebab kita masih ada orang yang membuat keputusan dan kalau ada kriteria-kriteria Yang Berhormat tidak langsung bercakap. Cuba ceritakan sedikit kriteria-kriteria itu. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Kriteria-kriteria boleh mengikuti akta ibunya. Kalau Yang Berhormat membaca akta ibunya Seksyen 35(1) perintah yang dibuat oleh menteri boleh menentukan jenis amaun kadar ses. Penentuan kadar ses itu tertakluk kepada apakah jenis yang kerajaan mahu menggalakkan pengeluaran minyak kelapa sawit dikeluarkan. Pindaan ini ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Chong Chieng Jen: Pindaan ini tidak langsung memberikan sebarang kriteria dan tidak langsung memberikan dasar atau prinsip untuk menentukan seseorang yang dikenakan ses, oleh sebab itu saya menyatakan bahawa ia mudah disalahgunakan. Saya tidak menyatakan ia akan disalahgunakan, tetapi itu membuka ruang untuk disalahgunakan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen: Saya akan teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Bagus, baguslah Yang Berhormat. Terima kasih bagi peluang kerana dalam keadaan kita berbincang Yang

Berhormat kita kena bertukar pendapat. Yang Berhormat tadi memang *reflect*, dengan izin, dengan pandangan ataupun pendirian PAS... Minta maaf, DAP. Biasalah. Kalau ada satu persoalan berbangkit dia tidak pernah melihat perkara itu secara positif. Mesti dipandang secara negatif aspek sahaja. Dia tidak pernah pun, apa-apa situasi pandangan itu ialah berlandaskan kepada perkara yang negatif. Jadi, itu perkataan yang keraslah, 'jahat'.

Yang kedua, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat selepas ini. Soalannya ialah situasi *trading* ataupun *business*. Ini soalan industri, ini soalan *business*, ini soalan kita berkecimpung di dalam dunia luar mengatasi sesuatu masalah dan berbagai-bagai lagi dalam keadaan *competitiveness* yang ada persoalan keperluannya, semua sekali kita kena fikir dan soalan *business* ialah *very fluid situation* bermakna ia boleh bertukar. Hari ini kita baik, 1996 kita baik tetapi 1997 kita merudum dihentam oleh pihak yang tertentu. Kita tidak tahu *what tindakan happened*.

Kementerian, kalau tidak ada *the fluidity* kita bendung ia dengan satu *rigidity*. Yang Berhormat *your business, will collapsed*. Jadi Yang Berhormat saya hendak bertanya di mana letaknya bahkan keputusan menteri akanadakah menteri mahu selepas keputusan hendak menolong kawan, orang yang mengampu seperti yang dikatakan Yang Berhormat tadi, diberi tanpa membayar ses atau membayar ses rendah dia nanti kena masuk, bawa ACA dan sebagainya, dia mahu buat kerja sendirilah ini? Jadi Yang Berhormat *the fluidity of business require discretion* daripada menteri dari masa ke semasa untuk mengatasi persoalan yang berbangkit, yang mungkin tidak *for seen circumstances*nya berlaku. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen: Berkenaan dengan *point number one*, Yang Berhormat bagi Santubong. Berkenaan DAP selalu berpandangan negatif tetapi sebaliknya Barisan Nasional juga selalu berpandangan positif sahaja, tidak pernah menimbang apa-apa kesan yang buruk akan berlaku. Saya beri satu contoh. Sebelum Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada pejabatnya.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Contohlah.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, yang lain diam.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya habiskan dahulu baru Yang Berhormat cakap. Okey? Saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, teruskan. Tangga Batu sila duduk. Duduk

Tuan Chong Chieng Jen: Saya mahu menjelaskan apa yang dia...nanti, nanti..nanti saya jelaskan. Sebelum dia dipecat dari pejabatnya sebagai Finance Minister, semasa dia membentangkan Rang Undang-undang Financial Budget dalam Dewan yang mulia itu, semua Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional mengatakan bahawa polisinya yang meningkatkan *interest rate* adalah bagus, kerana dia masih berjawatan tinggi, tetapi setelah dia dipecat daripada pejabatnya *budget* yang *totally opposite* menurunkan *interest rate* dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini....

Seorang Ahli: Peraturan berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong.

Datuk Lau Yin Pin: 38(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, peraturan 38(1).

Datuk Lau Yin Pin: ..iaitu "perbahasan di atas apa-apa rang undang-undang atau pindaan hendaklah berkaitan dengan usul atau rang undang-undang atau pindaan". Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ia menjelaskan berkenaan tadi sebagai contoh.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, jelaskanlah! Jangan main-main dengan peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuching, pendekkan. Pendekkan. Terus balik kepada tajuk asal.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, awak mahu tanya. *If you want to ask you be prepare to listen.* Itu lesson ke...

Seorang Ahli: Ketujuh.

Tuan Chong Chieng Jen: Ketujuh. Lesson ketujuh. *If you want to ask...* *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: *[Ketawa]* Okey. Saya akan teruskan. Saya akan teruskan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bercakap ke arah Yang Berhormat bagi Tangga Batu]* Ha.. mahu minta laluan lagi? Okeylah..okeylah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya hendak minta Yang Berhormat menyatakan bersetuju atau tidak sahaja. Apa yang kita dapati dalam perbahasan rang undang-undang ini sebenarnya pihak kerajaan hendak maju ke hadapan. Setuju atau tidak saya katakan kepada Yang Berhormat bagi Kuching bahawa pihak pembangkang ini dia kena satu sindrom, *syndrome paralysis before analysis*. Bersetuju atau tidak?

Tuan Chong Chieng Jen: Kita mesti analisis dahulu bukan hanya berpandangan positif sahaja. Kerana itu Dewan Negara kita perlu ada pihak pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Peraturan Mesyuarat 41(c) Yang Berhormat bagi Kepong membaca akhbar semasa persidangan Dewan....

[Dewan gamat dengan ketawa]

Tuan Chong Chieng Jen: Pada ketika itu ia wujud, bahawa kita harus menggunakan kuasa sedemikian dengan berhati-hati melainkan jika ia betul-betul perlu. Rang Undang-undang ini sebahagian besarnya menyentuh tentang wang yang dikutip oleh kerajaan sebelum ini yang tidak sah di sisi undang-undang. Di bawah sistem kita, kerajaan hanya dibenarkan mengutip wang daripada orang ramai menurut akta yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan bukan sebaliknya. Rakyat hanya berkewajipan membayar ses atau duit kepada kerajaan sekiranya ada undang-undang yang memperuntukkan pembayaran ses atau duit itu.

Sekiranya sebelum ini tiada undang-undang yang memberikan hak kepada kerajaan untuk mengutip ses berdasarkan pemilihan seseorang atau segolongan orang, maka wang yang dikutip di bawah pemilihan tersebut adalah dikutip secara salah. Mereka yang membayar ses sebenarnya membayarnya tanpa menyedari akan peruntukan undang-undang ataupun kerana takut menimbulkan kemarahan Menteri yang terlibat.

Saya ingin memberikan satu contoh. Seumpamanya pembayaran cukai pendapatan kita. Kalau kita bayar lebih daripada yang diperuntukkan oleh undang-undang Akta Cukai Pendapatan, kita akan dibayar balik oleh kerajaan tetapi kerajaan juga dengan persetujuan Dewan yang mulia ini meluluskan sesuatu akta yang memperuntukkan bahawa semua duit yang dibayar lebih tidak perlu dipulangkan tetapi itu memang kuasa Dewan yang mulia ini untuk meluluskan undang-undang seperti itu. Akan tetapi adakah ia patut dan wajar? Pandangan saya, tidak!. Dan itulah rang undang-undang yang dibentangkan di sini.

So di bawah keadaan sedemikian iaitu pengutipan ses yang secara salah, langkah betul yang patut dilakukan oleh sebuah kerajaan yang dihormati dan bertanggungjawab adalah untuk memulangkan wang kepada mereka yang telah membayar ses dan bukannya mengambil kesempatan dengan menggunakan kuasa Dewan yang mulia ini untuk mengesahkan perbuatan yang salah itu. Lagipun mahkamah sudah....

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Santubong bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya menerima hakikat Yang Berhormat berpendirian bahawa perkara ini patutnya dibayar balik tetapi kalau kita lihat Yang Berhormat, sebenarnya Menteri sendiri sudah jelas sebutkan bahawa *spirit of the law* katanya tadi ialah untuk mengutip ses tetapi dari segi teknikal undang-undang itu sendiri - *the definition of the* perkataan "pemungutan" itu oleh sebab yang saya sebut tadi ialah oleh sebab kemajuan industri itu begitu mendadak dan ia tidak termasuk kepada situasi-situasi yang tertentu, jadi kenapa pemungutan ini menjadi tidak termasuk daripada yang dibolehkan oleh undang-undang.

Jadi dalam masa yang sama, pihak *research* ini sudah mendatangkan hasil yang begitu besar - *loan* baru daripada lapan tahun sampai tiga tahun setengah, ini sudah mendatangkan hasil kepada pihak ini. Mahukan pihak ini bayar juga dengan harga nilai itu oleh sebab sumber kewangan ini digunakan untuk *research*. *Research* ini mendatangkan hasil kepada pihak peladang. Peladang ini hendak minta dibayar balik., Apa pula yang pemberian anugerah kerajaan memberi satu teknikal ataupun *scientific discovery* ini belum dibayar kerana kerajaan hendak bagi *free*.

Jadi Yang Berhormat, macam mana pandangan Yang Berhormat, yang mana *research* ini mendatangkan hasil, ada yang hasil itu telah dinikmati oleh pihak peladang dan peladang itu pula sekarang mengikut kata Yang Berhormat, mesti pulangkan. Macam mana pulang pula? Bagaimana pendapat daripada lapan tahun ke tiga tahun setengah. Kena pulang juga kah ini?

Tuan Chong Chieng Jen: Okey, saya akan jelaskan. Bahasa Cina ada satu pepatah dengan izin..... [Bercakap dalam bahasa Cina] Itu adalah *gentleman*... [Bercakap dalam bahasa Cina] Bermaksud "Hari dahulu awak sudah...". Timbalan Menteri ada sebut... [Menyebut sepatah perkataan Cina] *Gentleman*, dia suka seorang *gentleman*. Walaupun dia suka duit, dia mahu duit tetapi cara-cara yang dia ambil itu mestilah mengikut undang-undang. Kita semua ada menerima pendidikan daripada kerajaan, daripada sekolah yang diperuntukkan oleh kerajaan tetapi kita juga ada membayar cukai. Namun cukai yang kita bayar kadarnya adalah ditentukan oleh undang-undang. Kita tidak akan membayar cukai yang melebihi dari yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Undang-undang yang terwujud di sini adalah memperuntukkan bahawa ses itu tidak patut dibayar. Oleh sebab itu, mahkamah telah memutuskan bahawa syarikat itu tidak perlu membayar ses itu. Oleh sebab itu, kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mesti menghormati keputusan mahkamah. Mereka yang telah membayar ses secara silap, barangkali tidak menyedari pada masa itu akan hak mereka tetapi kerajaan harus mempunyai integriti yang lebih bahkan semangat keadilan untuk memulangkan ses yang dikutip kepada mereka. Ini bukan hanya apabila kita harus menggunakan kuasa kita untuk membuat perundangan secara *retrospective*.

Lagi pula seksyen 35(4) dalam Akta Ibu itu memperuntukkan bahawa sesiapa yang tidak membayar ses yang dikenakan adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan dan didenda. Dengan pemakaian *retrospective* Akta Pindaan ini, Akta Pindaan ini juga mewujudkan satu *criminal offence retrospectively*. Ini juga adalah menentang prinsip-prinsip asasi perundangan.

Oleh itu saya mencadangkan supaya kelulusan rang undang-undang ini perlu ditangguhkan supaya kriteria-kriteria yang perlu dipertimbangkan oleh Menteri yang berkenaan untuk mengenakan ses di atas dimansuhkan dalam rang undang-undang dan ia sepatutnya tidak harus beroperasi *retrospective*.

Dengan ini saya ingin merakamkan bantahan saya atas rang undang-undang yang disyorkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

5.00 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan rang undang-undang ini. Yang pertama sekali di dalam Dewan yang mulia ini kita harus menyedari bahawa industri kelapa sawit ini mendatangkan dan memberikan pulangan yang besar kepada negara kita dan kita jangan lupa bahawa yang memberikan sumbangan besar ke arah kemajuan industri ini adalah tiga pihak, iaitu pihak FELDA, estet-estet dan juga pekebun kecil.

Saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, yang pertama sekali tentang peneroka-peneroka FELDA, khususnya yang mengusahakan kelapa sawit ini. Adakah isu-isu yang melibatkan *Group Settlement Act (GSA)* ini telah pun diselesaikan pada tahap yang maksimum. Sudah tentu peneroka-peneroka FELDA ini memerlukan satu bentuk motivasi, inovatif untuk mereka maju ke hadapan dan memastikan generasi kedua FELDA ini mampu untuk meneruskan pengeluaran hasil yang baik dan bermutu tinggi daripada tanah-tanah rancangan FELDA.

Saya berharap pihak Menteri akan dapat memastikan dengan sejujurnya isu-isu seperti tanam semula, isu mutu baja, isu tabung kebajikan ini akan diselesaikan untuk menjaga kebajikan peneroka-peneroka FELDA agar mereka akan merasa lebih bertanggungjawab memastikan generasi akan datang adalah mereka yang bakal menjadikan tanah rancangan FELDA ini memberikan sumbangan yang besar kepada industri sawit Malaysia.

Yang kedua adalah tentang masalah *human resource* di sektor pekebun kecil yang mana terdapat penduduk-penduduk kampung luar bandar yang menanam kelapa sawit secara kecil-kecilan, tetapi mereka menghadapi masalah *human resource*, masalah penghijrahan anak-anak muda ke bandar dan juga masalah mereka mendapatkan bantuan-bantuan yang bermutu tinggi.

Sebagaimana yang saya sebut dalam Dewan ini sebelum daripada ini tentang keperluan mendapatkan baja yang baik, racun serangga yang bermutu tinggi. Ini masalah *constraint* yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Sebagai contoh, Yang Berhormat Menteri, baja-baja yang bermutu tinggi terpaksa kita import, berjenama Syarikat Ben Meyer sebagai contoh - *Nitrofosca Green 15-15-15* dan juga *Nitrofosca Blue 12-12-17-2+ trace element* ini harganya sangat mahal untuk 50 gram ianya berharga lebih kurang RM68.00. Begitu juga dengan racun serangga bermutu tinggi seperti *Furadan* sangat sukar dihadapi oleh petani-petani ini yang menyebabkan kelompok pekebun kecil ini menghadapi masalah masa depan dalam industri memberikan sumbangan kepada industri sawit ini.

Yang kedua saya hendak menyebut di sini ialah masalah masa depan industri sawit ini sendiri dengan cabaran di peringkat global seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi, persaingan kita, kita terpaksa *compete* dengan pengeluaran minyak soya dan seumpamanya. Ini mendatangkan satu bentuk *competition* ataupun persaingan di peringkat antarabangsa. India sebagai contoh, saya mendapat maklumat membatalkan kontrak pembelian minyak sawit Malaysia kerana mungkin di atas dasar kita menamatkan kontrak laluan kereta api berkembar baru-baru ini.

Indonesia yang mengikut laporan Universiti Gajahmada Fakulti Pertanian mereka, mereka mampu untuk menghasilkan minyak sawit bermutu tinggi yang mereka secara terus terang mengatakan mereka boleh mengatasi Malaysia dalam masa lima tahun akan datang, di mana di bahagian Timur Pulau Jawa dan sebahagian besar Pulau Sumatera sekarang ini sedang ditanam dengan ladang-ladang kelapa sawit yang ini sudah tentu akan memberikan satu impak yang besar terhadap harga komoditi ini.

Yang ketiga, yang akhirnya saya hendak menyebutkan di dalam Dewan ini adalah kenapakah kerajaan masih gagal lagi untuk memberikan satu harga yang stabil terhadap komoditi ini. Yang jelasnya kita mendapati bahawa harga sawit akan naik melonjak tinggi hampir dengan Pilihan Raya Umum, kemudian ianya akan turun

dan dalam keadaan yang tidak stabil. Pernah satu ketika dahulu yang saya berharap tidak akan berlaku lagi pada masa yang akan datang, peneroka-peneroka FELDA dan pekebun kecil pernah menghadapi harga yang paling rendah iaitu lebih kurang RM67.00 setan yang sudah tentu ini akan memberikan masalah kepada pekebun-pekebun kecil.

Jadi, oleh itu saya mengharapkan pihak kementerian akan dapat melihat perkara-perkara ini dan diharapkan untuk kepentingan semua pihak bahawa kita ingin melihat industri kelapa sawit ini muncul dan kekal sebagai hasil pulangan yang besar terhadap negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya beri Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan selepas itu Menteri menjawab.

5.07 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kebenaran untuk membahaskan bersama Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana telah menerima Tuan Yang Terutama yang baru iaitu Tan Sri Mohd. Khalil Yaakob [*Tepuk*] bekas Setiausaha Agung UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil kesempatan ini hendak memberitahu Yang Berhormat bagi Bandar Kuching yang bahasa Latin yang dibacakan tadi kita tidak faham kerana dia sebut pun tidak betul, kalau betul kita semua fahamlah.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati pertama sekali Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ini telah mendapat nama baru yang lebih khusus yang dahulunya kita kenali dengan nama Kementerian Perusahaan Utama dan kita juga telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa antara sektor yang paling banyak menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar adalah sektor pertanian dan kita juga dapati bahawa 60% daripada sektor ini adalah dipelopori oleh industri sawit.

Kita juga maklum bahawa industri sawit ini mempunyai daya saing yang begitu tinggi di antaranya adalah kerana ia terlibat secara langsung di dalam perusahaan moden dan juga negara adalah mempunyai satu kedudukan yang strategik di mana negara menghasilkan 50% daripada pengeluaran minyak sawit dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, apa yang perlu kita berikan perhatian di sini adalah perwujudan PORIM bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan sawit Malaysia dan kita mendapati apa yang telah dimaklumkan kepada kita di mana kadar dan peratusan perahan minyak sawit mentah sehektar bagi tahun 1999 adalah sebanyak 18.65% bagi *oil extraction rate* dan angka itu turun naik, paling tinggi mencecah adalah 20.11% pada tahun 2002, kemudian turun kembali pada tahun 2003 iaitu 19.48%.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jika dilihat daripada fakta-fakta dan angka-angka ini, ia menunjukkan tidak ada satu signifikan kepada hasil daripada penyelidikan dan pembangunan yang telah dilakukan.

Saya mengharapkan supaya pihak kementerian memberikan perhatian kepada angka ini kerana ia sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada kita kerana jumlah perbelanjaan yang terlibat di dalam menyelenggarakan dan mengendali jabatan ini adalah memerlukan satu sumber kewangan yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dapat lihat bahawa kadar hasil minyak mentah sawit sehektar adalah tidak menunjukkan *improvement* ataupun peningkatan yang begitu ketara di mana pada tahun 1999, kita hanya dapat memperoleh kadar hasil minyak sawit mentah pada tahap 3.6 tan sehektar dan pada tahun 2003, kita hanya mempunyai 3.7 tan sehektar. Walaupun ada peningkatan tetapi peningkatan yang terlalu kecil dan amat sukar untuk kita menjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh penyelidikan dan pembangunan ini mendatangkan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya pihak kementerian dapat memberikan penjelasan kenapa ini berlaku. Adakah ia bergantung kepada faktor-faktor yang mungkin di luar jangkaan pihak kementerian seperti yang berlaku kepada ses

yang mana masalah berada di hadapan kita pada ketika ini di mana mungkin kita tidak menjangka bahawa biji itu sebenarnya termasuk tempurung dan isirungnya sekali. Hasil minyak bukan sahaja daripada sabut tetapi mungkin termasuk tempurung dan isirung dan mungkin akan ada lagi selain daripada isirung selepas ini.

Dengan lain-lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya pihak kementerian mempunyai satu fikiran yang lebih berbentuk kepada menganalisis apakah *potential opportunity* ataupun peluang-peluang yang boleh berlaku pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada negara pengimport...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sila Datuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Batu Tangga kah, Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu, Tangga Batu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tangga Batu ya, betul. Maknanya tangga itu batulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih... [Ketawa] Orang kampung, pekebun kecil, dia jual buah tandan segar atau BTS. Harga bergantung kepada pembeli. Pembeli kebanyakannya orang tengah. Jualan ini tidak mengambil kira tentang minyak yang ada pada biji isirung. Minyak yang ada pada isirung itu akan dapat kepada pengilang-pengilang. Kalau dikumpulkan, minyak daripada isirung ini nilainya tiap-tiap hari berjuta ringgit. Siapa yang hendak memperjuangkan ini?

Orang kampung menjual BTS, buah tandan segar, itu sahajalah. Maknanya pengilang atau orang tengah mendapat keuntungan yang berlipat-ganda tanpa banyak sangat risiko dalam hendak menurunkan buah. Pokok kelapa sawit ini makin tinggi makin susah. Galah makin panjang, tengkuk makin mendongak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan orang kampung kadang-kadang antara risikonya terkena durinya. Duri ini kalau termasuk ke dalam, lebih-lebih lagi kalau pekebun itu kencing manis, akibatnya boleh dipotong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, biar Yang Berhormat bagi Tangga Batu menjelaskannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada orang bangkitkan. Kita, Ahli Parlimen, dengan penuh keinsafan, Tuan Yang di-Pertua, saya menyampaikan ini sebagai pembelaan kepada orang-orang kampung, orang-orang yang memang tidak tahu kisah apa-apa. Tanam kelapa sawit, cukup masa tuai, selepas itu jual. Terpulangnya – kadang-kadang timbang kena main, harga kena main, semuanya kena main...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, Menteri ini dia hendak ke mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, sekejap lagi dia jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia hendak sebelah pekebun atau macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan kita, Tuan Yang di-Pertua, kita telah menjadi negara pengeluar yang terbesar minyak kelapa sawit ini. Mutu minyak kelapa sawit kita, alhamdulillah, yang terbaik di Asia Tenggara....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...mengalahkan Indonesia ya. Jadi, macam mana kita hendak membela pekebun-pekebun ini, Yang Berhormat bagi Tangga Batu? Yang Berhormat pun saya rasa sama macam saya, saudara-mara kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:pengundi-pengundi kita kebanyakannya orang yang.... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...telah berusaha... *[Ketawa]* Ha, sila Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Batu Tangga, Tangga Batu, silakan... *[Ketawa]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu, Tangga Batu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, sila Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana begitu prihatinnya terhadap pekerja-pekerja ladang kelapa sawit ini yang rata-ratanya terdiri daripada orang-orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin orang-orang kampung ini yang menyumbang kepada sumbangan terbesar negara dalam bentuk eksport terbesar negara ini juga merupakan sebahagian daripada 1.5 juta orang yang bekerja di ladang-ladang kelapa sawit termasuk dari segi pentadbiran dan pengurusan. Di ladang-ladang ini telah mempunyai kesatuan-kesatuan sekerja yang boleh membela untung nasib mereka di peringkat akar umbi.

Dan saya yakin juga prihatinnya Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading ini akan dapat juga membuka mata pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ataupun pihak-pihak orang tengah yang sentiasa mengambil kesempatan kepada orang-orang kampung dan pekerja-pekerja ladang yang sentiasa tertekan ini. Jadi, itu jawapan saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan perbincangan ini. Kita juga dapat melihat bahawa negara yang terbesar yang mengimport kelapa sawit ataupun hasil kelapa sawit dari Malaysia ialah negara China. Pada tahun 2003 sahaja, mereka mengimport sejumlah 2.55 juta tan minyak kelapa sawit dan negara yang terkecil mengimport minyak kelapa sawit dari negara kita adalah Singapura iaitu dengan jumlah 500 ribu tan pada tahun 2003.

Sebanyak enam negara telah digariskan mengimport minyak kelapa sawit dari Malaysia iaitu China, India, European Union, Pakistan, Mesir dan Singapura. Daripada angka ini mungkin kita dapat melihat bahawa eksport kelapa sawit negara bergantung besar kepada negara China. Bagaimana kalau negara China pula mempunyai hasil lain selain daripada minyak kelapa sawit seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading sebentar tadi iaitu cabaran kepada minyak kelapa sawit hari ini adalah minyak soya dan kebetulan pula kita adalah bukan pengeluar minyak soya utama dunia.

Jadi, saya pohon supaya pihak Yang Berhormat Menteri berikan perhatian kepada perkara ini supaya kita tidak terlalu bergantung kepada satu negara. Kalau boleh, kita pelbagaikan negara yang mengimport...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila pendekkan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menambah sedikit dari segi hasil kelapa sawit ini kerana kita dapati Yang Berhormat Menteri, bahawa hasil daripada kelapa sawit ini juga sekarang ini semua saintis sedang berusaha untuk dijadikan minyak untuk kegunaan kenderaan. Bermaknanya pasarannya begitu baik.

Yang pentingnya bagi saya ialah pihak kerajaan kena mempertahankan penanam macam Yang Berhormat bagi Sri Gading kata tadi supaya orang kita puas hati dengan pendapatan kelapa sawit, harga di pasaran stabil dan ini akan menguntungkan kita dan mudah-mudahan kita akan gunakan alternatif minyak yang ada sekarang ini, petrol yang ada sekarang ini kita gunakan minyak kelapa sawit untuk kenderaan-kenderaan.

Kalau boleh Yang Berhormat Menteri cadangkan kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan kereta dalam negara kita ini supaya memulakan penggunaan enjin yang menggunakan bahan minyak kelapa sawit bukan setakat untuk goreng sahaja. Untuk kenderaan, kalau kita boleh guna gas, saya ingat kelapa sawit tidak ada masalah. Kita gunakan semua. Macam Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat. Yang Berhormat minta penjelasan daripada

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan..... Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita tengok pokok kelapa. Pokok kelapa, daun dia boleh buat ketupat, bungkus boleh buat ketupat. Lidi dia boleh buat penyapu. Buahnya buahnya isinya perah kita buat *nyok*.....buat apa *nyok* ini?[Ketawa] [Dewan riuh] Maaflah *nyok* orang Kedah.

Seorang Ahli: [Menyampuk] Santan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Santan. Kemudian sabutnya pun boleh kita guna.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Tempurung buat butang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Itu kelapa. Ini kelapa sawit Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tempurung buat butang. Arau kata Tempurung buat butang. Mungkin butang yang kita pakai ini semua dibuat daripada tempurung. Daripada pokok, semua boleh guna. Apakah pihak kementerian memikirkan sesuatu supaya pokok kelapa sawit ini pun kita gunakan daripada akar sampai ke buah digunakan untuk pendapatan. Terima kasih. Yang Berhormat bersetuju tak?.... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat bagi Jerai dia tanya kepada Menteri tetapi sebenarnya saya yang kena menjawablah. Jawapannya memang saya bersetujulah pasal apa kalau kita dapat lihat hari ini kelapa sawit ini bukan hasil minyaknya sahaja tetapi keseluruhannya termasuk pelepah, batang, lidi dan hari ini kita dapat lihat juga ada beberapa

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma Yang Berhormat, batang itu Yang Berhormat, batang itu hendak buat apa?.... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Cukup Yang Berhormat. Tangga Batu terus, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya. Kita juga dapat lihat hari ini Yang Berhormat bagi Jerai, ada pengusaha-pengusaha kelapa sawit yang menggunakan kawasan kelapa sawit mereka untuk menternak lembu dan dari apa yang saya dimaklumkan iaitu daging lembu dan susu lembu hasil daripada memakan rumput-rumput di bawah pokok kelapa sawit ini lebih sedap daripada daging lembu biasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah berada di peringkat kesimpulan. Yang Berhormat bagi Jerai tadi mungkin hendak menceriakan keadaan. Apa yang saya harapkan pihak kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri untuk memperhatikan lebih dekat lagi adalah lebih kepada peningkatan produktiviti minyak sawit yang pada hari ini mungkin dihadkan kepada 8 tan sehektar dan mungkin juga lebih dari itu.

Saya juga mengharapkan kementerian Yang Berhormat Menteri untuk memikirkan bagaimana dalam keadaan sedekat mungkin untuk kita mencapai visi produktiviti kementerian iaitu untuk mencapai sejumlah 35 tan buah tandan segar iaitu 25% kadar perahan minyak di mana kita cuma ada pada tahap 20% pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong pindaan rang undang-undang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bi Yacob]: Minta Menteri menjawab. Timbalan Menteri, ya.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Aman]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan dan membahaskan Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia Tahun 2004 dan ramai di antaranya telah pun menyokong dan juga di antaranya telah pun membantah tentang pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong telah pun mengemukakan kelemahan-kelemahan yang wujud di pihak *Attorney General* di atas penggubalan yang tidak selaras dengan pihak industri dan mencadangkan Lembaga Pindaan Kerajaan hendaklah mempunyai kepakaran khidmat nasihat terhadap undang-undang yang baik.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak kementerian kepada Ahli Yang Berhormat bagi Santubong yang telah pun memberi ataupun mengutarakan satu-satu perkara yang kementerian agak begitu penting oleh kerana saranan Yang Berhormat itu supaya lembaga dan badan kerajaan mempunyai pakar undang-undang yang berpengetahuan khas mengenai industri yang berkaitan bagi menjamin keunggulan undang-undang tersebut.

Akta yang dapat membentuk kehendak yang tepat, yang hendak digubal dan kementerian memang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan kita akan mengambil cadangan yang baik untuk kita gunakan sebagai satu garis panduan pada masa-masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat bagi Santubong juga telah pun bertanya, apakah tindakan kementerian agar industri sawit sentiasa di hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa inilah satu-satunya daripada matlamat kita untuk mengenakan ses kepada pihak industri iaitu supaya kita dapat meningkatkan R&D kita ataupun penyelidikan dan pembangunan – *research and development* dalam aspek-aspek pengeluaran huluran dan juga hiliran.

Penggunaan produk-produk baru dan penggunaan baru bagi minyak sawit dan produk-produk sawit haruslah kita usahakan supaya kita dapat mempelbagaikan produk-produk yang dikeluarkan daripada kelapa sawit dan juga Yang Berhormat bagi Santubong telah pun bertanya tentang apakah galakan, bantuan dan sokongan untuk pekebun-pekebun kecil seperti kata Ahli Yang Berhormat bagi Lubok Antu tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kementerian telah pun pergi ke merata-rata tempat di negara kita ini dan menerangkan terutama sekali kepada pekebun-pekebun kecil bahawa kerajaan telah pun memberi beberapa dana dan

kemudahan-kemudahan untuk membantu pekebun kecil bukan sahaja untuk menanam semula pokok-pokok kelapa sawit yang telah berusia begitu tua di antara 25 tahun ke atas, begitu juga bagi Sabah dan Sarawak, kerajaan juga telah pun mengadakan satu dana melalui Bank Pertanian Malaysia iaitu penanaman baru dan ketika ini sebahagian besar daripada dana-dana itu telah pun digunakan untuk membantu pekebun-pekebun kecil itu.

Pihak MPOB sentiasa akan memberikan khidmat nasihat, tunjuk ajar dan juga pembinaan teknologi kepada pekebun-pekebun kecil dan sekiranya Yang Berhormat bagi Lubok Antu ingin terus menanam ataupun memaksimumkan tanah beliau, kita akan sentiasa membantu. Saya rasa Yang Berhormat Menteri berasal dari Sarawak dan saya juga akan sentiasa bersedia memberi pertolongan kepada Yang Berhormat. Kalau boleh kita juga ingin melihat kawasan Yang Berhormat itu sendiri.

Yang Berhormat bagi Santubong telah pun berbincang mengenai halangan tarif dan bukan tarif yang dikenakan oleh negara-negara pengimport. Untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah satu masalah besar yang kita hadapi dan pada masa kini eksport minyak sawit Malaysia dijangka akan terus menghadapi cabaran terutama mengenai alam sekitar.

Industri minyak sawit Malaysia sebelum ini menghadapi tuduhan telah menyebabkan kemusnahan alam sekitar oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan atau NGOs di Kesatuan Eropah.. Pada masa yang sama, cadangan Kesatuan Eropah untuk memperketat lagi peraturan-peraturan kesihatan yang berkaitan dengan dioksin ataupun *poly-cyclic aromatic hydrocarbon* dengan izin dan sisa baki racun makhluk perosak *pesticide residue* dalam minyak dan lemak juga menimbulkan masalah kepada pengawasan perdagangan yang berterusan dalam usaha untuk mematuhi peraturan-peraturan baru. Ini diperlukan bagi memastikan agar minyak sawit tidak terjejas.

Di samping itu langkah-langkah kawalan keselamatan dari segi pengawalan dan pemprosesan bahan makan terutama yang berhubung dengan *feasibility from farm to fork* dengan izin, perlu diamalkan oleh syarikat tempat yang terlibat dalam industri minyak sawit.

Selain daripada itu, tambang perkapalan ke destinasi utama untuk hantaran minyak sawit pukal juga telah meningkat akibat keadaan keselamatan dan politik yang kurang stabil di rantau Asia Barat yang dijangka akan menjejaskan pengeluaran petroleum serta peningkatan permintaan petroleum dari negara Republik Rakyat China.

Pada masa yang sama, kenaikan harga petroleum akan mendorong pemilik kapal untuk mengangkut produk petroleum lebih tinggi harganya berbanding dengan minyak sayuran. Ini bermakna jumlah kapal akan berkurangan untuk mengangkut minyak sayuran terutama sekali minyak sawit. Oleh itu, tambang perkapalan di antara destinasi eksport utama dan negara pengeksport akan meningkat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sambung esok.

Datuk Anifah bin Aman: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat masa persidangan hari ini telah tamat. Kita sambung persidangan esok jam 10.00 pagi. Saya tangguhkan mesyuarat.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.